



# واريتن كلنتن

WARISAN KELANTAN

IX



MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

# واريتن كلنتن

## WARISAN KELANTAN IX

*Diselenggarakan oleh*

Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

Diterbitkan oleh:  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan  
Istana Jahar  
Kota Bharu, Kelantan



Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Pengerusi	:	Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh
Setiausaha	:	Haji Wan Ali bin Wan Ahmad
Ahli	:	Haji Salleh bin Mohd. Akib
	:	Abdullah bin Mohamed (Nakula)
	:	Jazamuddin Baharuddin
	:	Wakil Persatuan Sejarah Malaysia
	:	Cawangan Negeri Kelantan
Rekabentuk	:	Hassan Majid/Shahnan Abdullah

Cetakan Pertama 1990

© Hakcipta: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

7/1  
739-7-21  
200

572988  
APB

dijetak oleh  
United Selangor Press, Sdn. Bhd.  
Kuala Lumpur

# *Kandungan*

- ix PRAKATA
- xi PENDAHULUAN
- 1 BANGUNAN KUNO MASJID KAMPUNG LAUT:  
HUBUNGANNYA DENGAN CAMPA DAN DEMAK  
*Abdul Rahman Al-Ahmadi*
- 13 BATIK KITA: FALSAFAH MOTIF-MOTIF DAN SEJARAHNYA  
*Abdullah bin Mohamed (Nakula)*
- 44 PERKEMBANGAN EKONOMI KELANTAN (1900–1920):  
PERANAN PENASIHAT INGGERIS  
*Mohd. Kamaruzaman A. Rahman*
- 63 SENI UKIR PERAK KELANTAN  
*Mustafa bin Ibrahim*
- 68 MANUSKRIP MELAYU DI KELANTAN  
*Dato Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh*
- 135 GAMBAR-GAMBAR WARISAN LAMA
- 143 BIODATA PENULIS.



## Prakata

BISMILLAHl rRAHMANl rRAHIM

SAYA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sekali lagi dapat meneruskan penerbitan monografinya iaitu "WARISAN KELANTAN" bilangan IX. Saya juga berasa bangga dan gembira kerana Warisan IX ini dapat pula diterbitkan sempena dengan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan Darulnaim.

Adalah diharapkan semoga rencana-rencana yang dipersembahkan oleh "WARISAN KELANTAN" bilangan IX ini akan dapat memberi sumbangan kepada Pengetahuan umum perihal sejarah kemasyarakatan Kelantan dan secara tidak langsung turut pula membantu usaha-usaha menghasilkan sejarah Malaysia yang baru.

Sehubungan dengan ini sekali lagi saya suka menyeru agar lebih ramai lagi peminat-peminat sejarah dan para sejarawan tanahair, khususnya didalam kalangan anak-anak Kelantan sendiri, untuk tampil memberi sumbangan mereka masing-masing kepada "WARISAN KELANTAN" dimasa-masa yang akan datang.

Akhir kata, saya bagi pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti dan juga penulis-penulis yang berkenaan yang telah bersama-sama terus berusaha dengan gigih dan dedikasi bagi menjayakan penerbitan "WARISAN KELANTAN" bilangan IX ini.

Sekian, terima kasih.

Dengan hormatnya,




(DATO' AHMAD RASTOM B. HJ. AHMAD MAHER)

Timbalan Menteri Besar merangkap  
Pengerusi  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Kota Bharu  
Kelantan Darul Naim.

Bertaikh: 30 Julai, 1990.



## Pendahuluan

Bismillahi rRahmani rRahim

**P**ADA tahun lepas sebanyak lapan rencana/esei telah diterbitkan didalam 'WARISAN KELANTAN' bilangan VIII. Esei-esei tersebut adalah mengenai beberapa aspek warisan kebudayaan dan kesenian Kelantan seperti adat berkhatan, perihal keturunan Melayu di Kemboja (Kampucea) dan hubungannya dengan Kelantan, pengaruh bahasa Siam (Thai, dalam dialek Melayu Kelantan, kajian ringkas tentang manuskrip Hikayat Agung Gempita dan karya Perancis dalam sastera Melayu Moden terbitan Kelantan. Diharapkan semoga esei-esei tersebut dapat mendedahkan lagi bahan bacaan dan pengetahuan tentang beberapa aspek kebudayaan dan kesenian Kelantan kepada orang ramai samada di Kelantan sendiri mahupun ditempat-tempat lain di Malaysia.

Untuk meneruskan usaha yang telah diambil pada tahun lepas, maka monograf 'WARISAN KELANTAN' bilangan IX ini menghidangkan sebanyak lima esei lagi yang merangkumi aspek-aspek ekonomi, seni-budaya, perusahaan dan sastera.

Esei-esei yang dihidangkan dalam 'WARISAN KELANTAN' bilangan IX ini adalah sumbangan daripada penulis-penulis yang tidak asing lagi kepada para pembaca monograf ini, iaitu **Abdullah bin Mohamed (Nakula)**, **Drs Abdul Rahman Al-Ahmadi**, **Mustafa bin Ibrahim** dan **Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh**. Walau bagaimanapun pada terbitan ini **Mohd. Kamaruzaman A. Rahman**, seorang pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia dan ahli arkeologi memberi sumbangannya bagi kali yang pertama kepada monograf ini.

Setakat ini penglibatan penulis-penulis tempatan (di Kelantan) masih lagi terbatas. Alangkah baiknya jika sekiranya lebih ramai lagi penulis-penulis tempatan tampil memberi sumbangan kepada monograf ini. Seperti yang pernah ditegaskan disini seseorang penulis itu tidak semestinya dari golongan sarjana atau penuntut universiti. Sesiapa sahaja yang mempunyai pengetahuan serta pengalaman sebagai peserta atau orang yang terlibat didalam satu-satu jenis aktiviti kehidupan manusia seperti dibidang kebudayaan, kesenian, kesusasteraan, perusahaan, pentadbiran dan seumpamanya lagi bolehlah menulis sumbangannya. Mereka tidak seharusnya berasa segan untuk merakamkan pengetahuan

atau pengalaman mereka secara bertulis. Kita mesti ingat sudah banyak pengetahuan dan pengalaman yang berharga dan berfaedah kepada orang ramai, bangsa dan negara telah hilang begitu sahaja apabila mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman tersebut meninggal dunia. Betapa ruginya masyarakat, bangsa, negara kita dan generasi akan datang.

Oleh itu saya suka menyeru supaya dimasa akan datang lebih ramai lagi penulis tempatan tampil ke hadapan memberi sumbangan mereka. Essei-essei atau tulisan-tulisan mereka bolehlah dihantar kepada Pengarah Muzium Negeri Kelantan untuk diterbitkan.

Akhirnya, bagi pihak Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan berbilang-banyak terima kasih kepada penulis-penulis yang telah memberi sumbangan mereka masing-masing kepada 'WARISAN KELANTAN' bilangan IX (tahun 1990) ini. Sekian, wassalam.

Dengan hormatnya,



DATO' NIK MOHAMED BIN NIK MOHD. SALLEH  
Pengerusi,  
Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti,  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Kota Bharu,  
Kelantan Darun Naim

30 Julai, 1990

## ***Bangunan Kuno Masjid Kampung Laut: Hubungannya dengan Campa dan Demak\****

ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

**B**ERKATALAH mendiang Professor Jaspas yang pernah mengajar di Universiti Hull, Ingeris yang dalam tahun 1966 telah melawat ke Kelantan dan melihat masjid Kampung Laut: "dilihat dari segi arkitektur seni bangunan ini adalah sama dengan Masjid Demak di Jawa abad kelima belas." Untuk kata-kata ini kita cuba mencari jejak sejarahnya.

Bagi negeri Kelantan, khususnya, masjid tua ini sungguh penting. Daripadanya dapat dijadikan bahan untuk mempelajari sejarah perkembangan Islam di sini dan sumbangan apa yang mungkin dapat diberikan oleh Kelantan pada masa lalu sebagai tempat pemancaran Islam di Nusantara. Selain daripadanya dari masjid ini sekurang-kurangnya dapat pula dipelajari segi arkitektur seni bangunan asli kita.

Timbullah persoalan bilakah masjid ini didirikan? Belum ada kata sepakat yang dapat mengesahkan, tetapi dari segi dongeng seperti yang banyak diceritakan oleh penduduk tempatan — teristimewa orang-orang Kampung Laut, Kelantan — ada mengisahkan bahawa masjid ini didirikan dalam tahun entah berapa oleh serombongan ahli pelayaran ulama/wali yang berasal dari Cepa (Campa). Dalam pelayaran mereka ke Tanah Jawa, di tengah laut perahu mereka bocor dimasuki air. Mereka bernazar bila perahu mereka selamat sampai ke sebuah pantai yang terdekat, maka di situ akan didirikan sebuah masjid. Kebetulanlah di tempat yang bocor itu dimasuki oleh seekor ikan hingga menjadi penyumbat (gegala) yang dapat mencegah kemasukan air.

Terikat oleh nazar, maka rombongan ulama/wali itu mendarat disebuah kampung di tepi laut. Di situ didirikanlah sebuah dari tiga buah masjid yang pelan dan kayu-kayunya sudah siap dibawa dari negeri Campa. Sesudah siap masjid itu dibina, mereka meneruskan lagi perjalanan ke Jawa untuk men-

\* Rencana ini ialah kertaskerja yang telah dibentang dan dibincangkan oleh penulis di Seminar Arkeologi Indonesia di Yogyakarta, Jawa Tengah Indonesia pada 4-7 Juli 1989.



dirikan dua masjid lagi di sana yang mempunyai sama bentuk dan ukuran pula seperti yang sudah didirikan di Kampung Laut, Kelantan itu tadi.

Mengikut cerita dongeng itu lagi yang sering diceritakan oleh orang-orang di Kampung Laut sekarang, bahawa mereka pernah mendengar cerita yang diceritakan oleh orang-orang Jawa, bahawa ada tiga buah masjid tua yang pernah didirikan oleh wali Jawa itu. Dua di antaranya terdapat di Jawa tetapi yang satu lagi tidak tahu di mana letaknya. Dan sangat aneh, kata cerita dongeng itu, yang hilang itu diketemukkan di Kampung Laut<sup>1</sup>.

Sesudah lazim orang mengatakan bahawa Jawa menerima Islam dari Melaka (Melaka dalam erti tradisi orang Indonesia bukan Melaka dalam erti kata geografi politik sekarang. Perlu dikaji semula). Kalau dikaji dari segi tarikh kemasukan Islam di Jawa, adalah lebih awal daripada Melaka sendiri. Sebagaimana yang diketahui, Melaka baru muncul di abad kelima belas, sedangkan jauh sebelum Melaka wujud, di Leran di sebelah barat Tuban (Jawa Timur) terdapat sebuah makam puteri Islam bernama Fatimah binti Maimun bin Hibatullah berangka tahun 475 Hijrah atau 1082 Masihi<sup>2</sup>. Makam puteri ini dikalangan mulut rakyat disebut Makam Puteri Suari<sup>3</sup> atau Makam Puteri Campa. Pada zaman Majapahit pula iaitu pada zaman Hayam Wuruk (memerintah 1350-1389M) dengan Perdana Menteri Gajah Mada kita lihat di ibukota Majapahit ketika itu sendiri, dekat dengan Tralaya sekarang, terdapat banyak makam-makam Islam yang tertulis di batu nisannya angka tahun 1369M<sup>4</sup>. Ini menunjukkan bahawa agama Islam di Majapahit bukan suatu hal yang baru sahaja masuk, melainkan sudah biasa dalam masyarakat di ibukota itu. Bahkan waktu itu salah seorang Raja Majapahit berkahwin pula dengan salah seorang dari dua orang puteri Islam yang datang dari Campa<sup>5</sup>.

Mengenai masyarakat Islam di ibukota Majapahit pula baiklah kita kutip apa yang diceritakan oleh Ma-Huan<sup>6</sup> seorang Islam Tionghua yang datang ke Majapahit dalam tahun 1413M. Mengikut beliau di ibukota Majapahit terdapat tiga golongan penduduk:


- i. Orang-orang Islam yang datang dari Barat.
- ii. Orang-orang Tionghua yang kebanyakannya menganut agama Islam.
- iii. Rakyat yang selebihnya masih menyembah berhala.

Yang sangat menarik perhatian dari keterangan Ma-Huan ini ialah perkataan 'dari Barat'. Sudah tentulah barangkali maksud beliau itu dari arah negeri-

- 
1. Penyelidikan yang penulis lakukan di Kampung Laut pada tahun 1965 dengan menanyakan kepada beberapa orang tua ditempat itu.
  2. Lihat Drs. Soekmono, 'Sejarah Kebudayaan Indonesia' Jld 3, Penerbit Nasional Trikarya, Jakarta, 1959, hlm. 39; dan S.Q. Fatimi, 'Islam Comes to Malaysia', Malayan Sociological Research Institute Ltd., 1963, hlm. 40.
  3. Lihat Soekmono *Ibid* 42. Mengikut pendapat lain Puteri Suari ini meninggal dunia dalam tahun 1391 M. jadi tidak sama dengan Fatimah Maimun bin Hibatullah. Lihat 'Seminar Masuknya Islam ke Indonesia', Medan, 1963, hlm. 193.
  4. Lihat Soekmono, *Ibid*, hlm. 42.
  5. Darawati, puteri Islam Campa yang berkahwin dengan Angka Wijaya, Raja Majapahit. Lihat, Thomas Stamford Raffles, 'History of Java', Volume II, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 115-116.
  6. Lihat Soekmono, *Ibid*, hlm. 42.



*Peninggalan Masjid Kuno Campa*



*Masjid Kuno Demak (Jawa Tengah) sebelum diperbaiki*

negeri Arab, dan Indo-Persia. Dan bagi kita cukup beralasan bahawa sebelum Islam itu datang ke Jawa, Islam itu telah berpijak lebih dahulu di pusat peradapan di sebelah utara Nusantara yang dapat memegang peranan dalam refleksi kebudayaan baru itu ke Nusantara. Dan dalam hal ini rasanya Campa dan Pantai Timur Semenanjung Melayu yang justru letak geografinya dalam garisan perhubungan laut yang segaris cukup sesuai dan strategik untuk dapat memegang peranan itu<sup>7</sup>.


Untuk mengetahui bagaimana peranan Campa dalam penyebaran Islam di Nusantara dalam abad ke-14 dan 15 Masihi, baik kita paparkan pula sedikit sejarah masuknya Islam ke Campa. Islam di Campa dibawa oleh seorang mubaligh terkenal, Syed Hussain Jamadaluddin Al-Qubra yang sebelum ke Campa pernah pula beristeri dengan salah seorang puteri dari atau dinasti yang nanti kemudian hari menurunkan raja terkenal dalam sejarah dengan gelaran Raja Cermin<sup>8</sup>.

Di Campa, Syed Hussain Jamadaluddin Al-Qubra telah berkahwin pula dengan Ramawati, puteri Sultan Zainal Abidin Syah, Raja Campa. Salah seorang anak Syed Hussain Jamadaluddin Al-Qubra, bernama Malik Ibrahim. Malik Ibrahim inilah yang nanti kemudian dalam sejarah menyebarkan Islam ke Jawa Timur. Malik Ibrahim meninggal dunia di Gersik (Jawa Timur) pada 12 Rabiul-Awal 822 Hijrah atau 1419 Masihi.


Mengikut keterangan Raffles dalam bukunya 'Sejarah Tanah Jawa' yang dipetik berdasarkan dongeng Jawa mengatakan bahawa Malik Ibrahim ini adalah seorang ulama dari Arabia<sup>9</sup> sepupu kepada Raja Cermin (sebuah negeri di tanah seberang). Beliau menyiarkan Islam di Gersik. Sesudah agak berhasil menyiarkan Islam di sana, terdengarlah berita kepada Raja Cermin, tertariklah hati raja yang takwa ini untuk bersama menyiarkan Islam itu di Jawa lebih-lebih lagi di Majapahit. Raja Majapahit waktu itu Angka Wijaya bersedia masuk Islam asalkan beliau dikawinkan dengan puteri yang cantik dari Raja Cermin. Lalu berangkatlah Raja Cermin ke Majapahit bersama puterinya dan puteranya Sidik Mohamed. Dari sumber lain ada mengatakan beliau disertai oleh sepupunya yang lain bernama Syed Jaafar, Syed Kassim dan Syed Khairat. Tetapi sayang, belum pun tugas pengislaman itu dilaksanakan, tiba-tiba mereka diserang penyakit menular hingga semuanya meninggal dunia kecuali Raja Cermin. Sampai hari ini makam mubaligh-mubaligh ini masih ada di Leran, sebelah barat Tuban (Jawa Timur) terkenal dengan nama 'Kubur Panjang'.

Sekarang timbul pula persoalan di manakah letaknya negeri Cermin itu yang nampaknya memegang peranan besar dalam penyebaran Islam. Dari Raffles ada ditunjukkan letaknya di seberang. Tetapi banyak ahli sejarah lain sangsi untuk menunjukkan secara pasti. Ada setengah mengatakan letaknya di India, ada pula yang mengatakan letaknya di Indonesia. Kalau di Indonesia, di mana?

7. Lihat S.Q. Fatimi yang menyatakan bahawa perkembangan Islam di Alam Melayu ada dalam satu garis hubungan melalui Pantai Timur Semenanjung menghadapi Laut China Selatan - Than-sang, Patani-Terengganu dan Leran, hlm. 61-67 dan lihat juga Cesar Adib Majul, University of Philippines, 1973, hlm. 42-43.
8. Lihat Abdullah Nakula, 'Kelantan Dalam Sejarah Yang Tersembunyi (Manuskrip, 1973) dan 'Sejarah Kelantan: Beberapa Lintasan', Kertaskerja Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan, 12-15, April 1980, Fasal II: 'Kelantan Dalam Empayar Cermin', hlm. 27-29.
9. Lihat T.S. Raffles, 'History of Java' *Ibid*, hlm. 113-114.



*Struktur Masjid Kampung Laut (gambar Abdul Halim Nasir)*



*Perbandingan antara Masjid Kampung Laut Kelantan dan Masjid Agung Demak, Jawa Tengah, Indonesia. (gambar Abdul Halim Nasir)*

Bahkan ada pula yang mengatakan letaknya di Chiengmai, (Thailand utara) dan Brunei<sup>10</sup>. Ini hanya didasarkan pada persamaan bunyi sebutan antara 'Cermin' dan 'Chiengmai'. Dan kebetulan pula di sana terdapat puteri-puteri yang cantik yang mungkin menjadi minat raja untuk mengahwininya.

Mengenai Chiengmai ini bagi penulis tidak cukup dilihat dari segi persamaan bunyi sebutan sahaja antara 'Cermin' dan 'Chiengmai'. Sebab di sana tidak dapat mewakili seorang raja pun yang pernah menganut agama Islam. Di sana agama Buddha yang berkuasa di sepanjang sejarahnya. Kerana itu ada baiknya kita cuba cari negeri Cermin itu dari indikasi tradisi dan pengertian 'Tanah Seberang'. Di Jawa, mengikut tradisinya pengertian 'seberang' banyak menunjukkan Semenanjung Melayu dari seberang lain di Indonesia. Dalam cerita Panji (yang wujud sebelum Majapahit) ada disebut Ratu Agung Melayu Ratu Seberangan.

Dalam sejarah Islam Demak pula abad ke-16 Masihi, Patih Unus di sebut Pangeran Seberang Lur, kerana beliau menyerang Portugis di Melaka. Di samping itu pula dalam zaman Madya Islam ini pernah diceritakan ada di antara wali-wali Jawa belajar ke Melaka. Jadi dengan demikian pengertian Seberang itu lebih menunjukkan Semenanjung Melayu daripada bahagian-bahagian lain. Kalau demikian dimanakah letaknya negeri Cermin itu di Semenanjung Melayu ini? Penulis ingin membawa negeri Cermin itu jauh ke Pantai Timur – ke Kelantan/Patani – berdasarkan beberapa fakta.

Dari catatan tertulis, Pantai Timur lebih awal Islam dari Melaka (Melaka dalam pengertian geografi baru) dan kalau ada cerita yang mengatakan ada di antara wali Jawa belajar di Melaka, maka maksud Melaka itu harus dicari dalam skop yang luas dalam erti politik Melaka dahulu dan Melaka dalam pengertian tradisi orang-orang Jawa dan di Indonesia sekarang, iaitu seluruh Semenanjung Melayu ini. Jadi bukan Melaka dalam erti politik yang sempit sekerat tanah di Pantai Barat Semenanjung Melayu. Lagi pula mengikut sumber Portugis ada mengatakan bahawa Melaka menerima Islam dari Pantai Timur, dan dari Patani serta Pang<sup>11</sup> (Pahang atau Phan Rang di Campa). Kebetulan pula di Kelantan sampai sekarang ini masih hidup dinasti yang pernah berkuasa di Pengkalan Datu, daerah Pengkalan Cepa dekat Kota Bharu (daerah yang banyak hubungannya dengan Campa dan Patani). Mengikut cerita yang hidup di kalangan tertentu itu, sangatlah cukup dengan fakta-fakta sejarah yang berhubungan erat dengan Jawa, Campa, Patani dan Kelantan (Raja Cermin). Di samping itu kalau hendak dihubungkan negeri Cermin itu dengan fakta mental rakyat, maka bukan berlebihan kalau dikatakan dari sejak dahulu sampai sekarang Patani – Kelantan lebih mewaliki secara relatif banyak ulamannya dan dari sejak dahulu menjadi pusat pendidikan agama. Profesor Jaspian pernah menyatakan kepada penulis dalam tahun 1966, tentang kehairanan beliau sewaktu berada di Kampung Cam, Kemboja dalam tahun 1965 di mana kebanyakan orang Islam Cam sangat berhasrat dan memohon doa kiranya Allah memberi peluang kepada

10. Lihat Dr. Haji Mohamad Jamil, 'Catatan Sejarah Perwira-Perwira dan Pembesar-Pembesar Brunei', Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1971, hlm. 68 dan 70.

11. Menurut Emanuel Codinho de Eredia dalam, 'Discription of Malacca and Meredional India and Cathy' yang menulis dalam tahun 1613 bahawa kepercayaan Islam telah diterima di Pantai dan di Pang di Pantai Timur dan kemudian diterima dan digalakkan oleh Parameswara di Melaka, lihat JMBRAS (Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society), Vol. III, Part 1, hlm. 49 dan S.Q. Fatimi, *ibid*, hlm. 67.

mereka untuk mendapat belajar agama di Kelantan. Apakah daya tarikan itu? tanya beliau.

Ya, kalau hendak dicari pula negeri Cermin itu pada fakta perawakan fizikal, tentu kita tidak dapat menolak secara relatif fizik wanita-wanita di sini. Dan dalam hal ini penulis ingin menghubungkannya pula dengan beberapa peristiwa sejarah pada masa lalu yang telah disumbangkan oleh Kelantan dalam injeksi perkahwinan puteri-puterinya dengan raja-raja yang berkuasa. Dalam Sejarah Melayu pernah disebut bahawa Sultan Mahmud (1477) Melaka kahwin dengan Puteri Unang Kening dari Kelantan. Raja Mansur dari Pahang – kahwin dengan puteri Bongsu yang mengikut nasab berdarah Kelantan pula. Dalam tahun 1649 Puteri Sa'dung kerana termasyhur cantik sangat dighairahi oleh Raja Siam dan memaksa puteri itu kahwin dengan baginda. Dalam tahun 1762 seorang Puteri Long Yunus kahwin pula dengan Tengku Muhammad Putera Sultan Mansor Terengganu<sup>12</sup>. Dalam sejarah lain pula Ibn Batutah yang pernah singgah di Kuala Krai, Kelantan sekitar tahun 1297, menakjubi kecantikan Udruja<sup>13</sup> yang dalam sebutan sehari-hari Kelantan dipanggil Cik Siti Wan Kembang. Mengikut Ibn Batutah kecantikan Ratu Udruja itu sama dengan puteri Turki. Dari fakta sejarah yang lain bahawa Raja Campa, Po Rome (1627–1653), sewaktu melanjutkan pelajaran agamanya di Kelantan mengawini seorang puteri Kelantan<sup>14</sup>. Kerana itu tidak aneh kalau tercatat sejarah bahawa Raja Majapahit sanggup masuk Islam asal dikahwinkan dengan Puteri Raja Cermin yang cantik itu.


Kembali kita kepada persoalan masjid tua Kampung Laut ini, bilakah didirikan tidaklah diketahui. Tetapi bagi ahli sejarah yang ingin mengetahui baiklah penulis ajak untuk mencari tarikh itu pada sebahagian dinding kolah. Di situ terdapat bekas relief ukiran dan tulisan yang hurufnya sudah tidak dapat dibaca lagi kerana terlampau sering digosok orang bagi mencuci kolah itu. Walaupun dijangka kolah ini dibuat lebih muda dari bangunan Masjid itu sendiri tetapi berdasarkan bata kolah itu ianya terbuat dari batu sungai atau batu bukit. Berkemungkinan pula bahan-bahannya dibuat dari batu dan oleh tukang tempatan (Kelantan), sebab sejak dari dahulu hingga sekarang ini di Kelantan ramai penduduknya masih menggunakan batu penggilingan dan kisaran yang terbuat dari batu bukit. Dengan demikian, ada petunjuk sekurang-kurangnya di Kelantan ada tukang pahat batu yang mampu membuat ukiran relief itu. Sampai hari ini Kelantan masih hidup seni ukirannya – sobek awan larat, batik dan seni kerajinan perak.

Jika disesuaikan dengan cerita dongeng di atas bahawa masjid tua ini dibuat oleh ulama/wali dari Campa dalam perjalanan ke Jawa dan dihubungkan pula dengan adanya hubungan sejarah antara Raja Cermin – Campa dan Jawa, maka kita dibawa ke satu arah untuk mempercayai kepada cerita dongeng itu. Lebih

12. Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, 'Kelantan Pusat Pemancaran Islam di Zaman Dahulu', dalam *Mingguan Kota Bharu*, 19 Dis. 1968.
13. Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, 'Ibnu Batutah Pernah Singgah di Kuala Krai, Kelantan', dalam 'Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya', Siri Penerbitan Jabatan Pengajian Melayu Bil. 3, hlm. 109–116.
14. Lihat Dr. Po Dharmas, 'Le Panduranga (Campa) 1802–1835' publication De l'Ecole Francaise D'Extreme – Orient, Vol. CXLIX 1987, hlm. 141–149 dan *Apport Cultural Du Monde Malais Au Campa Seminaire, Masyarakat dan Kebudayaan Melayu–Campa di Indonesia* di IBKKN, 10 Feb. 1988.



*Masjid Kampung Laut di tahun 1905. Gambar ini diterbitkan dalam buku W.A. Graham tentang Kelantan di tahun 1908.*



*Masjid Kampung Laut selepas banjir besar 1966.*



lebih lagi kalau kita hubungkan pula dengan tarikh masjid Demak yang didirikan pada tahun saka 1401 di zaman Wali Sembilan. Adapun Wali Sembilan ini ada mempunyai hubungan kekeluargaan dengan dinasti pemerintah di Campa, Raja Cermin dan Jawa. Misalnya seorang wali Jawa yang bernama Raden Rahmatullah adalah berdarah Campa. Dalam zaman Wali Sembilan ini ada seorang murid Sunan Kalijaga bernama Sunan Tembayat. Nama Tembayat mengingatkan kita kepada Kembayat. Nama Kembayat itu dapat dikaitkan pula dengan pengasas pendiri dinasti Kelantan moden yang berasal dari Kembayat Negara.

Untuk menambah fakta masjid tua Kampung Laut ini baik pula dipelajari dari segi bahan bangunan. Sebagaimana yang diketahui masjid ini tiangnya dibuat dari bahan kayu cengal, dan tiangnya seluruhnya 20 buah termasuk 4 tiang seri atau dapat juga dikatakan 8 tiang serinya. Ukiran lebar masjid ini 52 kaki dan panjangnya 60 kaki dengan lantai-laitainya terbuat dari sejenis kayu kukuh, mungkin lamsa atau merbau yang tebalnya 3 inci lebih, lebar kayunya 6 inci dan panjangnya 26 kaki. Masjid ini sangat tinggi. Dari lantai ke puncak lebih kurang 50 kaki dan dari lantai ke tanah dahulu khabarnya dapat dilalui gajah. Mengikut cerita mulut rakyat pernah Almarhum Sultan Mulut Merah (Sultan Muhammad II - memerintah tahun 1837-1886) memerintah menggali dasar tiangnya sampai ke matair belum juga ketemu dasarnya.

Tetapi menurut ukuran yang penulis ukur dari satu kakinya yang mencecah air, tinggi tiang dari dasar tanah ke lantai (masih ada bahagian tiang itu yang ada dalam tanah) lebih kurang 9 kaki, sedangkan tinggi tiang dari lantai ke tutup tiang (puncak tiang) lebih kurang 20 kaki. Besar lilitan tiang seri 42 inci. Pada tiang seri ada tetupai berukiran relong bunga terbuat dari kayu cengal setinggi 38 inci dengan tebal kayunya 2½ inci. Dekat masjid ini ada sebuah 'Balai Lintang' sebagai tambahan baru. Mengikut catatan yang ditulis di atas sekeping tembaga, pada tiangnya ada disebutkan tanggal dibina 22 Syaaban 1328 Hijrah. Pada bahagian sampingnya ada sebuah menara yang dibuat kemudian daripada binaan masjid ini. Tingginya lebih kurang 60 kaki.

Mengenai kolah di belakang yang ada relief pahatnya itu, dapat disebut bahawa batu kolah bahagian atas itu satu blok panjang 54 inci dengan lebarnya 20 inci dan tebalnya 5¼ inci. Tinggi kolah dari dasar seminya ialah 30 inci. Terdiri dari satu setengah blok batu. Dasar kolah terdiri dari 3 blok yang masing-masing panjangnya 52 inci dan lebarnya 20 inci (jadi panjangnya 52 x 3 inci dan lebarnya 20 x 3 inci).

Mengingat sangat dekatnya masjid ini dari laut bahkan dulunya masih dapat orang melihat laut terbuka dan mengingat pula sangat jauhnya masjid ini dari tebing sungai yang dikatakan orang dahulunya setengah batu lebih, maka rasanya dengan bantuan ahli-ahli kajibumi dapat diketahui pula sebanyak mana robohnya tebing setiap tahun akibat banjir dan berapa ribuan meterkah dari pantai ke Kampung Laut sekarang. Dengan demikian dapat diketahui berapa meterkah tanah yang telah menimbun kaki masjid itu setiap tahun. Hari ini lantai masjid itu hampir sama rata dengan tanah.

Kalau hendak ditinjau masjid Kampung Laut ini dari segi arkitektur seni bangunannya, memang terdapat persamaan gaya dengan masjid Demak. Atapnya bersusun bersifat ganjil tiga dengan dinah dasar empat persegi dan tiang





*Masjid Kampung Laut di Nilam Puri, setelah dipindahkan dari Kampung Laut pada awal tahun 1970-an.*

seri 8. Mengenai segi arsitektur seni bangunan pada setiap masjid pada zaman Madya Islam dapat dinyatakan semuanya sama. Semuanya bergaya unsur purba Nusantara sendiri sebagai lanjutan dari seni bangunan makam yang bersusun-susun kemudian dilanjutkan pula pada seni candi pada zaman Hindu. Dalam gaya seni bangunan candi Nusantara asli ia berlainan dengan seni bangunan candi di India. Persamaan terbatas pada dinah dasar sebagaimana yang ditetapkan dalam Salpasastra Hindu, yaitu dinah dasarnya empat persegi. Sedangkan di atas tiang candi, gaya seni bangunan Nusantaralah yang berkuasa. Dari seni bangunan purba Nusantara inilah dijemakan pula dalam seni bangunan masjid, yaitu adanya atap tumpang bersusun yang kebanyakannya bersifat ghazal (ganjil) 1, 2, 5 dan 7. Makin ke atas makin kecil dan semacam bangunan bulat, di Kelantan dinamakan 'Buah Gotong' sebagai penutup di tengah-tengah.

Di Kelantan seni bangunan atap bersusun itu tidak hanya terdapat pada masjid, tetapi juga pada wakaf-wakaf yang berserak di tengah-tengah padang bagi tempat berteduh musafir atau orang-orang dalam perjalanan. Juga pada istana-istana dan rumah-rumah potongan lama.

Adanya gaya seni bangunan masjid dengan atap tumpang bersusun dengan buah gotong ini, tidak lain adalah perjelmaan dari dasar fikiran filosofis orang-orang kita pada zaman dahulu bahawa alam ini dilapis yang di bawah masih penuh dengan kekotoran. Makin keatas makin bersih dan akhirnya bulan menuju kepada alam yang tidak terbatas, terlepas dari ruang dan waktu, terlepas dari rupa bentuk, semuanya kembali pada satu zat KeTuhanan yang abadi.

Suatu hal yang perlu diperhatikan mengenai kedudukan masjid Kampung Laut ini adanya makam di sampingnya seperti yang terdapat pada masjid Langgar, Kota Bharu yang mempunyai makam raja-raja dan makam penduduk biasa.

Hal ini pun menjadi ciri khusus bagi masjid-masjid pada zaman Madya Islam. Masjid makam semacam ini terdapat pula di Jawa. Adanya makam di samping masjid tidak lain adalah lanjutan dari tradisi purba Nusantara yang dimaksudkan sebagai tempat yang selalu diziarahi oleh orang-orang yang masih hidup. Sedangkan masjid pula sebagai tempat berkumpul semua lapisan, bersama-sama melakukan kewajipan terhadap Allah. Jadi terpenuhlah sekaligus dua fungsi pokok dari masjid/makam seperti di Kampung Laut itu. Akhirnya oleh kerana memandang pentingnya Masjid ini dari segi sejarah, maka saya rasa kajian perbandingan perlu dibuat secara khusus terhadap Masjid Kampung Laut, Masjid Demak dan Masjid Kuno Campa dengan mengambilkira aspek sejarah perkembangan Islam di Asia Tenggara pada amnya dan khasnya mengenai nama peribadi Wali Sembilan sebenarnya seperti Rahmatullah, ayahnya seorang Arab dan ibunya berdarah Melayu Campa. Ainul Yakin, Fathilah dan Syarif Hidayatullah serta lain-lain yang kebanyakan mereka lebih dikenali dengan nama gelaran daripada nama peribadi seperti Sunan Ampel, Sunan Giri dan Sunan Gunung Jati. Nama tokoh peribadi ini dapat dikenalpasti melalui kajian nasab. Bagi orang-orang Arab, nasab merupakan dokumen yang disimpan turun temurun dan dapat dipercayai. Dengan dimikian, kita akan dapat satu maklumat mengenai hubungan sejarah Campa, Kelantan dan Jawa, setidak-tidaknya menunjukkan kepada bangunan kuno Masjid Campa, Masjid Kampung Laut dan Masjid Demak Jawa.

### Bibliografi

1. Abdullah bin Mohamed (NAKULA) – Kelantan Dalam Sejarah Yang Tersembunyi (Manuskrip), Kota Bharu, Kelantan.
2. Abdul Rahman Al-Ahmadi – Kelantan Pusat Pemancaran Islam di Zaman dahulu.  
"Mingguan Kota Bharu", 19 Disember, 1968.
3. \_\_\_\_\_ – Ibnu Batutah Pernah Singgah di Kuala Krai, Kelantan.  
"Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya", Jabatan Pengajian Melayu, Bil. 3, 1985.
4. Eredia, Manoel Godinho de – Description of Malacca, meridional India, and Cathay.  
Translated from the Portuguese with notes J.V. Mills, JMBRAS, 8(1) April 1930.
5. Fatimi, S.Q. – Islam Comes to Malaysia  
edited by Shirle Gordon,  
Malaysian Sociological Research Institute Ltd., Singapore, 1963.
6. Majul, C. Adib – Islam in the Philippines  
University of the Philippines, Manila, 1973.
7. Mohamed Jamil (Dr. Haji) – Catatan Sejarah Perwira-Perwira dan Pembesar-Pembesar Brunei  
Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1971.

8. Po Dharma (Dr.)
  - Le Pandurangga (Campa) 1802-1835, Tom 11, Ecole Francaise D'Extreme-Orient, Paris, 1987.
9. Raffles, S.T.
  - History of Java Volume 11, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965.
10. Seokmono (Dr.)
  - Sejarah Kebudayaan Indonesia, Jld. 3, Penerbit Nasional Trikarya, Jakarta, 1959.

# Batik Kita: Falsafah Motif-motif dan Sejarahanya

ABDULLAH B. MOHAMAED (NAKULA)

## 1. Definisi

**P**ERKATAAN "batik" nampaknya berasal dari Indonesia dari perkataan Melayu untuk "titik" dan perkataan Jawa "mba" ertinya "menulis". Oleh itu "batik" bererti "menulis titik-titik" yang dimaksudkan disini sama ada berupa titik-titik dalam ertikata yang sebenarnya atau berupa bunga-bunga dan lain-lain motif kecil-kecil diatas permukaan kain putih. Kemudian, teknik untuk mewujudkan motif-motif itu tergantung pada zaman dan ruang.

Ada orang memberikan definisi yang lebeh sempit, dikatakan "batik" ialah lukisan atau gambar pada kain putih yang diperbuat dengan menggunakan alat canting<sup>1</sup>. Orang melukis atau menggambar atau menulis pada kain putih memakai canting disebut "membatik" bahasa Jawa "mbatik", menghasilkan "batik" atau "batikan" berupa macam-macam motif dan mempunyai sifat khusus yang dimiliki oleh batik itu sendiri<sup>2</sup>.

Ada pula orang memberikan semacam definisi yang sempit juga menurut proses pembuatan batik; batik ialah kain yang 100% dicetak dengan lilin menggunakan blok-blok atau tulisan lilin selepas sehelai kain itu 100% dicelup dengan bermacam-macam warna<sup>3</sup>.

Dalam tulisan ini, kita menggunakan definisi yang luas diatas tadi.

## 2. Falsafah Keindahan Melayu

Bangsa Melayu sejak dari awal lagi sejak dari terjadinya mereka sebagai suatu "ras" atau "bangsa" adalah suatu "bangsa yang amat-amat bertuhan",

- \* Rencana ini berasal dari kertaskerja yang telah diperbaiki untuk Bengkel Batik Tradisi Melayu anjuran Pusat Kebudayaan Universiti Malaya dan telah dibaca dan dibincangkan pada 22 Januari 1990 di Panggung Experimen, Universiti Malaya.
- 1 Tripnoto, 1979, dipetik oleh Sarah Arney dalam Malaysian Batik, hlm. 30, 1987.
- 2 Drs. Hamzari dalam Batik Klasik, hlm. VI, 1981.
- 3 Report of the Task Force, 1972, hlm. 2, dipetik oleh Sarah Arney dalam Malaysian Batik.

sebab mereka dari keturunan manusia-manusia bertuhan, kekasih-kekasih Allah, sejak ribuan tahun yang lalu.

Bila datang agama Islam, agama ini memberikan pula suatu pendekatan ilmu ketuhanan yang sama dengan apa yang telah dianuti oleh nenek moyang mereka dulu. Yang berbeza hanya dari aspek syariat atau lapisan kulit dari agama sahaja yang diwahyukan Allah kepada rasul-rasul menurut zaman dan ruang, tetapi inti iktiqad dan cara berpegang pada Allah tetap sama, tidak berubah, juga berbeza dari aspek istilah-istilah menurut bahasa yang dipertuturkan oleh rasul-rasul dan bangsa mereka dalam suatu zaman dan ruang, tetapi inti iktiqad dan cara berpegang pada Allah tetap tidak berbeza, melainkan golongan yang sesat.

Zat Allah, zat yang disembah adalah "esa", tiada dapat digambar atau diceritakan. Dari "zat yang kelam", tiada dapat difikir oleh akal ini, menerusi "sifat ilmunya", maka tajalli atau manifest sifat-sifat yang amat banyak dan berbagai ragam sebagai "objek-objek ilmunya" yang dinamakan "alam". Bila terjadi alam ini, bukanlah sifat ilmunya itu terpisah dari alam, malah maujud dan meliputi seluruh alam ini. Setiap yang muncul dari alam kepada alam, sekali lagi dari alam kepada alam, sambung menyambung adalah dari sifat ilmunya. Sebagai contoh, kita ambil "manusia" yang memang suatu contoh yang terbaik. Dari sifat ilmu Allah terjadi manusia dengan segala keajaiban jasad dan rohnya, dengan keindahan rupanya, dengan kemampuannya bermakrifat dengan Allah berilham dan berwahyu dan menciptakan sesuatu termasuk segala macam kesenian, pada hakikatnya adalah dari sifat ilmu Allah itu, meskipun kita memberikannya berbagai nama. Juga dari sifat ilmu Allah terjadi lain-lain organism baik flora atau fauna dengan segala macam keajaiban dan keindahan rupanya, pada hakikatnya adalah dari sifat ilmu Allah juga. Sebagai contoh yang paling mudah, cuba kita lihat kepada "bunga", bagaimanakah bunga ini menjadi beranika ragam dan sangat indah rupanya, mempunyai berbagai macam bentuk, berbagai macam kelopak dan berbagai macam warna warni yang mengkagumkan kita? Adakah kepandaian untuk mentajallikan bunga ini ada pada pokok bunga itu sendiri? Bila kita telah faham konsep di atas tentu kita mengerti bahawa bunga itu lahir dari ilmu Allah yang maujud bersama pokok itu sendiri.

Dengan manifestasi sifat ilmu Allah yang wujud pada zatnya yang esa dan rahsia itu, sekarang terjadilah bahagian-bahagian yang amat banyak yang kita gelarkan "alam". Sekarang timbulah di antara bahagian-bahagian alam ini, subjek dan objek, kita melihat bunga, kita menjadi subjek dan bunga menjadi objek, bunga melihat kita, ia menjadi subjek dan kita menjadi objek, Roslan melihat Rohani, Roslan menjadi subjek dan Rohani menjadi objek, begitulah sebaliknya. Segala suatu yang manifest dari ilmu Allah itu, melihat antara satu sama lain, mendengar kata-kata dan nyanyian-nyanyian antara satu sama lain dan lain-lain yang pada hakikatnya adalah "esa" dari sifat ilmu Allah yang esa. Ilmu Allah adalah saling melihat, saling berkata-kata dan saling mendengar dalam rangka keesaan sifat ilmu. Kemudian "ilmu" adalah sifat yang berada pada zat, ilmu Allah adalah sifat yang berada pada zatnya. Kalau ilmu Allah yang meliputi itu lain dan zatnya lain, bererti sifat berpisah dari zat. Ini adalah mustahil.

Dengan ini, bermakna, meskipun segala suatu itu kelihatan banyak, hendaklah "syuhud" (pandang dengan fikiran dan kalbu) pada hakikatnya adalah "esa" iaitu Zat Allah yang Maha Esa.

Dipandang dari aspek lain, Zat Allah itu mempunyai dua kelompok sifat-sifat: "sifat-sifat Jamal" (sifat-sifat keindahan) dan "sifat-sifat Jalal" (sifat-sifat kehebatan). Tetapi sifat-sifat Jalal ini sentiasa tersembunyi kerana ditekan dan dikuasai sifat-sifat Jamal. Jadinya sifat-sifat Jamal itu yang nyata. Sebab itu dalam hadith digambarkan: "Allah Jamil (indah) dan cintakan Jamal (Keindahan)". Begitulah seterusnya datang kepada alam ini, kedua-dua sifat itu tetap berwujud dalam alam dan diwarisi oleh alam. Meskipun dalam alam ini ada baik (Jamal) dan buruknya (Jalal), pada hakikatnya adalah baik (Jamal) kerana alam ini manifest dari yang bersifat baik iaitu Allah Taala.

Seterusnya setiap manusia, setiap individu mesti ada dalam dirinya sifat-sifat Jamal dan sifat-sifat Jalal tersebut seperti kasih – benci, sabar – marah, rendah diri – sombong, adil – zalim dan lain-lain. Tetapi selama ia tetap berada dalam keadaan tenang, pengasih, mencintai seni dan lain-lain, maka sifat-sifat Jalalnya seperti marah, benci, sombong dan lain-lain terpendam dalam jiwanya. Jadinya kita dapat katakan individu adalah Jamil (indah). Bila ia memprojeikan rasa seninya keluar berupa ukiran bunga umpamanya, maka kepandaianya ini, meskipun pada kenyataan kita katakan sebagai kepandaian individu, pada hakikatnya adalah kepandaian Allah, atau kita katakan sebagai keluar dari ilmu individu, sedangkan pada hakikatnya keluar dari ilmu Allah.

Bila individu lain melihat ukiran bunga, individu ini menjadi subjek dan ukiran bunga menjadi objek, kedua-duanya berasal dari sifat yang esa "ilmu Allah", yang keluar dari sifat-sifat Jamalnya (keindahannya), sekarang bertemu. Dari sini timbul "rasa keindahan" kerana kedua-duanya pada hakikatnya esa. Dari sini timbul penghayatan seni yang amat mendalam. Melainkan andainya wujud faktor-faktor lain, indah bagi individu ini, tetapi tidak indah bagi individu itu, menurut kadar tinggi rendah penonjolan sifat-sifat Jamal dan sifat-sifat Jalal pada seseorang. Meskipun demikian tidak ada yang indah mutlak dan buruk mutlak. Setiap individu akan bertemu dengan keindahan yang sesuai dengan sifat-sifat yang wujud pada dirinya. Di samping ini, suatu faktor lagi ialah kerana perbezaan sesuatu budaya sesuatu masyarakat, apa yang dianggap indah oleh masyarakat Cina, tidak semestinya indah bagi masyarakat Arab umpamanya, juga kerana perbezaan taraf budaya sesuatu masyarakat itu. Ini kita dapat pelajari dalam ilmu falsafah, bahagian esthetika. Meskipun wujudnya perbezaan-perbezaan itu, semuanya merupakan kulit sahaja juga merupakan kepelbagaian manifestasi ilmu Allah, tetapi pada asasnya adalah indah kerana keluar daripada yang Maha Indah, Allah Taala.

Dari latar belakang falsafah yang seperti ini, nenek moyang kita memandang kepada segala manifestasi dari Allah adalah "indah". Dari sejak zaman Pra – Brahma, zaman Brahma, zaman Buddha, sampai kepada zaman Islam, keindahan-keindahan yang bersifat organik seperti tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang kita dapati dilahirkan oleh para artis pada candi-candi di Jawa dan Campa terutamanya pada relief Candi Borobudur. Dalam zaman Islam, keindahan-keindahan ini ditumpukan pada motif tumbuh-tumbuhan sahaja. Meskipun

terdapat sedikit motif geometrik. Bila dilihat ukiran tumbuh-tumbuhan ini, kita dapati mempunyai pengertian ketuhanan yang sama sahaja dalam sepanjang zaman tersebut.

Dalam tradisi orang-orang Islam di Asia Barat keindahan sifat ilmu Allah ini digambarkan dalam motif geometrik, meskipun terdapat sedikit motif tumbuh-tumbuhan, tetapi tujuannya sama.

Bentuk geometrik itu terjadi dari memandang bentuk alam yang bulat dalam perlambangan dan bulat dalam kenyataan:—

a. Alam yang bulat dalam perlambangan. Pandangan terjadi kerana alam itu dipandang sebagai berasal dari "Zat Allah" yang diperlambangkan dengan "titik dalam idea", kemudian titik ini manifest dalam kenyataan menjadi suatu sifat yang tidak lain daripada titik dalam idea itu juga, bermula dari "titik dalam kenyataan" atau sifat ini, sifat Allah ini berekstensi, memanjang sambil melengkung dan melengkung berakhir dengan kembali semula kepada "titik dalam kenyataan" menjadi suatu "bulatan wujud", yang mana "titik dalam kenyataan" ini juga adalah manifest dari "titik dalam idea" iaitu "Zat Allah"<sup>4</sup>. Tujuan perlambangan ini hendak menyatakan bahawa apa yang dinamakan "alam" itu tidak lain pada hakikatnya ialah "Zat Allah yang Maha Esa".

b. Alam yang bulat dalam perlambangan itu dijadikan "bulatan wujud" dalam kenyataan iaitu "bulatan alam". Proses kejadian tujuh bulatan alam bawah, di bawah bulatan langit yang pertama dijadikan asas seni ukir geometrik. Alam yang berasal dari "seketul zubah" (seketul buah) atau "seketul gas", lalu meletup menjadi tujuh bulatan alam yang mengembang. Kedudukan tujuh bulatan alam ini menjadi bunga geometrik, kemudian dipandang dari tiga dimensi, alam menjadi empat persegi dan begitulah seterusnya menjadi enam persegi, delapan persegi dan bermacam-macam segi yang bila dimasuk-masukkan menjadi berbagai pattern seperti bunga teratai<sup>5</sup>.

Dalam tradisi nenek moyang kita, sebagaimana yang telah diperkatakan tadi, motif ukiran adalah pada flora atau "bunga-bunga" dan "daun-daunan". Hubungannya dengan Zat Allah digambarkan dengan indahnya dalam ilmu seni ukir:—

"Tumbuh hendaklah berpunca, punca itu rahsia, tajam tidak menerjah lawan, lilit tidak memeluk lawan, tetapi berlegar mesra"<sup>6</sup>.

Yang dimaksudkan dengan "rahsia" atau dalam bahasa Arab disebut "sirr" ialah "Zat Allah" yang maujud, tetapi tiada dapat ditanggapi oleh akal. Dalam pengucapan nenek moyang kita sering juga disebut dengan "kelam" atau "gelap", kerana tiada dapat diterokai oleh akal. Sama dengan "titik dalam idea" tadi atau "al-kanz al-Makhfi" (Perbendaharaan yang Tersembunyi) sebagai yang tersebut dalam suatu hadith qudsi.

Dari "rahsia" itu muncul "alam yang indah", sesuai dengan sifat Allah "yang indah" (Jamil) dan cintakan keindahan (Jamal).

Dalam menggambarkan "keindahan Allah" ini, maka lahirlah "seni ukir"

4. Lihat Ibn 'Arabi dalam al-Futuh al-Makkiyah, jilid 3, hlm. 255, 259-261 dan 274-277, juga lihat al-Imam al-Ghazali dalam Maqasid al-Falsafah, hlm. 183-185.

5. Huraian lanjut tentang ini lihat dalam buku "Islamic Patterns" oleh Keith Critchlow, hlm. 9-29 dan seterusnya.

6. Keterangan dari Wan Musa bin Wan Yusuff, seorang ahli seni ukir dari Jeritih, Terengganu.

dalam kebudayaan kita dengan mengambil motif flora tadi. Para artis sebagai individu-individu memindahkan rasa seninya pada ukiran kayu atau logam seperti emas, perak dan tembaga, atau pada kain, menjadi motif-motif kain-kain tenun biasa dan songket istimewa menjadi "motif-motif batik" yang kita sedang bicarakan sekarang.

Meskipun apa yang kelihatan itu motif "bunga-bunga, daun-daunan dan dahan-dahan bersama batang-batang", atau berupa "sekuntum bunga" sahaja, tetapi para artis kita di zaman silam yang cukup arif dengan ilmu ketuhanan adalah "syuhud" (pandang dengan akal dan kalbu) kepada hakikatnya iaitu "keindahan Allah". Bila berlaku syuhud ini terjadi penghayatan seni yang menyeluruh menerusi mata terus masuk ke lubuk kalbu yang mendalam kemudian berbalik keluar ke seluruh sel dan atom jasmaninya, lalu keluar pengucapan secara spontan: "subhanallah" ertinya "Maha Suci Allah", maksudnya "hanya Allah sahaja yang maujud, tiada bercampur dengan yang lain", kemudian disambung pula dengan "walhamdulillah" ertinya "dan segala pujian hanya bagi Allah".

Inilah teras "falsafah keindahan" kita dan inilah "falsafah esthetika" kita yang asal. Kemudian, di zaman-zaman akhir, zaman telah ramai orang tiada mengenal lagi Allah sebagaimana di zaman silam, taraf penghayatan seni itu tidak sama lagi dengan nenek moyang di zaman silam itu. Hanya merasa indah menerusi mata kepada akal sahaja, ada juga yang lebih mendalam, tetapi setakat perasaan lapis luar sahaja.

Contoh yang diterangkan di sini hanya dalam bidang seni ukir sahaja, begitu juga dalam bidang-bidang lain seperti seni suara, seni tari, seni muzik, seni sastera, seni drama dan lain-lain kesenian klasik, adalah untuk menggambarkan keindahan sifat-sifat Allah. Sebab itu dalam kesenian klasik ini tidak ada ciri-ciri kotor kelahiran dari sifat-sifat Jalal yang melulu sebagaimana sekarang. Kesenian itu ada batas-batas etikanya yang merupakan norma-norma dari sifat-sifat Jamal.

"Rahsia" atau "sirr" atau "zat" yang disifatkan sebagai punca tumbuhnya sesuatu motif ukiran itu adalah maujud dalam permulaan yang disebut dengan "benih", samada nyata atau tertutup. "Benih" ini pula digambarkan dalam berbagai bentuk dan berbagai kedudukan yang mencorakkan pula pattern ukiran itu. Di sini digambarkan beberapa bentuk benih sahaja. (Lihat gambar a, b, c, d dan e).


### 3 Motif-Motif

Motif-motif batik atau biasa disebut dengan "bunga-bunga" sebenarnya adalah perlanjutan daripada motif-motif ukiran terutamanya ukiran kayu. Oleh itu kalau hendak dicari "motif-motif tersembunyi" atau "falsafah motif-motif" batik itu, mestilah dicari pada "falsafah motif-motif" ukiran. Bila telah ditemui falsafah motif-motif itu, kita akan dapat memahami falsafah motif-motif batik, baik motif-motif ini dibuat secara sadar atau tidak sadar. Sebab ini dalam bahagian awal dari pembicaraan ini ditekankan benar-benar mengenai "falsafah keindahan" dan "ilmu ketuhanan" orang Melayu di zaman silam, untuk memahami "motif-motif tersembunyi" bagi motif-motif batik.

Oleh kerana motif-motif ukiran itu tidak dapat dipindahkan dengan sepenuhnya pada kain putih, ia dipindahkan mana-mana bahagian yang dapat



- a. *Benih tertutup*: Benih ditutup dengan daun hingga tiada kelihatan lagi, serupa dengan alam yang kita nampak fenomenanya sahaja tanpa diketahui datang dari mana, sama dengan "titik dalam idea" dalam konsep Asia Barat. Salah satu contohnya adalah seperti dibawah ini:



- b. *Satu benih nyata*. Satu benih melambangkan kelahiran alam dari "satu titik" sebagaimana menurut konsep Asia Barat. Dari benih ini muncul alam yang terbahagi kepada dua sifat-sifat Jamal dan Jalal. Salah satu contohnya adalah seperti dibawah ini:



c. *Dua benih nyata. Dua benih yang melambangkan kelahiran alam dari dua sifat-sifat Jamal dan sifat-sifat Jalal, tetapi semuanya harmoni menjadi suatu "keindahan". Salah satu contohnya adalah seperti dibawah ini:*




*Benih Jamal*

*Benih Jalal*

- d. *Satu benih berupa pasu. Kelahiran alam dari satu benih yang mengandung di dalamnya sifat-sifat Jamal dan sifat-sifat Jalal dari dalam satu pasu. Contohnya adalah seperti dibawah ini:*




- e. *Satu benih berupa bunga. Kelahiran alam dari sifat-sifat Jamalnya yang diperlambangkan dengan bunga, tetapi di dalamnya mengandung sifat-sifat Jamal dan Jalal yang lahir dalam alam nyata. Contohnya adalah seperti dibawah ini:*






*Blok Kayu*



*Bunga Tampok  
Manggis*

"Bunga Tampok Manggis" ini, nampaknya perubahan suai dari bunga teratai berkelopak enam, melambangkan "jantung langit-langit" atau "matahari" alam atas yang menguasai alam kita sebagaimana yang terdapat pada matawang "dinar matahari" yang ditemui di Kelantan.

Motif "Bunga Ara" melambangkan sifat-sifat Jamal dan sifat-sifat Jalal Tuhan yang turun dan naik, silih berganti yang disebut "awam larat" dalam ukiran (lihat gambar dibawah).




*Blok Kayu*



*Bunga Ara*

*Motif "Bunga Rebung" yang digelar juga "Gunung Sari" melambangkan alam dalam bentuk gunung. Di dalamnya mengandungi bunga-bunga, melambangkan keindahan alam itu, kerana ia keluar dari "yang indah".*



*Pucuk Rebung*


dipindahkan sahaja. Sebab itu motif-motif organik terutamanya flora atau tumbuh-tumbuhan pada kain batik lebih simple, tidak kompleks sebagaimana pada ukiran. Suatu faktor lagi bahawa motif-motif pada kain batik tidak memerlukan keseriusan dalam menghayati seninya sebagaimana pada ukiran kayu atau logam. Motif-motif ini memerlukan penghayatan seni yang tidak mendalam, untuk dihayati oleh orang-orang awam sahaja. Jadinya, motif-motif pada kain batik itu lebih bersifat perniagaan.

Meskipun demikian sebagaimana yang telah diperkatakan di atas bahawa motif yang paling tua setakat yang diketahui di Semenanjung Tanah Melayu ini ialah "pohon bunga" dengan umbi, batang, dahan-dahan, ranting-ranting, daun-daun dan bunga-bunga. Umbinya melambangkan alam yang lahir dari rahsia.

Bila Raden Mukhtar dari Jawa memperkenalkan blok tembaga dalam tahun 1926 ketika bekerja pada perusahaan batik Haji Che Su, dalam bidang motif-motif, yang pertama sekali diperkenalkan oleh Raden Mukhtar ialah "pohon bunga" seperti itu. Barangkali ia telah mendengar tentang kegemaran tradisi penduduk Kelantan pada zaman itu. Untuk satu motif ini sahaja ia mempergunakan banyak blok, beberapa blok untuk batang dan dahan-dahan, beberapa blok untuk ranting-ranting dan daun-daun dan beberapa blok untuk bunga-bunga yang berlainan<sup>7</sup>.

Nampaknya contoh dari motif ini di zaman-zaman kemudian dapat dilihat dari motif "bunga tampok manggis" yang tumbuh dari dalam pasu. (Lihat gambar).

Motif "Bunga Teratai" terdiri dari empat kelopak, enam kelopak dan delapan kelopak (lihat gambar di bawah).



- a) Bunga Kotak Bercampur
- b) Bunga Tumpangan
- c) Bunga Katang Cinta
- d) Bunga Topengan


- e) Bunga Telepuk
- f) Bunga Telepuk
- g) Bunga Putu Tampok Manggis
- h) Bunga Cabang

<sup>7</sup> Keterangan dari Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su, (berusia 74 tahun), Jalan Dato' Lundang, Kota Bharu, Kelantan.



Meskipun bunga-bunga ini diberikan dengan berbagai nama, tetapi semuanya berasal dari motif "bunga teratai", bunga suci bangsa Melayu sejak zaman Pra-Brahma, zaman Brahma, zaman Buddha dan zaman Islam awal dan pertengahan. Bunga-bunga teratai ini mempunyai pengertian-pengertian yang tinggi dipandang dari sudut alam kecil (mikrokosmos) dan sudut alam besar (makrokosmos).

Selain daripada motif-motif berbentuk berbagai jenis bunga dan daun, pada suatu ketika motif "air bah" atau "banjir" adalah digemari. Ini terjadi selepas berlakunya "bah besar" yang digelar "bah air merah" (akhir tahun 1926 dan awal tahun 1927). Kemudian orang ramai kembali semula menggemari motif bunga terutamanya "bunga sekuntum"<sup>8</sup>.

Motif-motif fauna atau binatang, burung, ikan, ayam, rama-rama dan lain-lain sungguh pun dari segi seni memang digemari, tetapi kerana larangan dalam agama Islam para pengguna tidak mahu memilikinya, kerana dianggap boleh menimbulkan "waswas" atau "keraguan" dalam sembahyang adakah motif-motif ini menjadikan sembahyang itu sah atau tidak sah. Kalau hendak dikatakan tidak sah, tidak tersebut dalam syarat-syarat sah sembahyang. Kalau ini meletakkan kita dalam keraguan, lebih baik tidak usah dimiliki. Sebab ini motif-motif fauna itu direka oleh pembatik-pembatik seolah-olah berbentuk bunga, atau dengan mengasingkan tiap-tiap bahagian dari anggota-anggota seekor burung garuda umpamanya seperti sayap, kepala dan ekornya, menjadi seakan-akan kuntum-kuntum bunga yang berlainan, menjadi suatu pattern kesenian (lihat gambar).



8 Keterangan dari Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su.



(a) *Burung Merak*

(b) *Variasi rama-rama*



#### 4. Batik Untuk Golongan Istana

Dari tahun 1926 hingga tahun 1929, di negeri Kelantan terdapat sejenis motif dan warna batik yang hanya dapat dipakai oleh golongan istana atau keluarga diraja sahaja. Batik ini bermotif sejenis lambang kebesaran diraja berwarna hitam dan tanahnya kuning muda<sup>9</sup>.

Dalam ilmu ketuhanan warna "hitam" lambang Zat Allah, sama dengan konsep "kelam" yang tersebut dulu, kerana zat itu tidak dapat dicapai oleh akal, tiada dapat ditembusi oleh fikiran, tetapi ia "wajib al-wujud" artinya "mesti wujud", manakala warna "kuning muda" lambang sifat "Kamal (Kesempurnaan) Allah. Bila Allah telah mempunyai sifat-sifat Jamal (Keindahan) dan sifat-sifat Jalal (Kehebatan), maka ia pun mempunyai sifat Kamal (Kesempurnaan).

Dalam abad ke-19 Masihi memang terdapat ramai tokoh-tokoh ilmu ketuhanan secara hakikat dan ahli-ahli ibadat dalam kalangan keluarga diraja Kelantan, juga dalam kalangan rakyat. Ukiran-ukiran kayu yang penulis bentangkan di sini yang mengandungi ilmu ketuhanan yang amat tinggi adalah dari bangunan Tengku Sri Akar Diraja yang dibangunkan pada akhir abad ke-19 Masihi oleh ahli-ahli seni ukir dari keluarga diraja Kelantan sendiri yang memang sangat arif tentang konsep ilmu ketuhanan<sup>10</sup>.

Jadinya, motif batik bagi keluarga diraja Kelantan di antara tahun-tahun tersebut bukan motif seni yang dipentingkan, tetapi makna disebalik motif dan warna-warna itu.

Di Semenanjung Tanah Melayu, tidak ada motif-motif yang mempunyai keramat atau melambangkan afaal (tindakan-tindakan) Allah terhadap manusia dari aspek batik sebagaimana yang terdapat di Tanah Jawa, umpamanya di Jawa Tengah ada batik klasik yang dipercayai boleh membawa tuah dan sial, ada batik yang boleh menyembuhkan penyakit atau menolaknya.

Disamping ini ada batik yang khusus untuk keluarga diraja atau golongan istana Yogyakarta dan Surakarta dan tidak boleh dipakai oleh rakyat jelata. Batik ini dengan motif-motif tertentu dipercayai ada keramat-keramatnya seperti motif-motif kuwung, parang, parang rusak, cemukiran, udan liris, semen dan alasalasan<sup>11</sup>.

#### 5. Sejarah Singkat

##### a. Sejarah Awal

Perusahaan batik dalam kalangan bangsa Melayu – dengan erti yang luas – di seluruh Asia Tenggara mungkin sudah wujud sejak wujudnya perusahaan

9. Dari keterangan Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su dan ia sendiri yang melukis motif itu untuk dibuat pada blok tembaga. Ketika itu ia telah berusia kira-kira 11 tahun.

10. Bangunan ini sebenarnya telah dibangunkan oleh Long Sulong bergelar Sultan Ahmad (1886–1889), Sultan Kelantan, untuk puterinya Tengku Putri atau Tengku Kembang. Bila Sultan Patani (Tengku Abdul Kadir Kamaruddin) tiba di Kelantan pada kira-kira tahun 1910 baginda dikahwinkan dengan Tengku Putri itu yang melahirkan Tengku Ahmad Zainal Abidin yang kemudian bergelar Tengku Seri Akar Raja. Rumah itu kemudian dipusakai oleh Tengku Ahmad Zainal Abidin dan dengan sebab itulah ia dikenali sebagai rumah Tengku Seri Akar.

11. Lihat Inger McCabe Elliott dalam BATIK, hlm. 68–69, 1984, dan Iwan Tirta dalam "Batik: Continuity and Change" dalam The Crafts of Indonesia, hlm. 134–141, 1988.

membuat kain atau dapat dikatakan sejak orang-orang Melayu melampaui zaman hidup memakai daun-daun dan kulit-kulit kayu, ribuan tahun lalu. Meskipun pematikan ini telah wujud di China, Mesir dan Rom sejak ribuan tahun yang lalu kalau hendak diandaikan bahawa bangsa Melayu telah menerima pengaruh dari negeri-negeri tersebut di zaman awal kerana hubungan perniagaan dan lain-lain adalah suatu kemungkinan yang sangat longgar, melainkan kalau benar andaian bahawa bangsa Melayu sendiri sejak kira-kira 5,000 tahun yang lalu datang dari Mesopotamia dengan membawa bersamanya kepandaian membuat kain dan membatik, ini adalah suatu kemungkinan yang dapat dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, baik ketika nenek moyang bangsa Melayu itu masih hidup di Mesopotamia atau di Asia Tenggara, faktor yang dapat dikatakan pasti bahawa pematikan itu adalah muncul dari "ilham" yang dicetuskan oleh Allah Taala dalam jiwa setiap bangsa bertuhan, istimewa nya nenek moyang kita, bila melihat keindahan bentuk-bentuk organik terutamanya bila melihat keindahan "bunga" dan mengkagumi bentuk-bentuk dan warna warninya sebagai suatu manifestasi Tuhan yang Maha Indah dan tercinta. Dari sini timbul hasrat hendak mengabadikan lambang keindahan Tuhan ini pada kain dengan "cara membatik".

Menurut saksi-saksi nyata bahawa "pematikan" yang paling tua di Asia Tenggara ialah di Pulau Jawa. Sekarang kita persempitkan sejarah pematikan ini dalam negeri-negeri Melayu di Pantai Timur Semenanjung seperti Terengganu, Kelantan dan Patani, terutamanya negeri Kelantan yang digelar orang "rumah batik Malaysia". Saya melihat dalam tulisan-tulisan mengenai sejarah perusahaan batik di Malaysia, hampir seluruhnya merujuk kepada Haji Che Su bin Haji Ishak di Kota Bharu yang memulakan perusahaan batiknya dalam tahun 1911.

Perusahaan batik dalam negeri Kelantan, nampaknya sudah amat lama sama lama dengan perusahaan batik di Terengganu, Patani dan lain-lain dalam Asia Tenggara seperti yang telah dinyatakan tadi. Sebagaimana perusahaan-perusahaan lain, perusahaan batik ini mengalami zaman maju dan mundur kerana beberapa faktor. Tetapi meskipun mengalami zaman kemunduran, seni membatik itu tidak mati terus, sekurang-kurangnya menjadi perusahaan rumahnya serupa dengan pertununan, suatu perusahaan untuk keperluan keluarga atau untuk pasaran setempat. Setelah mengalami zaman kemunduran itu, perusahaan batik berkembang semula kerana beberapa faktor.

Motif batik yang paling tua dan paling digemari di zaman silam setakat yang dapat diketahui ialah flora berupa "sepokhon bunga" yang lengkap dengan umbi, batang, dahan-dahan, ranting-ranting, daun-daun dan bunga-bunga. Umbi itu sebagai muncul dari "rahsia" serupa dengan falsafah ukuran.

Blok-blok batik di zaman purba itu diperbuat daripada buluh, batu dan kemudian kayu. Blok batu itu bukan melambangkan kehidupan di zaman batu, sebenarnya pada permukaan sekeping batu diukir motif-motif batik, dipanaskan lebih dulu blok ini hingga mencapai ukuran kepanasan tertentu, dicelupkan pada pewarna, kemudian ditekan diatas kain putih. Kepanasan batu itu menyebabkan pewarna itu segera mengering, tidak meresap ke bahagian-bahagian lain dari kain.

Pewarna pula diambil daripada warna bunga-bunga dalam hutan di antara

nya bunga kemboja (terdiri dari warna putih, merah jambu dan merah tua), bunga sang wangi atau bunga dahlia (terdiri dari warna-warna putih, biru dan kuning), bunga cawarti iaitu sejenis bunga orkid (terdiri dari warna-warna kelabu, kuning dan merah) dan lain-lain bunga lagi.

Supaya warna-warna dari bunga-bunga itu tidak luntur, pembatik-pembatik zaman dulu mencampurkan warna-warna itu dengan sejenis bunga dalam laut dan garam yang diperbuat dari air masin di dasar laut.

#### b. Zaman Kemunduran (1733-1846)

Setakat yang dapat dituruti jejak-jejak zaman perusahaan batik di Kelantan menurut riwayat-riwayat tradisi bahawa perusahaan ini mengalami kemunduran yang amat lama, lebih dari seratus tahun sejak kira-kira tahun 1733 hingga tahun 1846. Kerana keadaan politik yang tidak stabil oleh sebab peperangan-peperangan saudara, peperangan-peperangan dengan Siam, peperangan-peperangan dengan Legeh, juga peperangan-peperangan dengan Terengganu dan Patani. Peperangan-peperangan ini yang bermula sejak tahun 1733 tersebut berlanjutan hingga tahun 1765 setelah Raja Long Yunus (1765-1794) dapat berkuasa dan menjadi raja seluruh Kelantan tanpa cabaran lagi.

Meskipun demikian perusahaan batik itu mengalami kemunduran lagi, bukan kerana tidak adanya kestabilan politik, tetapi kerana "kemakmuran" hidup rakyat Kelantan. Setelah ibu kota Kelantan dipindahkan oleh Raja Long Yunus dari Koat Kubang Labu di seberang Sungai Kelantan, ke Kota Pengkalan Galuh, Kota Lama bagi Kota Bharu sekarang, suatu zaman kemakmuran telah meliputi seluruh Kelantan, kerana kestabilan politik dan perkembangan ekonomi. Tiga jenis penghasilan Kelantan terpenting yang memberikan kemakmuran itu: padi, kelapa dan bijih emas. Semua penghasilan ini bukan sahaja dapat menampung kehidupan rakyat dalam negeri Kelantan, malah dapat dieksport ke negeri-negeri lain. Penghasilan bijih emas itu yang terpenting. Dalam abad yang ke-18 dan ke-19 Masihi itu, emas yang telah pupus di zaman purba, muncul semula di Ulu Kelantan, ribuan penduduk Kelantan menjalankan perusahaan menggali dan mengayak emas di sana, hingga menarik perhatian orang-orang Cina yang akhirnya menerap di Hulu Galas sejak akhir abad ke-18 Masihi hingga sekarang.

Oleh kerana kemakmuran ini, penduduk Kelantan lebih gemar membeli kain-kain import termasuk kain-kain butik yang dibawa oleh perahu-perahu jong dan tongkang-tongkang dari Jawa, Sulawesi, Kemboja, Siam, China, Terengganu dan Patani. Kain-kain tenun dan kain-kain batik yang mempunyai pattern yang lebih baik dari penghasilan tempatan amat laris, meskipun harganya lebih mahal. Tidak ada perlindungan dari kerajaan Kelantan terhadap perusahaan rakyatnya, malah kerajaan Kelantan mencapai kemewahan pula dari cukai yang dikutip dari barang-barang yang diimport itu.

Meskipun demikian, perusahaan pembatik itu tidak lenyap terus, ia tetap wujud di Kelantan sebagai perusahaan kecil-kecilan untuk keluarga dan pasaran setempat untuk pengguna-pengguna yang kurang berada. Di antara pembatik-pembatik ini pada awal abad yang ke-19 Masihi ialah Haji Ali bin Che Muda, berumah tangga dan tinggal di Kampung Laut, yang ketika itu menjadi pelabuhan penting selepas daripada pelabuhan Pengkalan Galuh, ibukota

Kelantan. Haji Ali yang berasal dari Terengganu membuat perusahaan batik ini dirumahnya di tepi Sungai Kelantan. Batik terpenting yang diusahakannya ialah jenis batik pelangi. Di Kampung Laut ini juga perusahaan tenunan kain diusahakan oleh setiap rumah tangga. Mungkin ada hubungan antara Haji Ali bin Che Muda dengan Minah Pelangi, seorang pembatik yang terkenal di Terengganu dalam zaman Sultan Zainal Abidin II (1773-1808).

Kira-kira dalam tahun 1820, Haji Ali pindah ke seberang Kampung Laut dan membuka kampung baru di suatu tempat yang dinamakan "Penambang". Dengan cepat kampung ini menjadi suatu tempat kegiatan perniagaan. Munsyi Abdullah yang tiba di Kelantan dalam tahun 1839 mendapati di sini suatu pasar yang maju di kunjungi oleh ramai orang dan mempunyai berbagai keperluan harian.

Mengenai kain import dan batik Munsyi Abdullah ada memberikan gambaran singkat ketika menyebut tentang Raja (Gabenor) Kampung Laut.— "Maka adalah sifat orang itu, saya lihat mukanya bulat, tiada tinggi dan tiada rendah dan tubuhnya gempal-gempal, kulitnya putih kuning dan pakaiannya kain bugis hitam, tiada berbaju dan sapu tangannya batik bang".

"Batik bang" bererti "batik merah", tidak diketahui adakah batik ini hasil daripada dalam negeri atau diimport dari luar. Kalau datang dari luar, mungkin dari Jawa.

### c. Zaman Kebangkitan Kembali (1846-1911)

Sejak tahun 1846, dalam peringkat awal dari zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (1839-1886), pengeluaran batik di Kelantan meningkat maju dan dapat menandingi serta mengatasi pengeluaran batik dari negeri-negeri lain. Perkembangan ini dimulai oleh kegiatan seorang artis wanita di Kampung Penambang Hajah Che Teh (Che Putih) binti Haji Ali tersebut yang ketika itu telah berusia 36 tahun (dilahirkan dalam tahun 1810), ia mempermajukan perusahaan batik pelangi yang telah diusahakan oleh ayahandanya secara kecil-kecilan, juga mempermajukan perusahaan tenunan kain biasa dan songket. Kepandaiannya dalam mempertingkatkan mutu batik dan kain-kain tenunan ini dan kecekapannya dalam pengurusan perniagaan, menyebabkan perusahaannya terkenal. Kain-kain ini dieksport ke Terengganu, Patani dan malah sampai ke Bangkok.

Kerana kegiatan perniagaan ini, Hajah Che Teh berhubung rapat dengan seorang peniaga dari Terengganu bernama Haji Idris bin Ahmad yang berakhir dengan terjadi perkongsian hidup di antara keduanya, mungkin pada masa itu Hajah Che Teh seorang janda.

Yang anehnya Hajah Che Teh dan Haji Idris ini menurunkan keturunan yang menjadi artis-artis pada pihak perempuan sampai sekarang. Lama sebelum ia meninggal (Hajah Che Teh meninggal pada tahun 1896 ketika berusia 86 tahun) perusahaannya telah diambil alih oleh anak perempuannya Hajah Che Yam (Che Mariam) binti Haji Idris dan meninggal dalam tahun 1925 atau 1927. Hajah Che Yam ini berkahwin dengan seorang bernama Haji Idris anak Kelantan dan melahirkan Hajah Che Kalsom binti Haji Idris yang meneruskan perusahaan tenunan terutamanya kain songket. Ia berkahwin dengan Haji Omar dan hidup giat dalam perusahaannya hingga meninggal dalam tahun 1967. Perusahaan ini

disambung pula oleh Hajah Che Aminah binti Haji Omar yang meninggal baru-baru ini, dalam tahun 1989.

Inilah tokoh-tokoh wanita di samping lain-lain lagi dari keturunan Haji Ali dulu seperti Hajah Che Bidah (Che Zubaidah) binti Che Yem (Ibrahim) dan lain-lain yang menjadikan kampung Penambang sebagai kampung perusahaan kain tenun biasa, kain tenun songket dan kain batik yang menyemarakkan nama negeri Kelantan hingga sekarang<sup>12</sup>.

#### d. Perusahaan Batik Di Kelantan (1911-1945)

Walau bagaimanapun yang mempermajukan semula perusahaan batik pelangi khususnya dan lain-lain jenis batik umumnya di zaman moden dan menjadikannya pula suatu perniagaan besar, ialah seorang artis dari keluarga lain, Haji Che Su bin Haji Ishak yang dilahirkan dalam tahun 1877. Ia membuka perusahaan batik ini dalam tahun 1911 di Kampung Lorong Gajah Mati dalam kawasan perbandaran Kota Bharu<sup>13</sup>.

Meskipun artis-artis wanita keturunan Haji Ali Kampung Penambang telah meninggalkan perusahaan "batik pelangi" selepas zaman Hajah Che Teh dan menumpukan perusahaan mereka kepada pertunanan kain biasa dan songket sahaja, Haji Che Su menghidupkan semula perusahaan membuat "batik pelangi" bila ia mulai membuka perusahaan batiknya dengan menggunakan blok umbuk pisang dan blok kayu. "Blok" ini berasal dari perkataan Inggeris "block". Menurut istilah orang-orang Melayu disebut "sarang". Kain yang dipergunakan ialah jenis kain pereh. Dalam tahun 1914 baru dikeluarkan "batik pukul"<sup>14</sup> dengan menggunakan blok kayu sahaja yang dipukul diatas kain putih<sup>15</sup>. Proses membuat "batik pelangi" dan "batik pukul" ini berbeza. Untuk membuat sehelai kain batik memakan masa beberapa hari, tetapi harganya mahal, manakala sehelai kain batik pukul dapat disiapkan dalam waktu yang cepat, tetapi harganya murah. Oleh kerana kedua-dua jenis batik ini dibuat oleh ramai pekerja, dapat dikeluarkan secara besar-besaran. Batik pelangi biasanya dipakai oleh pengantin-pengantin perempuan kerana patternnya indah.

Penggunaan blok kayu itu berlanjutan hingga tahun 1926, bila datang seorang Jawa bernama Raden Mukhtar bekerja pada perusahaan batik Haji Che Su. Ia memperkenalkan penggunaan blok tembaga untuk motif-motif batik, memperkenalkan penggunaan "lilin", juga memperkenalkan kain batik "tidak bermuka" iaitu kain batik yang dipukul pada sebelah menyebelah. Dengan penggunaan blok tembaga dan lilin ini muncul pula sejenis batik yang digelar "batik pukul conteng" atau "batik lilin". Raden Mukhtar ini hanya tinggal selama kira-kira setahun sahaja di Kelantan, kemudian ia menghilangkan diri tanpa diketahui kemanakah perginya. Tidak lama selepas pemergiannya Haji

12 Fakta-fakta mengenai artis-artis wanita Penambang ini didapati dari al-marhumah datuk penulis, Che Wok bt. Yusof, Sungai Keladi dalam tahun-tahun 50-an dan dari Haji Nawi bin Haji Hussin, Penambang pada 9 Januari, 1990.

13 Tarikh pembukaan perusahaan batik ini dan tempatnya didapati dari "Catatan-Catatan Sejarah Perusahaan Batik Haji Che Su dan Mohd. Yusuff & Co." oleh Haji Muhamamad Zain bin Haji Mohamed Salleh", hlm. 1, 1984.

14 Di Kelantan disebut "batik pukul", di Terengganu "batik terap" dan di Pantai Barat "batik cap".

15. "Catatan-Catatan Sejarah Perusahaan Batik", hlm. 2.

Che Su menggantikan blok tembaga itu dengan blok besi, mungkin kerana harga tembaga lebih mahal. .

Pada pertengahan tahun 1927, Encik Yusuf bin Haji Che Su pergi ke Bangkok untuk mempelajari sejenis bahan kemikal (chemical) untuk pembuatan batik dari sebuah syarikat, Windsor & Co.. Di sini ia mempelajarinya dari seorang pakar bangsa Jerman Dr. Schmidt. Syarikat ini adalah suatu cawangan dari syarikat gergasi, Brinkmann & Co. di Singapura yang mengeluarkan bahan-bahan kemikal untuk batik di seluruh Asia Tenggara. Setelah kembali ke Kelantan dalam tahun 1928, Encik Yusuf mengeluarkan pula sejenis kain batik yang diperbuat menerusi stensil atau screen dan dikenali sebagai "batik stensil". Kemudian Dr. Schmidt itu datang ke Kota Bharu, tinggal beberapa minggu untuk mengajar penggunaan bahan-bahan kemikal untuk batik kepada Haji Che Su dan keluarganya termasuk Encik Yusuf. Dr. Schmidt bukan sahaja mengajarkan formula-formula, juga ia membuat percubaan-percubaan. Bila suatu percubaannya tidak berhasil, ia berbaring di atas kepala bendul rumah sambil berfikir, kemudian bangun membuat percubaan lagi hingga berjaya<sup>16</sup>.

Kerana mendapat petunjuk-petunjuk daripada Dr. Schmidt itu Encik Yusuf dapat mengeluarkan batik stensil secara besar-besaran sejak tahun 1933. Ia menubuhkan suatu syarikat keluarga dengan nama Mohd. Yusuf & Co. untuk meneruskan perusahaan ayahandanya. Haji Che Su meninggal dunia dalam tahun 1938. Dalam tahun 30-an ini juga muncul pengusaha-pengusaha batik yang membentuk syarikat-syarikat di Kota Bharu iaitu Mahmud & Sons dan Ibrahim & Sons. Di samping pengusaha-pengusaha besar ini, muncul juga pengusaha-pengusaha baru yang kecil terdiri dari saudara mara kepada pengusaha-pengusaha besar dan juga pekerja-pekerja mereka.

Dalam masa pemerintahan Jepun (1941-1945), ketika Perang Dunia II, perusahaan batik ini diteruskan juga secara kecil-kecilan kerana mengalami berbagai kesukaran<sup>17</sup>. Kain-kain putih untuk batik ini dari sisa-sisa sebelum perang, juga dari bermacam jenis kain putih yang telah dipergunakan, kemudian dirombak untuk dijadikan kain batik bagi kegunaan keluarga<sup>18</sup>.

#### e. Perusahaan Batik di Terengganu

Terengganu yang telah mempunyai perusahaan batik pelangi yang dilakukan oleh seorang pengusaha yang terkenal dengan Minah Pelangi dalam abad ke-18 Masihi, tiba-tiba menempuh zaman suram dalam sepanjang abad ke-19 hingga tahun 1932, tidak diketahui apakah faktor-faktornya yang menyebabkan terjadi demikian, mungkin masih terdapat perusahaan batik pelangi itu secara kecil-kecilan pada beberapa tempat untuk keperluan tempatan. Dalam tahun 1912 seorang bernama Encik Awang (di zaman-zaman kemudian terkenal dengan Haji Awang) dari Kampung Seberang Takir, Terengganu pergi ke Patani kerana menziarahi keluarganya, ketika itu ia dalam usia 14 tahun. Dari sini ia pulang dan singgah di Kelantan dan bekerja pada perusahaan batik Haji Che Su di Kota Bharu. Setelah mendapat pengetahuan dan pengalaman membuat, ia

16 Keterangan dari Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su.

17 Fauziah Haji Abdullah, "Sejarah Perusahaan Batik" dalam Warisan Batik II, hlm. 46-48, 1983.

18 Keterangan Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su.



pulang ke Terengganu dalam tahun 1913<sup>19</sup>. Tetapi Encik Awang tidak segera membuka perusahaan batik. Ia terlibat dalam kegiatan perniagaan dengan perahu-perahu besar sebagai ahli pelayaran ke Patani dan beberapa tempat dalam negeri Siam hingga ke Bangkok<sup>20</sup>.

Pengusaha batik yang sebenar dan yang pertama di Terengganu dalam abad ke-20 Masihi ialah seorang ahli perniagaan bernama Haji Ali bin Ismail dari Kampong Iliran atau Hiliran. Ia adalah seorang peniaga kain yang sering berulang alik dari Kuala Terengganu ke Singapura<sup>21</sup>. Juga ia pernah datang beberapa kali ke Kota Bharu kerana urusan perniagaan kain tenun Terengganu dan kain batik Haji Che Su dan pada setiap kali datang ke sini ia tidak melepaskan peluang melawat tempat perusahaan batik, tetapi Haji Ali tidak pernah meminta untuk mempelajari tentang cara pembuatan kain batik, mungkin ia telah mengetahui bahawa cara pembuatan batik ini memang menjadi suatu rahsia bagi keluarga Haji Che Su<sup>22</sup>.

Mungkin kerana sebab ini, Haji Ali yang memang berhasrat untuk membuka perusahaan batik sendiri, mengarahkan pandangan ke Singapura mencari siapa yang tahu tentang cara pembuatan batik itu dalam kalangan orang-orang yang datang dari Tanah Jawa.

Dalam tahun 1932, Haji Ali telah bertemu dengan seorang Jawa di Singapura yang mengetahui tentang cara pembuatan batik. Disamping membuat hubungan perniagaan dengannya Haji Ali belajar padanya tentang batik ini secara teori sahaja. Ia meminta supaya orang Jawa itu memberikannya semacam blok motif batik dari kayu. Orang Jawa ini pulang ke Jawa, kemudian datang semula ke Singapura setelah membuat perjanjian untuk bertemu semula pada waktu tertentu. Haji Ali membawa pulang contoh blok kayu ini ke Terengganu dan menjemput Encik Awang yang telah bekerja di Kelantan dalam tahun 1913 dulu supaya meniru dan membuat blok kayu itu dengan motif-motif yang telah dipelajarinya di Kelantan serta dengan ciptaan-ciptaannya sendiri. Sejak itu Encik Awang berkerja dengan Haji Ali bersama pekerja-pekerja yang lain termasuk Haji Mat dari Kampong Ladang, hingga dapat mengeluarkan batik yang pertama dalam tahun 1932<sup>23</sup>.

Kain batik yang mula dikeluarkan ini terdiri dari motif bunga dua warna sahaja pada permukaan kain putih. Pada mulanya kain ini dipukul (terap) dengan bunga berwarna hitam, kemudian diterap pula dengan bunga berwarna kuning<sup>24</sup>. Dalam tahun 1936 baru diperkenalkan cara memproses batik dengan

---

19 Dari wawancara Encik Juni bin Omar dengan Haji Awang sendiri yang telah amat tua usianya di Kampung Seberang Takir, dalam tahun 1987. Encik Juni adalah seorang jurulatih Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) di Kuala Terengganu dan sejak tahun 1989 bertugas di Kelantan. Haji Awang telah meninggal pada pertengahan tahun 1989.

20 Dari wawancara Encik Juni bin Omar dengan Haji Abdul Rahman bin Muhammad, menantu Haji Ali, berusia 67 tahun yang diadakan di Kuala Terengganu pada 25 Januari, 1990.

21 Dari keterangan Haji Abdul Rahman bin Muhammad.

22 Fakta ini didapati oleh penulis dari Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su pada 30 Januari, 1990. Encik Abdul Hamid memang kenal Haji Ali itu yang membuat hubungan perniagaan dengan ayahandanya.

23 Dari keterangan Haji Abdul Rahman bin Muhammad.

24 *Ibid.*

menggunakan blok tembaga dan lilin. Kepandaian ini dipelajari oleh Haji Ali dari orang Jawa di Singapura tersebut dan blok tembaga itu dibawa ke Singapura oleh sahabatnya orang Jawa itu, kemudian dibawa pulang ke Terengganu, dijadikan contoh untuk ditiru pula oleh artis-artis Terengganu dengan berbagai motif ciptaan sendiri<sup>25</sup>.

Kemudian daripada ini Encik Awang (Haji Awang) membuka perusahaan batiknya sendiri di Kampung Seberang Takir. Setelah ia tua disambung pula oleh anaknya, kemudian oleh cucunya. Perusahaan ini dibuat secara kecil-kecilan sahaja. Juga Haji Mat membuka perusahaan batiknya sendiri di Kampung Ladang, perusahaan ini dibuat secara kecil-kecilan juga, kemudian disambung oleh anak dan cucunya<sup>26</sup>.

Tempat perusahaan batik yang terbesar di Terengganu adalah di Kampung Iliran tempat Haji Ali bin Ismail membuka perusahaan batik yang pertama. Perusahaan batik Haji Ali ini mencapai tahap kemajuan maksimumnya dalam tahun 1950 dengan mempunyai 200 orang pekerja yang mana kira-kira dalam masa ini juga perusahaan batik di Kelantan pernah mencapai tahap maksimumnya<sup>27</sup>. Perusahaan ini disambung oleh menantunya Haji Abdul Rahman bin Muhammad, kemudian cucunya (anak Haji Abdul Rahman) Encik Ilias yang membuka perusahaan batik di Paya Bunga dan sekarang pindah ke Bukit Payong. Meskipun demikian Kampung Iliran dalam kawasan bandar Kuala Terengganu masih menjadi tempat perusahaan batik yang terbesar di Terengganu hingga sekarang diusahakan oleh tokoh-tokoh lain dari keluarga Haji Ali dan keluarga-keluarga lain lagi<sup>28</sup>.

Selain daripada Kampung Iliran itu, terdapat lagi beberapa tempat perusahaan batik di Terengganu, yang terpentingnya ialah Kuala Ibai, Pasir Panjang, Cendering, Pulau Rusa, Beladau dan Marang<sup>29</sup>.

Kita tidak mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai sejarah pembatikan di Patani, tetapi menurut Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su bahawa pada separuh pertama dari abad ke-20 itu, tidak ada perusahaan batik di sana dan penduduk Patani bergantung hampir sepenuhnya kepada batik-batik yang diimport dari Kelantan.

#### f. Perusahaan Batik di Kelantan (1946—1955)

Dalam tahun 1946 perusahaan batik yang telah tidur telah dibangunkan semula, dan Mohd. Yusuf & Co. didaftarkan semula dengan kerajaan Kelantan dengan inisiatif Mejar Tengku Mahmud Muhyiddin yang baru pulang dari India. Ia menjemput Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su yang telah dikenalnya dengan baik sejak sebelum Perang Dunia II kerana kegiatannya dalam pengakap dan mengusulkannya supaya dihidupkan semula perusahaan batik. Tengku Mahmud menyatakan bahawa ia bersedia menyumbangkan wang sebanyak mana yang dikehendaki sebagai modal, walau pun puluhan ribu ringgit.

25 *Ibid.*

26 Dari keterangan Encik Juni bin Omar.

27 Dari keterangan Sarah Arney yang dipetik dari keterangan Haji Wan Ibrahim Ahmad (lihat Sarah Arney dalam *Malaysian Batik*, halaman 50).

28 Dari keterangan Encik Juni bin Omar.

29 *Ibid.*



Encik Abdul Hamid menyampaikan usul ini kepada kekandanya Encik Yusuf, pengurus besar Mohd. Yusuf & Co. Kekandanya menolak usul ini dengan alasan, kalau diterima modal yang besar dari orang lain, tentu orang lain mempunyai saham terbesar dalam perusahaan batik keluarganya. Encik Yusuf teringat kepada sejumlah wang Inggeris yang telah ditanamnya dalam tanah semasa pemerintahan Jepun dulu. Ia menggali wang ini dan didapatinya masih ada berjumlah \$30.00, dengan wang ini, ia menghidupkan semula perusahaan batik itu hingga maju dengan cepat, wang pun datang bertimbun-timbun seperti daun kayu luruh. Kain putih yang dipergunakan untuk membatik itu diimport dari India dan England sejak tahun 1949<sup>30</sup>. Meskipun dalam masa pemerintahan Jepun ada orang membuat benang dari urat-urat daun nenas untuk jahitan dan ada yang menenunnya menjadi kain, tetapi tidak ada yang menjadikannya kain batik.

Tempat perusahaan batik ini telah dipindahkan dari Kampung Lorong Gajah Mati ke Kampung Puteh. Pejabatnya terletak pada suatu unit gudang, No. 39, Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, Kelantan.

Pada peringkat permulaan, perusahaan batik mempunyai 2 buah kilang dan 150 pekerja. Tidak lama kemudian 2 buah kilang dibangunkan lagi dan pekerja bertambah ramai, berjumlah 450 orang. Kemudian, perusahaan batik ini berkembang lagi hingga mempunyai 5 buah kilang dengan 750 pekerja, kemudian meningkat lagi hingga para pekerja meningkat pada kadar maksimum seramai hampir 1,000 orang<sup>31</sup> pada awal tahun-tahun 1950-an (1950-1953).

Pada kemuncak zaman keemasan ini, perusahaan batik Mohd. Yusuf & Co. mengeluarkan "batik lilin" (batik pukul) sebanyak 600 kodi (12,000 helai) sebulan dan mengeluarkan "batik stensil" sebanyak 6,000 kodi (120,000 helai) sebulan. Kain putih yang dipergunakan ialah 264,000 ela sebulan<sup>32</sup>.

Perusahaan batik Mohd. Yusuf & Co. mempunyai 13 wakil pengedar di Kota Bharu dan 4 wakil pengedar di Kuala Terengganu. Pengedar-pengedar ini yang memperluaskan pasaran batiknya meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Thailand, Burma, Sarawak dan Brunei<sup>33</sup>.

Dalam tahun 1950, Mohd. Yusuf & Co. memulakan suatu perusahaan tenunan kain lelaki corak Samarinda, Pelikat dan lain-lain. Tugas mengendalikan perusahaan ini dilaksanakan oleh adindanya Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su. Alat-alat tenunan kain dibeli dari Jepun dan mengeluarkan kain pada tiap-tiap bulan kira-kira 5,500 ela. Terdapat seramai 85 orang pekerja yang terlibat dalam perusahaan ini<sup>34</sup>.

Selain daripada Mohd. Yusuf & Co. itu, perusahaan-perusahaan batik yang lain juga berkembang dengan pesat, hingga antara tahun-tahun 1949 dan 1953 terdapat kira-kira 60 buah kilang batik baik berupa syarikat atau bersendirian telah membiak di Kota Bharu dan kawasan sekitarnya. Di antara

30 Keterangan dari Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su.

31 Catatan Sejarah Batik, hlm. 5.

32 *Ibid.*

33 Fauziah Haji Abdullah, "Sejarah Perusahaan Batik", hlm. 47 dan katalog dari "Definitive Exhibition of Malay Arts and Crafts" yang diadakan di Singapura dalam tahun 1951 (lihat *Malaysian Batik*, hlm. 50).

34 Catatan Sejarah Batik, hlm. 8.

pengusaha-pengusaha batik yang patut disebut nama mereka dalam tempoh ini ialah seorang pemuda Encik Ibrahim bin Haji Abdullah, Kampung Kubur Kuda yang mulai membuka perusahaan batiknya dalam tahun 1949, Haji Sulaiman bin Che Ha, Kampung Sireh, Haji Wan Jaafar, Kampung Puteh dan Encik Omar, Kampung Sireh. Haji Sulaiman bin Che Ha itu sejak kira-kira tahun 1935 telah membuka perusahaan tenunan kain, Haji Wan Jaafar dan Encik Omar, kedua-duanya pernah menjadi pekerja-pekerja pada perusahaan batik Haji Che Su<sup>35</sup>.

Manakala di Terengganu, menurut keterangan Haji Wan Ibrahim Ahmad, kilang Haji Ali bin Ismail, pengasas perusahaan batik di Terengganu, mempunyai 200 orang pekerja dalam tahun 1950<sup>36</sup>.

Dalam tahun 1953, perusahaan batik Kelantan dan Terengganu mulai terjejas kerana menghadapi tandingan hebat dari batik Jepun yang harganya lebih murah. Oleh itu perusahaan batik di Kelantan menderita kemerosotan dalam tahun berikutnya, 1954. Perusahaan tenunan juga mengalami kemerosotan kerana kemasukan kain-kain pelikat dari Jepun, India dan Benua Eropah. Tidak ada perlindungan dari kerajaan terhadap perusahaan rakyat.

Banyak kilang batik di sekitar Kota Bharu terpaksa membuang ramai pekerja dan ada yang terpaksa ditutup, manakala dalam syarikat-syarikat bermodal besar terjadi perpecahan kongsi, sebagai contoh, Mohd. Yusuf & Co. berpecah dalam tahun 1955 dan akhirnya ditutup. Delapan orang bersaudara lelaki dari putera-putera Haji Che Su iaitu Encik Mohd. Yusuf, Encik Mohd. Daud, Encik Abdul Hamid, Encik Mohd. Salleh, Encik Ishak, Encik Hussin, Encik Hassan dan Encik Adnan masing-masing berpisah dari syarikat dan membuat perusahaan batik secara kecil-kecilan di rumah masing-masing. Menurut kata Encik Abdul Hamid, keluarganya ini telah mengadakan mesyuarat sebanyak sepuluh kali untuk menyatukan semula semuanya dalam satu syarikat, tetapi tidak berjaya. Encik Mohd. Yusuf bekas pengurus besar Mohd. Yusuf & Co. meninggal dalam tahun 1956.

Dalam zaman meleset ini, tidak semua kilang ditutup, masih ada yang meneruskannya dan dianggarkan jumlah kilang-kilang di Kota Bharu dan di sekitarnya yang masih tinggal di antara 20-30 buah.

Kemerosotan perusahaan-perusahaan batik di Kelantan dan Terengganu ini tidak menjadi begitu teruk, kerana diringankan oleh bantuan-bantuan dari suatu institusi kerajaan yang ditubuhkan dalam tahun 1952, dinamakan "Rural and Industrial Development Authority" yang disingkatkan kepada RIDA yang telah ditubuhkan untuk menolong perusahaan-perusahaan kecil di luar bandar seperti menyediakan jentera-jentera membajak, baja, pinjaman lembu-kerbau, pinjaman wang untuk perniagaan dan memperbekalkan kain putih kepada pengusaha-pengusaha batik di Kelantan dan Terengganu.

#### g. Perusahaan Batik di Semenanjung (1957-1990)

Di antara putera-putera Haji Che Su yang meningkat maju perusahaan

35 Keterangan dari Encik Abdul-Hamid bin Haji Che Su dan Encik Yusuf bin Haji Abdullah.

36 Lihat Sarah Arney, *Malaysian Batik*, hlm. 50.

batiknya ialah Encik Mohd. Salleh di Kampung Puteh, tempat berdirinya kilang-kilang Mohd. Yusuf & Co. tadi. Dalam tahun 1957 ia menubuhkan suatu syarikat keluarganya, Mohd. Salleh & Sons. Dalam tahun 1965 ditukarkan namanya kepada Syarikat Mohd. Salleh. Dari sejak ini perusahaan batiknya berkembang maju lagi, hingga awal tahun 70-an, syarikat ini merupakan syarikat perusahaan batik yang terpenting dan menjadi contoh bagi semua perusahaan batik dalam negeri Kelantan, menjadi tumpuan pelawat-pelawat dari dalam dan luar negeri, di antaranya KDYMM Yang Dipertuan Agong dan Permaisuri Agong ke-5, Al-Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah Ibn Almarhum Sultan Badlishah dalam tahun 1970, Duli Yang Maha Mulia Ratu Elizabeth ke-2, Yang Maha Mulia Prince Philip dan Yang Maha Mulia Princess Anne dalam tahun 1972, para delegasi PATA, berbagai pertubuhan dan persatuan dalam dan luar negeri<sup>37</sup>.

Dalam tahun 1968, kegiatan perusahaan batik yang selama ini berpusat di Pantai Timur (Kelantan - Terengganu), mulai menonjol di Kuala Lumpur, ibu kota Persekutuan Malaysia. Dengan cepat perusahaan ini berkembang di Pantai Barat yang akan menjadi saingan kepada perusahaan batik di Pantai Timur itu.

Kegiatan perusahaan batik di ibu kota ini dimulai oleh penubuhan "Majlis Amanah Rakyat" (MARA) dalam tahun 1960 untuk menyambung dan memperluaskan usaha yang telah dilaksanakan oleh RIDA dulu, untuk menolong penduduk luar bandar, terutamanya orang-orang Melayu. "Pusat Kemajuan Kraftangan MARA" telah didirikan di Petaling Jaya dalam tahun 1965. Pusat ini memberangsangkan kajian untuk mencari teknik-teknik dan pattern-pattern batik yang baru. Dalam tahun itu juga seorang konsultan dari Bangsa-Bangsa Bersatu bernama Don Jourdan, memberikan suatu petunjuk teknik diasaskan atas pengalaman perusahaan batik Jawa, ia mengusulkan metod-metod untuk mempertingkatkan teknik-teknik pengeluaran dan memberangsangkan pengeluaran "batik ela". Dalam tahun 1968 seorang sukarelawan dari Peach Corps memberikan sumbangan dalam bidang design<sup>38</sup>.

Dalam tahun 1968 itu juga, suatu badan perusahaan MARA yang dinamakan "Perbadanan Pemasaran Batik Bumiputra Berhad" telah dibentuk untuk menolong pengeluar-pengeluar batik Pantai Timur dalam memasarkan pengeluaran-pengeluaran mereka atas asas jualan borong, Puspamara, berkhimat sebagai peniaga kecil (retailer)<sup>39</sup>.

Ada satu lagi badan perusahaan MARA yang ditubuhkan dalam tahun 1968, "Malaysian Batik and Handcraft Berhad" (MBHB). Badan ini membuka kilang batik di Ampang<sup>40</sup>. Dalam tahun itu juga dibentuk KIMA suatu syarikat joint-venture antara MARA-JEPUN yang mengeluarkan kain putih dengan cara mengimport kapas dari luar dan memprosesnya menjadi kain putih di

37 Berdasarkan Fakta-fakta dari Latar Belakang dan Perkembangan SAMASA Batik Sdn. Bhd, hlm. 1.

38 Sarah Arney, Malaysian Batik, hlm. 50.

39 *Ibid.*

40 Kilang batik ini telah diswastakan sejak awal tahun 1989 dan sekarang diurus oleh Encik Abdul Rashid bin Omar dari Kampung Sireh, Kota Bharu, Kelantan.

41 Kilang batik Encik Ma'amum ini telah dipindahkan ke Sungai Penchala sejak tahun 1984.

kilang yang terletak di Kajang. Tetapi suatu kilang batik di Selayang Baru, Selangor yang dibangunkan dalam tahun 1968 oleh Encik Ma'amum bin Haji Abdullah dari Kampung Kubur Kuda, Kota Bharu, Kelantan, dengan kemudahan-kemudahan dan teknik-teknik baru, segera menjadi begitu berkesan dan menjadi saingan baru bagi MBHB<sup>41</sup>.

Dalam tahun-tahun yang pertama dari kemerdekaan, ketika kerajaan Malaysia bergiat untuk memperkembangkan ekonomi rakyat dan identiti nasional, dengan secara tidak dijangka, telah bertemu dengan keminatan antarabangsa untuk menghayati kesenian-kesenian dan kraftangan-kraftangan ethnik di negara-negara lain. Suatu banjir orang-orang asing yang datang ke Malaysia telah terjadi. Mereka terdiri dari pengusaha-pengusaha, konsultan-konsultan dan pelancong-pelancong yang mencari cenderamata-cenderamata. Dengan ini pengusaha-pengusaha batik telah mendapat suatu pasaran baru. Pada waktu itu juga pemuda-pemuda Malaysia telah dilatih oleh "Pusat-Pusat Kraftangan MARA" di Pantai Timur dan oleh "Institut Teknologi MARA" (ITM). Penuntut-penuntut MARA mulai mendapat diploma dalam kesenian dan design dalam tahun 1970. Oleh itu perusahaan batik Malaysia hingga tahun-tahun 1970 telah berkembang dengan cepat<sup>42</sup>.

Oleh kerana memandangkan pengusaha-pengusaha batik di Kelantan tidak bersatu dalam membela kepentingan mereka, suatu persatuan dengan nama "Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur" telah ditubuhkan dalam bulan Julai, 1966. Sejak itu perusahaan batik, khususnya di Kelantan, telah mengalami suatu perubahan besar dimana wujudnya perpaduan di kalangan pengusaha-pengusaha batik. Kepentingan mereka dalam bidang ekonomi lebih terjamin dari dulu. Persatuan ini pada mula ditubuhkan dipengerusikan oleh Haji Ismail bin Haji Ibrahim (Haji Ibrahim & Sons), kemudian digantikan oleh Encik Ibrahim bin Haji Abdullah dan sekarang dipegang oleh adindanya, Haji Mohd. Fadhil bin Haji Abdullah. Persatuan ini pada tahun permulaan penubuhannya (1966) mempunyai 42 orang ahli, dari pengusaha-pengusaha batik<sup>43</sup>.

Dalam tahun 1972, wakil-wakil dari "Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur" ini dan pengusaha-pengusaha batik perseorangan dari Kelantan dan Terengganu mengemukakan beberapa aduan kepada Kerajaan Persekutuan termasuk bantahan tentang pengenalan cukai jualan dan beberapa masalah dalam perusahaan batik. Dalam tahun 1972 itu juga Y.B. Encik Khir Johari yang menjadi Menteri Perdagangan dan Perusahaan melawat Kelantan dan Terengganu membincangkan masalah-masalah itu dengan para wakil dari perusahaan batik. Sebagai hasil daripada mesyuarat itu, menteri itu mengarahkan supaya suatu Pasukan Petugas (Task Force) ditubuhkan untuk memeriksa masalah-masalah jangka pendek dan jangka panjang dari perusahaan batik Malaysia. "Laporan Task Force mengenai perusahaan batik Malaysia" disiapkan dalam bulan Disember 1972, mengandungi berbagai pemerhatian dan jaminan-jaminan untuk kemungkinan bantuan kerajaan kepada perusahaan itu<sup>44</sup>.

42 Sarah Arney, *Malaysian Batik*, hlm. 50-52.

43 Fakta-fakta dari Encik Mohamed bin Haji Mohd. Noor, pengurus/Setiausaha kerja Koperasi Serbaguna Pembatik-Pembatik Kelantan Berhad.

44 Sarah Arney, *Malaysian Batik*, hlm. 50-52.

Satu lagi persatuan yang berfungsi sebagai badan perniagaan telah ditubuhkan oleh pembatik-pembatik Kelantan dalam bulan Ogos 1973 iaitu "Koperasi Serbaguna Pembatik-Pembatik Kelantan Berhad" yang bertugas menjualkan kain putih dan bahan-bahan mentah untuk perusahaan-perusahaan batik kepada ahli-ahlinya dengan harga yang lebih murah setelah dibuang pengenaan cukai jualan, juga membuka peluang kepada keluarga pembatik-pembatik membeli saham-saham dengan menerima dividen. Kain putih ini dibekalkan oleh KIMA, juga dari luar negeri iaitu China, Pakistan, India dan Indonesia melalui stesen Kastam Johor Bharu dan Pelabuhan Kelang<sup>45</sup>.

Sejak awal tahun-tahun 1970 itu, kain batik bukan sahaja dibuat untuk kain sarung dan baju, juga banyak benda yang diperbatikkan seperti sampul-sampul bantal, cadai-cadai, tirai-tirai, beg-beg kosmetik, beg-beg duit, dinding-dinding, kulit buku-buku fotograf dan juga formika plastik. Berbagai benda yang disediakan untuk cendermata-cenderama bagi pelancong-pelancong, juga perabut-perabut dalam kedai kopi hotel-hotel dan pegawai-pegawai hotel semuanya mempamerkan pattern-pattern batik, bahagian dalam dari kapalterbang-kapalterbang MAS dan sekalian pramugari adalah memakai pakaian-pakaian batik, hingga pegawai kerajaan memakai uniform yang diperbatikkan dengan logo-logo perbadanan masing-masing. Zaman dinamik ini bermula pada awal tahun-tahun 1970-an, bila Perdana Menteri, Y.A.B. Tun Abdul Razak, memperkenalkan idea menerapkan kemeja-kemeja batik sebagai pakaian rasmi untuk lelaki, juga untuk pakaian pejabat. Bila sahaja kemahiran berkembang maka design menjadi lebih cantik, warna-warna yang lebih lembut telah dipergunakan<sup>46</sup>.

Dalam tahun 1974 "Pusat Kemajuan Kraftangan MARA" (PKKM) ditukarkan namanya kepada "Lembaga Kraftangan Malaysia" (LKM) dan pada September, 1979 ditukarkan pula kepada nama lain iaitu "Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia" (PKKM) dan seterusnya dengan perubahan nama ini, perbadanan ini dipindahkan ke Terengganu dan Kelantan. Perbadanan baru ini menyediakan latihan kemahiran untuk belia-belia, juga bantuan teknik dan nasihat untuk ahli-ahli kraftangan dan batik yang telah 'established'. Di Kuala Terengganu, perbadanan ini bertugas dalam bidang-bidang anyaman, tembaga, tenunan dan batik. Di Kota Bharu bertugas dalam bidang batik sahaja<sup>47</sup>.

MBHB telah dibentuk semula dengan nama "Batik Malaysia Berhad" (BMB). Badan ini berkhidmat kepada perusahaan batik dalam bidang pemasaran.

Pengalaman-pengalaman dalam permulaan tahun 1970-an membuka seluruh kemungkinan yang dapat dicapai oleh pengusaha-pengusaha batik. Sebahagian daripada idea-idea baru telah diterapkan, yang lain-lain telah ditolak. Menerusi intraksi antara astis-artis dan designer-designer muda, pengeluar-pengeluar yang telah 'established' dan pengguna-pengguna, maka batik Malaysia secara beransur-ansur mencapai suatu identiti baru pada akhir tahun-tahun 1970-an. Design-design yang mewah dan menarik menjadi stail yang lebih cantik. Batik baru Malaysia masih kekal dengan arabesque yang tradisional dan tumbuhan-tumbuhan yang bersimpul-simpul sebagai kerawang dan awan

45 Keterangan dari Encik Mohamed bin Haji Mohd. Noor.

46 Berasaskan keterangan Sarah Arney, *Malaysian Batik*, hlm. 52-53.

47 Data-data dari Encik Junji bin Omar.

larat yang terdapat dalam sulaman dan ukiran kayu<sup>48</sup>.

Sekarang kita kembali pula membicarakan tentang perusahaan batik di Kelantan. Syarikat Mohd. Salleh, di Kampung Puteh, Kota Bharu telah mencapai puncak perkembangan dalam tahun 1975 dengan mempunyai pekerja seramai 85 orang. Dalam tahun 1977, syarikat ini diubahkan namanya kepada "Samasa Batik Sendirian Berhad", gabungan dari perkataan-perkataan Sa = Syarikat, Ma = Mohamed dan Sa = Salleh. Syarikat ini mempunyai dua kilang, "Kilang Batik Sarung" dan satu lagi "Kilang Batik Ela". Juga mempunyai sebuah kedai untuk mengedarkan bahan-bahan pencelup dan bahan kemikal bagi kawasan Pantai Timur. Anak syarikat untuk perniagaan ini dinamakan "Samasa Pancakimia Sdn. Bhd.". Kain batik keluaran Samasa ini mempunyai pasaran meliputi seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak<sup>49</sup>.

Jumlah pengusaha-pengusaha batik di Kelantan telah meningkat dengan agak cepat sejak tahun 1966. Dalam tahun 1975 jumlah mereka 190 orang dan 1982 jumlah mereka berjumlah 281 orang yang telah berdaftar dengan "Persatuan Pembatik-Pembatik Pantai Timur". Manakala di Terengganu dalam tahun ini terdapat hampir 100 orang.

Menurut analisa "Persatuan Pembatik-Pembatik Pantai Timur", bahawa bukan seluruh pengusaha batik berdaftar dengannya hingga tahun 1982 itu adalah aktif. 85% dari mereka adalah aktif, manakala 15% adalah non-aktif<sup>50</sup>.

Sejak ke arah akhir dari tahun 1982, perniagaan batik di Kelantan dan Terengganu mulai merosot, tetapi tidak seberat yang telah dialami dalam tahun 1953 dulu. Kemerostotan ini disebabkan oleh tiga faktor penting:—

- a. Kemerostotan ekonomi yang menyeluruh.
- b. Kemasukan batik dari Thailand yang dijual dengan harga yang murah, sedangkan mutunya lebih baik kerana dibuat dengan jentera-jentera yang didapati dari Jepun.
- c. Wujudnya kegiatan membuat batik tiruan oleh pengusaha-pengusaha Thailand, mereka meniru pattern-pattern batik Terengganu dan Kelantan.

Akibat dari tiga faktor ini:—

- a. Permintaan terhadap hasil perusahaan batik di Kelantan dan Terengganu semakin berkurangan dan menjejaskan pendapatan pengusaha-pengusaha batik.
- b. Batik Malaysia Berhad (BMB) yang banyak membantu pemasaran batik dari kedua-dua negeri itu juga mula mengurangkan tempahannya.
- c. Peristiwa-peristiwa ini menyebabkan ramai pengusaha batik terpaksa mengurangkan pengeluaran dan juga memberhentikan ramai pekerja mereka.

48 Sarah Arney, *Malaysian Batik*, hlm. 53-55.

49 *Latar Belakang dan Perkembangan SAMASA Batik Sdn. Bhd.*, hlm. 1.

50 Data-data dari Encik Mohamed bin Haji Mohamed Noor.

Beberapa badan kerajaan dan swasta berusaha mengatasi masalah kemerosotan perusahaan batik ini. "Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia" (PKKM) cuba mengatasi masalah ini dengan cara:—

- a. Membuat kawalan di segi pemasaran.
- b. Meningkatkan mutu pengeluaran batik tempatan.
- c. Melatih bumiputra dalam pelbagai bentuk latihan dalam bidang-bidang kraftangan dan batik pada pusat-pusatnya yang terletak di Kota Bharu dan Kuala Terengganu.

"Batik Malaysia Berhad" (BMB), berusaha mengatasi kemerosotan itu dengan cara:—

- a. Memasarkan kain batik ke negeri Jepun dan mencari peluang untuk memasarkannya pula ke negeri-negeri lain seluruh dunia.
- b. Mengawal pengusaha-pengusaha batik tempatan menjalankan perusahaan mereka lebih licin dan terjamin.

"Persatuan Pembatik-Pembatik Pantai Timur" (PPMP) berusaha mengatasi kemerosotan itu dengan caranya pula:—

- a. Mengusulkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengharamkan kemasukkan batik dari Thailand walaupun dibayar cukai. Kerajaan menerima usul ini dan peraturan ini dikuatkuasakan sejak tahun 1982.
- b. Mengusulkan pengecualian duti import ke atas bahan-bahan mentah untuk perusahaan batik.

"Koperasi Serbaguna Pembatik-Pembatik Kelantan Berhad" (KSPKB) menjadi wakil tunggal mengedarkan kain putih dan bahan-bahan mentah lain untuk perusahaan batik, mengatasi kemerosotan itu dengan cara: membekalkan kain putih dari KIMA dengan menawarkan harga yang paling murah kepada ahli-ahlinya.

Masalah kemasukkan batik dari Thailand itu, meskipun diadakan pengharaman ke atasnya sejak tahun 1982, tetapi batik ini terus masuk dengan banyaknya menerusi penyeludupan<sup>51</sup>.

Zaman kemerosotan perusahaan batik di Kelantan dan Terengganu ini berlanjutan dari tahun-tahun 1982 hingga 1986. Kemudian meningkat naik pula secara beransur-ansur. Dalam zaman kemerosotan ini pengusaha-pengusaha batik di Kelantan yang berjumlah 281 orang sejak dari tahun 1982 hingga tahun 1986 hanya bertambah seorang sahaja sejak tahun 1985, adalah 70% yang aktif dan 30% non-aktif. Ini bermakna kira-kira 84 kilang yang ditutup dan tinggal kira-kira 197 buah kilang sahaja yang masih beroperasi<sup>52</sup>. Manakala di Terengganu pula yang dulunya terdapat hampir 100 pengusaha batik merosot kepada kira-kira 50 orang sahaja yang aktif. Dari jumlah 5,000 pekerja batik di Terengganu dalam zaman kemerosotan ini hanya tinggal tidak sampai 500

51 Berdasarkan laporan Nasir Hasan dan Jamudin Idris dalam Berita Harian, 14/9/1985.

52 Data-data dari Encik Mohamed bin Haji Mohd. Noor.



orang sahaja.

Dalam zaman kemerosotan ini, bukan sahaja kita dapat melihat kebekuan percambahan pengusaha-pengusaha batik dan kenon-aktifan kilang-kilang, juga dapat dilihat pada jumlah jualan kain putih oleh "Koperasi Serbaguna Pembatik-Pembatik Kelantan Berhad". Dalam tahun 1982 jumlah jualan ialah 2,231,255 meter, kemudian menurun kepada batas yang paling minima, iaitu 800,568.06 meter dalam tahun 1986<sup>53</sup>.

Sejak tahun 1987 perusahaan batik di Pantai Timur mulai pulih beransur-ansur dari kemerosotannya. Hingga bulan Oktober 1989 jumlah pengusaha-pengusaha batik di Kelantan bertambah dengan agak cepat, sebanyak 417 orang yang berdaftar pada "Persatuan Pembatik-Pembatik Melayu Pantai Timur". Tetapi bukan seluruhnya beroperasi. Kalau dikira dengan peratus 70% pengusaha yang aktif dan 30% yang non-aktif. Ini bererti 125 buah kilang yang masih ditutup dan tinggal 292 buah yang masih beroperasi. Jumlah pengusaha-pengusaha sahaja yang besar, tetapi yang non-aktif tetap dalam jumlah 30%.

Jumlah jualan kain putih juga meningkat secara beransur-ansur sejak tahun 1987 itu. Dalam tahun 1989, jumlah jualan ini sebanyak 2,182,075.4 meter, jauh lebih tinggi daripada tahun 1986, tetapi tidak dapat melebihi jumlah jualan dalam tahun 1982, tahun zaman kemerosotan bermula. Ini membuktikan bahawa kemajuan perusahaan batik di Kelantan sekarang tidak dapat melebihi zaman sebelum tahun 1982, meskipun jumlah pengusaha-pengusahanya bertambah<sup>54</sup>.

Menurut Encik Mohamed bin Haji Mohd. Noor, pengurus/setiausaha kerja "Koperasi Serbaguna Pembatik-Pembatik Kelantan Berhad" bahawa dengan melihat rekod pembeli-pembeli kain putih di gudangnya untuk diperbatikkan, terbukti masih ramai lagi pembatik-pembatik yang belum berdaftar dengan "Persatuan Pembatik-Pembatik Pantai Timur".

Biarlah di sini kita ambil angka 417 sebagai jumlah pengusaha batik yang berdaftar di Kelantan yang mana kira-kira 292 dari mereka yang masih beroperasi. Dari jumlah ini terdapat kira-kira 100 pengusaha yang mengusahakan "batik tulis" dan dicampurkan dengan pengusaha-pengusaha yang belum berdaftar adalah dianggarkan jumlah pengusaha batik tulis ini seramai kira-kira 150 orang di seluruh Kelantan.

Batik tulis yang mula berkembang di Kelantan sejak pertengahan tahun-tahun 1970-an, telah berkembang dengan pesatnya dalam separuh yang kedua dari tahun-tahun 1980-an (dari kira-kira tahun 1987 hingga 1990). Syarikat SAMASA Batik Sdn. Bhd. mulai mengeluarkan batik tulis dalam tahun 1986. Kecenderungan membuat batik tulis sekarang adalah kerana tiga faktor penting:—

1. Untuk membangunkan perusahaan batik tulis tidak memerlukan modal besar.
2. Resikonya kurang daripada batik ela, kerana batik tulis memerlukan

53 *Ibid.*

54. Data-data ini tidak termasuk pengusaha-pengusaha batik yang membeli kain putih secara langsung dari Singapura, BMB, Kuala Lumpur dan Usaha Desa, Terengganu.



hanya membeli sehelai kain dalam kadar ukuran 4 ela untuk sepasang pakaian, 2 ela untuk kemeja dan 1 ela untuk skaf. Sedangkan batik ela terpaksa membeli sekayu kain dan bila sedikit sahaja berlaku ke-rosakan, terpaksa menanggung beban kerugian sekayu kain.

3. Perusahaan batik tulis sekarang mempunyai pendapatan yang lebih lumayan dibandingkan dengan batik pukul atau batik stensil dalam bentuk sarung atau ela. Perbandingan ini adalah dalam taraf perusahaan secara kecil-kecilan.

Seorang artis yang cekap biasanya dapat menyiapkan 3 atau 6 helai batik tulis dalam sehari, tergantung pada jenis dan kualiti kain, ada kain yang sukar untuk dilukis dan ada yang mudah. Kain yang sukar itu berharga mahal.

Upah melukis untuk seseorang artis berbeza menurut kemahiran artis-artis. Artis-artis yang muda dan baru menceburkan diri dalam perusahaan ini, upahnya murah, manakala yang sudah 'established' upahnya mahal.

Juga upah melukis itu berbeza menurut jenis dan kualiti kain, umpamanya sepasang pakaian (4 ela) kain jenis Fuji, upahnya antara \$9.00 dan \$12.00, kain jenis Polyester antara \$12.00 dan \$15.00, kain jenis Sutera berbagai kelasnya antara \$35.00 dan \$45.00 dan kain jenis Sutera yang paling tinggi kualitinya iaitu Crepe Satin Brocade antara \$50.00 dan \$60.00.

Pengusaha-pengusaha batik tulis ini ada yang menjadi pengeluar-pengeluar dan pemasar-pemasar, tetapi sebahagian besarnya merupakan pengeluar-pengeluar sahaja yang mengeluarkan hasil-hasil mereka setelah mendapat tempahan-tempahan dari pemasar-pemasar yang menjadi "orang-orang tengah". Oleh kerana pengusaha-pengusaha batik tulis ini begitu ramai sekarang, persaingan terjadi dalam kalangan mereka. Dalam persaingan ini mereka dipermainkan oleh "orang-orang tengah" itu yang memilih di mana tempat yang sedia menawarkan nilai upah yang paling murah. Oleh itu batik tulis hasil dari karya seni yang bukan alang kepalang, harganya tidak begitu stabil dan tidak berpatutan.

Sejak tahun 1979, Kerajaan Persekutuan telah membuat rancangan untuk mengadakan "Perkampungan Batik" di Kelantan. Kawasan perkampungan ini kemudiannya ditetapkan dalam jajahan Tumpat, mukim Selehor Utara. Perkampungan ini adalah seluas 20 hektar tanah sebagai tapak yang boleh memuat kira-kira 200 orang pengusaha batik. Belanja membangunkan perkampungan batik ini dianggarkan sebanyak \$11.9 juta. Tidak ada kemajuan yang cepat ke arah pelaksanaan pembangunan "Perkampungan Batik" ini, hingga tahun 1989 baru diselesaikan masalah pengundian untuk pemilihan lot-lot bagi tapak kilang-kilang. Adalah dirancangan bahawa kilang-kilang batik moden dengan menggunakan jentera-jentera moden akan didirikan dalam kawasan perkampungan batik ini.

## Bibliografi

1. Drs. Hamzuri, *Batik Klasik*, terbitan Djambatan, Jakarta, Indonesia, 1981.
2. *Ethnic Motif of Malaysia*, terbitan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Wisma Batik, Kuala Lumpur. (tarikh ?)
3. Fauziah Haji Abdullah, "*Sejarah Perusahaan Batik*" dalam Warisan Kelantan II, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1983.
4. Haji Muhammad Zain bin Haji Mohamed Salleh, *Catatan-Catatan Sejarah Perusahaan Batik Haji Che Su dan Mohd. Yusuff & Co.*, 1984 (naskah).
5. Inger Mc Cabe Elliott, *Batik, Fabled Cloth of Java*, terbitan Clarkson N. Potter, Inc. New York, 1984.
6. al-Imam al-Ghazali, *Maqasid al-Falasifah*, Dar al-Ma'arif, Mesir, 1958.
7. Iwan Tirta, "*Batik: Continuity and Change*", dalam Seni Kariya: The Crafts of Indonesia, terbitan Times, 422 Thomson Road, Singapore, 1988.
8. Keith Critchlow, *Islamic Pattern, An Analytical and Cosmological Approach*, terbitan Thames and Hudson Ltd. London, cetakan yang kedua, 1983.
9. Muhammad Farid bin Haji Daud, *Latar Belakang dan Perkembangan SAMASA Batik Sdn. Bhd.*, 1990 (naskah).
10. Muhyiddin Ibn 'Arabi, *al-Futuhat al-Makkiyah*, Dar al-Kutub al-'Arabiyah, Mesir, 1329 H.
11. Nik Rashdin bin Nik Hussin, *Katalog Ukiran-Ukiran Rumah Tengku Seri Akar Raja*, Kota Bharu, Kelantan.
12. Norwani Mohd. Nawi, *Malaysian Songket*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.
13. Sarah Arney, *Malaysian Batik, Crediting New Traditions*, terbitan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Wisma Batik, Kuala Lumpur 1987.
14. *Serian Batik*, terbitan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Wisma Batik, Kuala Lumpur (tarikh ?).
15. Siti Zainon Ismail, *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986.
16. S. Soetopo, *Batik*, terbitan INDIRA bahagian Akademi dan Sastra, Jakarta, Indonesia, 1983.
17. Suatu Kumpulan Penyelidik, *Ethnic Motif of Malaysia*, terbitan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Wisma Batik, Kuala Lumpur (1983 ?).
18. Wawancara dengan:-
  - a. Encik Abdul Hamid bin Haji Che Su, bekas ahli syarikat Mohd. Yusoff & Co., Jalan Dato' Lundang, Kota Bharu.
  - b. Haji Nawawi bin Haji Hussin, pengusaha batik, Kampung Penambang, Kota Bharu.
  - c. Encik Juni bin Omar, jurulatih PKK di Kuala Terengganu kemudian di Kota Bharu.
  - d. Encik Mohamed bin Haji Mohamed Noor, Pengurus/setiausaha kerja, Koperasi Serbaguna Pembatik-Pembatik Kelantan Berhad, Kota Bharu.
  - e. Encik Yusoff bin Haji Abdullah, pelukis dan pengusaha batik Kampung Kubur Kuda, Kota Bharu.
  - f. Dan lain-lain.

# Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris\*

MOHD. KAMARUZAMAN A. RAHMAN

## Pendahuluan

**K**EMASUKAN penasihat Inggeris selepas termeterinya Perjanjian Inggeris – Siam pada tahun 1909 telah membawa perubahan yang sangat besar bukan sahaja dalam sektor ekonomi negeri Kelantan tetapi juga kepada sistem pentadbiran dan sosial negeri itu<sup>1</sup>. Sistem penasihat ini bagaimanapun telah bermula lebih awal lagi iaitu semasa Kelantan berada di bawah naungan Siam. Peranan awal yang dimainkan oleh W.A. Graham sebagai penasihat Siam telah membawa banyak perubahan kepada negeri Kelantan khususnya pembangunan ekonomi.

Sebelum tahun 1909, khasnya semasa pentadbiran Graham, banyak syarikat luar negeri melabur dan bergiat dalam bidang perlombongan dan perladangan terutamanya dikawasan Hulu Kelantan. Antara syarikat yang terbesar ialah Duff Development Company Limited yang mempunyai kawasan ladang yang sangat luas dan sehingga kedatangan penasihat Inggeris yang pertama (W.A. Graham), syarikat-syarikat ini dibenar meneruskan kegiatan mereka mengeksploit kekayaan bumi Kelantan.

Kedatangan penasihat Inggeris, tidak mengubah polisi galakan kepada syarikat-syarikat asing ini dalam usaha mengambil kekayaan negeri Kelantan. Malahan syarikat-syarikat kepunyaan orang Eropah yang lain juga terus menerus diberikan sokongan dan galakan supaya membuka ladang-ladang kelapa terutama di Pasir Puteh. Sehingga tahun 1920, pembukaan kawasan ladang dan lombong ini telah mengwujudkan dua kawasan kegiatan ekonomi perdagangan yang penting iaitu di Hulu Kelantan dan di Pasir Puteh.

\* Makalah ini dipetik dari Latihan Ilmiah bertajuk "Peranan Pejabat Penasihat Inggeris di Kelantan (1910-1920) yang dikemukakan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, tahun 1981 dengan beberapa pindaan.

1. Untuk mengikut peranan penasihat Inggeris dalam pembangunan sosial negeri Kelantan pada tahun 1910 hingga 1920, lihat Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, 'Peranan Inggeris dan Kemajuan Kemasyarakatan di Kelantan (1910-1920)', *Jurnal Sejarah Kelantan*, Bil. 4, 1987/88, hlm. 5-20 dan 53-56.

## Ekonomi Kelantan Menjelang 1910

Kegiatan ekonomi di negeri Kelantan pada dekad pertama abad ke-20 iaitu sebelum kedatangan penasihat-penasihat Inggeris telah digerakkan oleh pemodal-pemodal Barat. Kesemua pemodal-pemodal Barat ini telah bergiat dalam bidang perlombongan dan perladangan. Ini juga bererti bahawa sebelum kedatangan penasihat-penasihat Inggeris, negeri Kelantan sudah pun mempunyai ekonomi yang berbentuk perdagangan.


Pemodal-pemodal asing sudah pun menubuhkan beberapa buah syarikat perdagangan antara tahun 1890 hingga 1909 iaitu sebelum kedatangan penasihat-penasihat Inggeris, antaranya ialah<sup>2</sup>:—

1. 'The Duff Development Company Limited', yang beribu pejabat di London, bermodal sebanyak £10,000, mendapat konsesi seluas 3,000 batu persegi di kawasan Galas dan Sungai Lebir untuk mengeksloit perlombongan emas dan perladangan di kawasan itu.
2. 'Patterson Simons & Company Limited', mempunyai ejen di Singapura, juga bergiat dalam bidang perlombongan.
3. 'The Kelantan Exploration Syndicate Limited', syarikat yang berpusat di London. Syarikat ini mempunyai kepentingan-kepentingan di dalam kedua-dua bidang perlombongan dan perdagangan.
4. 'The Galas River Syndicate Limited', dengan 'Messrs Guthrie & Company Limited' sebagai ejen di Singapura. Sindiket ini menjalankan kegiatan perlombongan di kawasan Galas.
5. 'The Bukit Merbau Mining Syndicate', beribu pejabat di Kuala Lumpur, menjalankan kegiatan perlombongannya di kawasan Pasir Puteh.
6. 'The Nenggiri Prospecting & Mining Concession' yang ditubuhkan oleh P.F. Wise, menjalankan kegiatan perlombongannya di kawasan Nenggiri.

Di dalam bidang perladangan, kompeni-kompeni dibawah ini juga mendapat bantuan tambahan dari 'The Duff Development Company Limited':—

1. 'The Kubang Yu Coconut Estate', telah disewa oleh Messrs Agar, Agar & Paxon, menjalankan perusahaan kelapa yang meliputi kawasan seluas 1,000 ekar.
2. 'The Bagan Rubber Company Limited', membuka ladang getah di kawasan seluas 1,000 ekar di daerah Bagan, Hulu Kelantan. Syarikat ini beribu pejabat di Singapura dan dikendalikan oleh Hilton M'Gill.
3. 'The Bukit Ator Estate', merupakan kawasan ladang getah yang di sewa oleh Hilton M'Gill dan meliputi kawasan seluas 1,900 ekar.
4. 'The Pasir Puteh Coconut Estate', merupakan ladang kelapa yang di sewa oleh pengusaha F.O. Rasmussen dan meliputi kawasan seluas 500 ekar.
5. 'The Bagan Rubber Estate', merupakan ladang yang di usahakan oleh

2. W.A. Graham, *Kelantan - A State of the Malay Peninsula: a Handbook of Information*, Glasgow: J. Maclehose, 1908, hlm. 137-139.



*Kelantan: Konsesi Perlombongan dan Perladangan Awal Abad Ke-20.*

penyewa Messrs Tilleke dan Mackey, meliputi kawasan seluas 4,000 ekar dan beribu pejabat di Bangkok.

Kemasukan pemodal-pemodal asing yang bergiat di dalam bidang industri perlombongan dan perladangan ini, tidak pula bererti yang orang-orang tempatan tidak turut sama melibatkan diri. Terdapat dua buah syarikat yang diletakkan dibawah kelolaan kerabat diraja Kelantan, iaitu:—

1. 'The Batu Mengkebang Planting Estate', merupakan kawasan ladang getah di daerah Hulu Kelantan yang di sewa oleh Tengku Petri<sup>3</sup>. Ianya meliputi kawasan seluas 5,000 ekar.
2. 'The Bukit Marak Planting Estate', merupakan kawasan ladang kelapa yang di sewa oleh Tengku Petra Dalam Kebun<sup>4</sup> dan meliputi kawasan seluas 200 ekar.

Peta di halaman sebelah menunjukkan tentang letaknya beberapa buah syarikat di negeri Kelantan.

Kegiatan 'The Duff Development Company Limited', tidak dapat diketepikan bila membicarakan tentang perkembangan ekonomi di Kelantan kerana ia telah memiliki sebahagian besar keluasan tanah negeri Kelantan dan mengeksploit kekayaan negeri ini dengan pesat sekali. Sedikit sebanyak kegiatan Syarikat Duff dan lain-lain syarikat asing ini telah menukar sebahagian dari bentuk enonomi Kelantan dari bercorak tradisional kepada ekonomi moden atau dari bentuk sewa diri kepada ekonomi perdagangan.

Syarikat Duff yang mendapat konsesi dari Raja Kelantan pada 10 Oktober 1900 telah memulakan kegiatan awalnya dalam bidang perlombongan bijih<sup>5</sup>. Pada bulan Jun 1904, Syarikat Duff telah membiayai 'The Kelantan Gold Dredging Company Limited' untuk mengusahakan kerja-kerja perlombongan emas. Syarikat 'Kelantan Gold' ini telah membeli 4 buah kapal korek untuk digunakan bagi melombong emas di Sungai Galas, yang dianggarkan dapat dikeluarkan sekurang-kurangnya 1,200 hingga 1,500 auns bijih emas sebulan<sup>6</sup>. Dalam tahun 1905, jumlah nilai emas yang dikeluarkan oleh syarikat ini ialah sebanyak \$72,290 berbanding dengan \$42,264 dalam tahun sebelumnya<sup>7</sup>. Tahun berikutnya, syarikat 'Kelantan Gold' ini hanya berjaya menghasilkan 6,461 auns emas sahaja untuk setahun iaitu jauh lebih kebawah dari jangkaan

3. Tengku Petri atau Tengku Kembang ialah Puteri almarhum Sultan Ahmad Kelantan (1886—1889). Baginda menjadi isteri Tengku Besar (Sultan Patani: 1881—1890) dan ninda kepada Tengku Abdul Kadir Kamaruddin (Sultan Patani: 1899—1902). Tengku Abdul Kadir Kamaruddin pula ialah ayahanda kepada Tengku Mahmud Mahyiddin dan Tengku Ahmad Zainal Abidin bergelar Tengku Sri Akar Raja Kelantan.
4. Tengku Petra Dalam Kebun ialah Tengku Jaafar atau Tengku Abdul Ghafar bin Sultan Muhamad II Kelantan. Baginda di kenali juga sebagai Tengku Petra, Engku Yamtuan Petra dan bergelar Tengku Temenggong. Baginda ialah ayahanda kepada Tengku Ahmad bergelar Tengku Panglima Raja Kelantan.
5. Untuk penjelasan lanjut tentang latarbelakang penubuhan Syarikat Duff dan usahanya mendapatkan konsesi dari Raja Kelantan, lihat L. R. Robert, "The Duff Syndicate in Kelantan 1900—1902", *JMBRAS*, Vol. 45, pt. 1, 1971, hlm. 81—110, juga Siti Hindun Ahmad, "Sejarah Ekonomi Kelantan 1909—1945: Satu kajian awalan", Latihan B.A., Jabatan Sejarah, UKM, 1979, hlm. 34—48 (tidak diterbitkan).
6. *ARK.*, 1903/1904, hlm. 27 dan *ARK.*, 1904/1905, hlm 16.
7. *ARK.*, 1905/1906, hlm. 9.

1,200–1,500 auns bagi sebulan seperti yang diharapkan<sup>8</sup>.

Pada tahun 1909, Syarikat 'Kelantan Gold' telah memulakan kegiatan melombong emas di daerah Sokor pula yang mana belanja yang digunakan lebih kurang £50,000 tetapi malangnya hasil yang diperolehi cuma 8,524 auns yang bernilai £32,627. Manakala pada tahun berikutnya, pengeluaran emas semakin menurun iaitu menjadi 3,688 auns yang juga bererti penurunan pendapatan menjadi £14,160. Pendapatan ini adalah tidak setimpal dengan perbelanjaan sebanyak £18,056 dikeluarkan.

Memandangkan pendapatan dari perlombongan emas tidak begitu menggalakkan, Syarikat Duff telah meluaskan lagi kegiatannya dalam bidang perladangan pula. Berdasarkan harga getah yang tinggi ketika itu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Syarikat Duff mula berminat dalam penanaman getah dan dalam masa yang singkat telah berjaya menubuhkan tiga buah ladang iaitu ladang-ladang Taku, Kluat dan Kenneth. Dalam tahun 1909, Syarikat Duff telah menanam getah seluas 1,218 ekar dari jumlah 40,000 ekar yang dicadangkan untuk tanaman getah diseluruh Kelantan<sup>9</sup>. Jadual I dibawah menunjukkan pengusaha-pengusaha yang menjalankan tanaman getah di Kelantan pada tahun 1909.

Berdasarkan jadual I ini, dapat dilihat bahawa bidang ladang getah kepunyaan orang-orang Melayu amatlah sedikit sekali iaitu cuma 123 ekar sahaja

Jadual I. Ladang Getah di Kelantan – 1909

Nama Ladang	Kepunyaan	Luas Ditanam
Taku	Duff Development Coy. Ltd.	712
Kluat	Duff Development Coy. Ltd.	189
Kenneth	Duff Development Coy. Ltd.	317
Kuala Pergau	Kelantan Rubber Coy. Ltd.	400
Kuala Balau	Kelantan Rubber Coy. Ltd.	200
Pasir Jingga	Kelantan Rubber Estates Ltd.	124
Bagan	Messrs Mackey and Tilleke	455
Kusial	Dominion Rubber Coy. Ltd.	400
Pasir Besar	Austral-Malay Rubber Coy.-Ltd.	170
Kuala Hau	C. Elster	200
Kuala Nal	N. Stoltz	250
Kuala Pahi	T.C. Hutchings	200
Kota	Mohamed Sanib	30
	Ladang 4 orang Melayu	93
Jumlah		3,740

Sumber: *Annual Report Kelantan 1909*, hlm. 3.

8. *Loc. cit.*

9. *ARK.*, 1909, hlm. 3.

atau 3.5% dari jumlah keseluruhan ladang getah sebanyak 3,740 ekar itu manakala ladang-ladang Syarikat Duff memiliki keluasan ladang getah yang terbesar iaitu 32.6% (1218 ekar) dari jumlah keseluruhan ladang tersebut. Ladang-ladang kepunyaan orang-orang Melayu ini tentulah terpaksa bertanding hebat dengan orang-orang Eropah bagi menjayakannya terutamanya meningkat pengeluaran dan mendapatkan pasaran. Pertandingan ini lebih jelas dapat dilihat dalam soal mendapatkan buruh-buruh untuk berkerja di ladang-ladang mereka. Ladang-ladang orang-orang Melayu terpaksa menghadapi masalah mendapatkan buruh kerana tidak ramai orang Melayu yang suka bekerja di ladang-ladang getah. Ini tidak dapat di atasi oleh mereka. Sebaliknya ladang-ladang kepunyaan orang-orang Eropah dapat mengatasi masalah bekalan tenaga buruh ini melalui mengimportan tenaga buruh dari luar terutama dari Singapura. Tambahan lagi kerajaan sendiri turut membantu pemodal-pemodal luar ini. Keadaan ini lebih jelas selepas penasihat-penasihat Inggeris mentadbir negeri Kelantan. Perbincangan selanjutnya dapat memperlihatkan kebenaran kenyataan ini.

Jelas dapat dilihat bahawa orang-orang Melayu terpaksa bersaing hebat dengan pemodal-pemodal Eropah, ini lebih ketara lagi kepada pekebun-pekebun kecil orang Melayu. Malangnya data-data mengenai jumlah pemilikan tanah getah oleh pekebun-pekebun kecil dalam period perbincangan ini tidak dapat ditemui. Bagaimanapun, sudah tentulah pekebun-pekebun kecil ini merasakan tekanan dan persaingan oleh syarikat-syarikat besar tersebut.

Keadaan persaingan ini lebih ketara lagi pada period 1909 yang mana pada tahun 1916 misalnya, jumlah ladang kelapa yang dimiliki oleh orang-orang Melayu menurun menjadi 2.7% sahaja atau 421 ekar dari jumlah keseluruhan ladang getah seluas 15,718 ekar. Keadaan ini lebih ketara lagi jika dilihat dalam pemilikan ladang-ladang kelapa, orang-orang Melayu tidak memiliki seekar ladang kelapa pun dari seluas 5,996 ekar ladang kelapa yang terdapat pada tahun 1916. Jadual 2 dibawah menunjukkan keluasan ladang getah dan kelapa yang dibincangkan, juga menjelaskan nama-nama syarikat asing yang bergiat dalam bidang perladangan di Kelantan. Bagaimanapun kegiatan orang-orang Melayu di dalam perusahaan getah dan kelapa ini secara pekebun kecil memang wujud tetapi data-data mengenai pemilikan tanah pekebun-pekebun kecil ini tidak diperolehi.

Syarikat Duff juga menumpukan perhatian terhadap sumber-sumber hutan dan untuk tujuan mengeksploit hasil-hasil hutan ini, ia telah membina sebuah kilang kayu dan tempat simpanan alat-alat jentera di Kuala Lebir pada tahun 1907. Syarikat ini telah menjadi pembekal kayu yang penting bagi pembinaan bangunan-bangunan kerajaan negeri dan pengguna persendirian disekitar Kota Bharu<sup>10</sup>. Dalam tahun 1909, sebanyak 31,629 kaki padu kayu yang sudah bergaji telah dapat dikeluarkan dan pada tahun berikutnya, pengeluaran ini meningkat menjadi 63,059 kaki padu<sup>11</sup>.

#### Penasihat Inggeris dan Ekonomi Kelantan

Pada tahun 1910, Kelantan telah diletakkan dibawah pentadbiran Inggeris.

10. *Loc. cit.*

11. "Duff Development Company Limited-Financial Report 1910".



Jadual 2: Ladang-Ladang Di Kelantan

Nama Ladang	Getah atau Kelapa	Luas ditanam	Pemilik-Pemilik
		Ekar	
Taku	Getah	1170	Duff Development Company Limited
Kluat	"	290	"
Kenneth	"	912	"
Lower Sokor	"	827	"
Kerilla	"	1705	"
Kuala Pergau	"	416	Kuala Pergau Rubber Plantations
Kuala Balah	"	435	"
Chaning	"	882	Kelantan Rubber Estates Ltd.
Pasir Jingga	"	224	"
Chegar Panjang	"	188	"
Lepan Kabu	"	479	"
Sungai Bagan	"	680	The Sungei Bagan Rubber Coy. Ltd.
Tebing Tinggi	"	700	Dominion Rubber Company, Ltd.
Pasir Besar	"	560	Austral Malay Rubber Company, Ltd.
Kuala Hau	"	500	Nothern Rubber Co, Ltd.
Kuala Nal	"	1130	Kuala Nal Kelantan Rubber Co, Ltd.
Stapoh Nal	"	180	"
Kuala Pahi	"	1000	Bukit Marak Rubber Estates, Ltd.
Kuala Hidong	"	"	"
Bukit Marah	Kelapa & Getah	120	"
		75	
Kuala Ceh	Getah	752	Central Kelantan Rubber Coy. Ltd.
Ulu Kusial	"	512	New Zealand Malay Rubber Co, Ltd.
Tasang	"	1030	Kuala Pertang Rubber Syndiacte.
Pasir Gajah	"	650	Shanghai Kelantan Rubber Est. Ltd.
Mengkebang Estate	"	421	Tungku Petri binti Sultan Ahmad.
East Malay	Kelapa	1159	East Malay Coconut Company Ltd.
Coconuts Ltd.			
Cherang Tuli Estate	"	1022	Kelantan Coconut Estates Ltd.
Pasir Puteh	"	250	Pasir Puteh Syndicate.
Gong Tinggi	"	477	Kelantan Copra Company.
Cherang Ruku & Bukit Praksi	"	649	"
Semerak	"	1089	"
Telong	"	446	"
Factory Site	"	26	"
Cherang Jeloh	"	578	Cherang Jeloh Coconut Estate, Ltd.

Sumber: BAK 323/1916

Didalam bidang pertanian, kegiatan awal pentadbiran Inggeris yang terpenting pada 10 tahun pertama abad ke-20 ialah berusaha menambahkan pengeluaran padi dan menggalakkan orang Melayu bergiat dalam penanaman getah. Padi dan getah mendapat perhatian-perhatian penasihat Inggeris untuk memajukan-nya supaya menjadi suatu bidang yang mendatangkan keuntungan kepada rakyat dan negeri Kelantan.

Penanaman padi adalah aktiviti pertanian yang sangat penting bagi penduduk Kelantan kerana makanan utama mereka adalah bergantung pada beras (padi). Kawasan tanaman padi yang utama ialah di daerah Tumpat, Kota Bharu, Bachok, Pasir Mas dan Pasir Puteh. Sebelum kedatangan penasihat Inggeris, padi ditanam dengan tidak memerlukan sistem pengairan yang baik. Petani-petani hanya bergantung kepada air hujan semata-mata<sup>12</sup>.

Bila Inggeris mengambil alih pentadbiran negeri Kelantan, penasihat-penasihatnya ditugaskan untuk memajukan penanaman padi ini. Salah satu usaha awal yang diambil ialah mengadakan sistem pengairan yang lebih baik dengan membina taliair-taliair. Bagaimanapun usaha-usaha ini tidak dapat dijalankan dengan memuaskan kerana kedudukan kewangan negeri Kelantan tidak begitu baik<sup>13</sup>. Kelantan terpaksa membayar balik wang yang dipinjam dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu akibat termeterinya perjanjian 1909.

Langham-Carter penasihat Inggeris telah menubuhkan Pejabat Kawalan Padi yang ditugaskan untuk mengawasi jumlah simpanan padi yang cukup bagi negeri Kelantan. Pejabat Kawalan Padi ini juga bertugas untuk mencari kawasan-kawasan yang sesuai untuk menggunakan sistem pengairan<sup>14</sup> dan memastikan sawah padi yang sedia ada terus diusahakan serta memperbaiki sistem perairan yang sudah wujud<sup>15</sup>. Bagaimanapun, pengeluaran padi dan beras di Kelantan bukanlah untuk di eksport lagi tetapi untuk keperluan dalam negeri. Ini lebih ketara setelah berlakunya kemasukkan beramai-ramai buruh-buruh asing ke Kelantan untuk bekerja di ladang-ladang getah<sup>16</sup>.

Di dalam industri getah pula, peranan penasihat-penasihat Inggeris adalah untuk menjamin bekalan tenaga buruh yang cukup bagi ladang-ladang getah yang telah dibuka oleh orang-orang Eropah itu. Buruh-buruh ini adalah terdiri dari orang-orang Cina, India dan Jawa yang mana buruh-buruh Cina adalah paling ramai dan sangat penting bagi perkembangan industri getah seterusnya tetapi kontrak buruh-buruh Cina ini akan tamat pada 30 Jun 1914.

Penasihat Inggeris pada masa itu, J.E. Bishop, telah meminta Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Singapura supaya kontrak itu disambung terus untuk selama 6 tahun lagi.<sup>17</sup> Permintaan Bishop ini telah berjaya tetapi untuk selama 2 tahun sahaja iaitu sehingga 30 Jun 1917.<sup>18</sup> Alasan yang diberikan oleh Bishop tentang pentingnya buruh-buruh Cina ini di ladang-ladang getah yang terletak di Hulu

12. Lihat Zaharah Haji Mahmud, "The Period and Nature of Traditional Settlement in the Malayan Peninsula," *JMBRAS*, Vol. 43, pt. 2, 1970, hlm. 98.

13. *ARK*, 1914, hlm. 2.

14. *ARK*, 1919, hlm. 8.

15. *ARK*, 1920, hlm. 19.

16. *ARK*, 1911, hlm. 2.

17. BAK 124/1913, Bishop kepada Young, 24 Februari 1913, Lihat juga C.O. 273/399: Young kepada Harcourt, 15 Mei 1913, n. 202.

18. BAK 124/1913, Harcourt kepada Young, 26 Jun 1913.

Kelantan itu adalah memandangkan orang-orang Melayu tidak suka menjadi buruh kerana mereka lebih suka bekerja sendiri. Ditambah pula orang-orang Melayu ditempat-tempat lain di Kelantan tidak mahu datang ke sini untuk bekerja<sup>19</sup>.

Dalam jaminannya kepada Pesuruhjaya Tinggi, Bishop menyatakan bahawa buruh-buruh Cina ini telah diberi layanan yang memuaskan. Setiap 3 bulan sekali, Pegawai Daerah Hulu Kelantan akan melawat ladang-ladang ini malah dia sendiri bersama Pegawai Perubatan Tempatan melawat ladang-ladang tersebut setahun sekali untuk melihat keadaan buruh-buruh ini. Malah rumah-rumah sakit juga terdapat di semua ladang-ladang yang terdapat di Kelantan<sup>20</sup>.

Kepentingan kepada tenaga buruh ini dapat dilihat dalam dua bentuk, pertama, perlu dikekalkan buruh yang sudah ada dan kedua perlu ditambah lagi buruh-buruh dari luar memandangkan kepada peningkatan luas kawasan yang ditanam dengan getah. T.C. Hutchings, Pengerusi Persatuan Penanam-Penanam Kelantan, menyatakan pada awal tahun 1913, seluas 13,000 ekar telah ditanam dengan keluasan ini akan bertambah menjadi 17,000 ekar pada akhir tahunnya dan 20,000 ekar pada akhir tahun 1915. Berdasarkan kepada anggaran yang dibuat, seorang buruh diperlukan bagi seekor kebun getah, oleh itu pada tahun 1917, 17,000 orang buruh diperlukan bagi 15,000 ekar lagi kebun kelapa kepunyaan syarikat-syarikat orang Eropah yang lain. Pada masa itu (1913) hanya terdapat 6,600 orang buruh sahaja di ladang-ladang getah yang terdiri dari 6,000 orang Cina, 500 orang Jawa dan 100 orang India<sup>21</sup>. Jadual 3 memberikan nama pengurus-pengurus tiap-tiap ladang yang disebutkan diatas, Jadual 4 menunjukkan keperluan buruh pada tahun 1917 dan Jadual 5 pula menunjukkan buruh-buruh yang diimpot oleh ladang-ladang tersebut sejak bulan Jun 1916.

Memandangkan kepada kepentingan industri getah di negeri Kelantan ini adalah begitu cemerlang dan banyak mendatangkan hasil, R.J. Farrer telah mencadangkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Inggeris supaya permohonan Persatuan Penanam-Penanam Kelantan itu dipertimbangkan. Farrer menyatakan bahawa pengurangan hasil sebanyak 400 tan getah (830,000 lbs) akibat kekurangan tenaga buruh adalah juga bermakna kehilangan pendapatan negeri juga<sup>22</sup>. Dalam tahun 1915, masalah kemasukan buruh-buruh ini telah dapat diselesaikan apabila Kelantan dapat mengimpot buruh-buruh dari Singapura. Jelas dapat dilihat di sini bahawa penasihat Inggeris berusaha untuk menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha Barat.

Kedatangan penasihat Inggeris juga telah menukarkan sebahagian besar corak ekonomi Kelantan dari bentuk sara diri kepada bentuk moden. Di dalam sistem ekonomi perdagangan ini, tenaga buruh dan tanah menjadi bahan perdagangan, disamping itu tanaman model berjalan dengan giat sekali. Keadaan ini berbeza sama sekali dengan masa sebelum kedatangan penasihat yang mana tenaga buruh dan tanah adalah digunakan hanya untuk mendapatkan keperluan

19. C.O. 273/399: Young kepada Harcourt, 15 Mei 1913, fl. 202.

20. *Ibid.*, fl. 203.

21. *Ibid.*, encl. No. 1, fl. 206-207. Lihat Jadual 2 untuk mengetahui luas kawasan yang ditanam getah pada tahun 1916.

22. BAK 124/1913, Setiausaha Tanah Jajahan kepada Carter, 25 Mei 1915.

Jadual 3: Senarai Nama Pengurus Syarikat Getah

Nama Kompeni	Nama Ladang	Pengurus
Kelantan Rubber Coy. Ltd.	Kuala Pergau Kuala Balau.	E.D. Cameron, Manager. W.G. Anderson, Manager Avery, Supt. of P. Jingga.
Kelantan Rubber Estate Ltd.	Chaning Pasir Jingga	Drayson, Supt. of S. Pergau. Robertson, Supt. of S. Balau.
Duff Development Coy. Ltd.	Taku	B. Humpreys, Superintendent
Duff Development Coy. Ltd.	Kenneth	J.F.S. Fielder, Manager A. Collins, Superintendent
Duff Development Coy. Ltd.	Kluat	J.F. Fielder, Manager T.A. Penny, Superintendent
The Sungai Bagan Rubber Company Ltd.	Sungei Bagan	H. McCill
The Kuala Nal Kelantan Rubber Company Ltd.	Kuala Nal	N. Stoltz
Privated owned H. Coghlán	Kuala Hau Pasir Gajah	C. Elster H.C. Paxon
The Kuala Pehi Estate	Kuala Pahi	T.C. Hutchings, Resident Managing Director J. Wood, Superintendent
The Central Kelantan Rubber Company Ltd.	Kuala Geh	H.H.T. Ward
The Provident Rubber Estate Ltd.	Korilla	H.D. Jensen
The New Zealand Rubber Estate Ltd.		F.C.A. Hillo
The Dominion Rubber Company Ltd.	Kusial	W.H.B. Bell
The Austral-Malay Rubber Company Ltd.	Pasir Besar	A.G. Spencer
The Kuala Pertang Syndicate	Kuala Pertang	J.W. Mackenzie
The Bukit Merah Estate	Bukit Merah	Tambi Omar

Sumber: BAK 100/1911.

makanan asas sahaja. Jika terdapat kelebihan hasil pertanian ianya akan digunakan untuk memperbaiki hubungan sosial dengan memberikan hasil-hasil pertanian yang lebih itu kepada saudara mara atau sahabat handai dengan percuma, juga ianya digunakan untuk memuaskan kehendak kelas-kelas atasan<sup>23</sup>.

23. Amarjit Kaur and Shaharil Talib Robert, "Hulu Kelantan 1900-1940: The Extractive Economy and the Peasantry", dalam Mohd. Amin Hassan and Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (eds.), *The Eighth Conference International Association of Historians of Asia: Selected Papers*, Bangi: History Department, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm. 582.

Jadual 4. Keperluan Buruh – Tahun 1917

Ladang	Buruh Sekarang	Keperluan Buruh 1917
Kelantan Rubber	508	930
Kuala Nal	481	680
Kuala Pahi	304	450
Kuala Pergau	325	440
Dominion	354	450
New Zealand	129	129
Pasir Besar	266	370
Kuala Geh	243	343
Shanghai Kelantan	239	304
Duff Dev. Coy. Ltd.	1,668	2,400
	4,517	6,496

Sumber: C.O. 273/459: Young kepada Walter Long, encl. No. 1, 31 Januari 1917, fl. 188.

Jadual 5. Buruh-Buruh Yang Diimpot Sehingga Jun 1916

Ladang	Cina	Jawa	Tamil	Banjar	Siam
Kelantan Rubber	692	120	336	—	—
Kuala Nal	344	—	200	—	—
Kuala Pahi	438	100	—	—	50
Kuala Pergau	363	150	150	—	—
Dominion	400	60	70	—	—
New Zealand	55	15	60	—	—
Pasir Besar	170	—	—	—	—
Kuala Geh	150	—	158	—	—
Shanghai Kelantan	—	35	43	49	—
Duff Dev. Coy. Ltd.	427	279	493	200	—
	3,119	759	1,510	249	50

Sumber: C.O. 273/459: Young kepada Walter Long encl. No. 1, 31 Januari 1917, fl. 188.

Kemasukan model-model asing dan kegiatan penasihat-penasihat Inggeris telah dapat membentuk satu masyarakat baru di Kelantan iaitu masyarakat yang lebih mengerti tentang nilai wang dan kekayaan serta tahu menggunakan wang sebagai punca modal. Masyarakat baru ini adalah terdiri dari orang-orang luar (Eropah, Cina dan India) dan juga segelintir orang-orang Kelantan sendiri. Tanah pertanian adalah sangat penting kepada rakyat Kelantan terutama

untuk bercucuk tanam dan tempat kediaman; Bagaimanapun keluasan tanah untuk pertanian ini telah menjadi bertambah kurang kerana pemodal-pemodal Inggeris telah memiliki sejumlah besar tanah yang sangat sesuai untuk pertanian ini. Lebih malang, tanah petani-petani ini diambil dengan sewenang-wenangnya oleh syarikat-syarikat asing tersebut. Banyak tanah-tanah dusun dan tanah kampung yang terdapat di dalam kawasan ladang-ladang getah telah dimiliki oleh ladang-ladang tersebut. Di beberapa tempat di Hulu Kelantan seperti Pasir Besar, Tebing Tinggi dan Kuala Pahi, tanah petani-petani yang terdapat di dalam kawasan ladang getah di situ telah dibeli oleh pengurus-pengurusnya<sup>24</sup>. Dalam tahun 1918, 'The Kuala Nal Kelantan Rubber Company Limited' telah membeli tanah dusun yang terletak di tengah-tengah ladang ini dengan harga \$130 seekar yang mana tanah dusun di sini ialah sebanyak 3½ ekar<sup>25</sup>.

Kegiatan pengurus-pengurus ladang yang mengambil tanah petani-petani ini telah mendapat tentangan dari beberapa orang petani. Dalam bulan Disember 1912, Haji Ibrahim, Haji Awang dan Haji Yunus dari Kuala Lebir telah menghantar surat bantahan kepada J.E. Bishop mengenai kegiatan Syarikat Duff untuk mengambil tanah-tanah mereka. Tetapi Bishop tidak dapat mengambil apa-apa tindakan kerana Syarikat Duff mempunyai hak untuk membeli tanah-tanah itu berdasarkan perjanjian yang diperolehinya itu<sup>26</sup>.

Pada tahun 1911, Mason telah mencadangkan Peraturan Pembekalan dan Hasil Hutan dikeluarkan yang mana kemudiannya diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri. Undang-undang ini tidak membenarkan pokok-pokok yang mempunyai nilai perdagangan dari ditebang. Surat-surat kebenaran yang berbeza juga diperkenalkan yang mana pemungut-pemungut rotan, hasil hutan dan pemotong kayu dikehendaki mendapatkannya. Dalam dua kategori yang pertama, yuran yang dikenakan ialah \$1.00 seorang untuk 3 bulan dan bagi kategori akhir, yurannya ialah \$3.00 seorang untuk sebulan. Selain dari dikenakan membayar surat-surat kebenaran, cukai juga dikenakan jika bahan-bahan tersebut diekspot. Dibawah peraturan baru ini, petani-petani hanya dibenarkan memungut hasil hutan untuk kegunaan sendiri sahaja. Sesiapa yang melanggar peraturan ini akan dikenakan denda tidak lebih dari \$100.00<sup>27</sup>.

Peraturan perhutanan ini telah memberi kesan kepada rakyat Kelantan yang bergantung kepada hasil hutan. Ianya tidak popular kepada pemotong-pemotong balak kerana mereka mendapati adalah tidak menguntungkan untuk memotong balak disebabkan masa banyak terbuang dalam usaha untuk mendapatkan dan membaharui surat-surat kebenaran. Manakala kumpulan-kumpulan yang memungut buah-buahan hutan pula, dikehendaki membayar cukai tambahan. Buah perah, petai, labu kundur dan asam gelugur yang dulunya boleh dipungut dengan percuma tetapi sekarang ini telah menjadi hak kerajaan. Adalah dianggarkan dalam tahun 1914, sebanyak 1,000 hingga 2,000 gantang

24. Lihat BAK 98/1913, Pegawai Daerah Batu Mengkebang kepada Bishop, 28 Januari 1913.

25. BAK 111/1918, Pegawai Daerah Hulu Kelantan kepada Thomson, 21 Januari 1918.

26. BAK 657/1912, Haji Ibrahim, Hj. Awang dan Hj. Yunus kepada Bishop, 3 Disember 1912.

27. BAK 361/1911, Timber and Jungle Produce Rules, State of Kelantan.

buah perah telah di jual beli di daerah Belimbing yang mana 6 gantang berharga \$1.00<sup>28</sup>.

Kegiatan penanaman getah secara kecil-kecilan telah melibatkan orang-orang Melayu bergiat dalam ekonomi perdagangan. Inilah bentuk pertama yang membawa petani-petani Melayu ke dalam ekonomi perdagangan. Kegiatan petani-petani mengusahakan kebun-kebun getah ini telah menukarkan corak ekonomi mereka iaitu dari bercorak ekonomi sara diri kepada corak ekonomi perdagangan<sup>29</sup>. Bagaimanapun, polisi kerajaan Inggeris ialah tidak menggalakkan getah di tanam secara kecil-kecilan kerana akan mengancam dan mengurangkan pendapatan syarikat-syarikat asing itu. Oleh itu, petani-petani menanam getah dengan tidak mendapat kebenaran dari pihak berkuasa malah pada yang menanam getah di tanah-tanah sawah yang digunakan untuk menanam padi bagi keperluan makanan mereka sendiri itu<sup>30</sup>.

Minat petani-petani yang meluap-luap untuk bergiat dalam tanaman getah telah menyebabkan penasihat-penasihat Inggeris terpaksa mencari jalan untuk terus mengekalkan petani-petani ini bergiat dalam tanaman padi. Bagi tujuan ini, beberapa peraturan dan cadangan-cadangan telah dikeluarkan. Dalam tahun 1911, Pegawai Daerah Hulu Kelantan merasakan perlu diadakan satu peraturan tentang pemilikan tanah yang tetap diberikan kepada petani-petani untuk mengiatkan lagi penanaman padi<sup>31</sup>. Lain-lain cara yang dicadangkan untuk menarik perhatian petani-petani menanam padi dengan lebih banyak lagi ialah mengecualikan cukai kelapa dan cukai padi untuk selama 5 tahun bagi petani-petani yang menanam tidak kurang dari 30 pokok kelapa atau lain-lain pokok buah-buahan beserta dengan sekurang-kurangnya satu ekar padi<sup>32</sup>. Juga dalam jangkamasa pelaksanaan sistem cukai tanah yang baharu, satu polisi yang akan diambil ialah memastikan cukai tanah ke atas tanah sawah adalah lebih rendah dari tanah getah<sup>33</sup>. Bagaimanapun, dalam jangkawaktu kajian ini, padi tidak menjadi bahan eksport yang penting kerana petani-petani lebih suka menyimpannya untuk keperluan masa depan.

Jelas dapat dilihat bahawa tujuan kerajaan menggalakkan penanaman padi bukan untuk diekspot tetapi untuk mengekalkan satu sektor yang membekalkan bahan-bahan makanan kepada sektor yang mengeluarkan bahan-bahan untuk di eksport. Juga pihak Inggeris khuatir jikalau orang-orang Melayu terlalu terikat dengan ekonomi perdagangan dalam masa-masa kemerosotan nanti, orang-orang Melayu akan mengalami kesusahan yang mungkin membawa kepada kegelisahan sosial. Orang-orang asing boleh dihantar ke negeri asal mereka tetapi orang-orang Melayu tidak boleh dibuat demikian.

Dalam dekad-dekad pertama pentadbiran penasihat-penasihat Inggeris, mereka telah dapat menambah keluasan tanah yang ditanam dengan padi di

28. BAK 94/1912, Batu Mengkebang Monthly Reports, 1912.

29. BAK 1162/1914, Pegawai Daerah Hulu Kelantan kepada Carter, 26 Oktober 1914; Pengawas Hutan kepada Penguasa Tanah, 2 November 1914 dan minit oleh Penguasa Tanah, 5 November 1914.

30. BAK 355/1920, Pegawai Daerah Hulu Kelantan kepada Thomson, 3 Mac 1920.

31. BAK 122/1912, Annual Report on Batu Mengkebang District for the year 1911.

32. BAK 201/1916, Pegawai Daerah Hulu Kelantan kepada Thomson, 1 Mei 1916.

33. BAK 648/1916, Pegawai Daerah Hulu Kelantan kepada Thomson, 21 September 1916.

Hulu Kelantan iaitu lebih kurang 5,000 ekar<sup>34</sup>. Lain-lain tanaman yang terdapat di sini ialah kelapa (2,050 ekar), durian (100 ekar) dan tembakau, sayur-sayuran dan pokok buah-buahan (4,000 ekar). Berbanding dengan Lembah Sungai Kelantan, keluasan sawahnya adalah lebih dari 50,000 ekar dan tanah kelapa ialah 17,000 ekar<sup>35</sup>. Dalam tahun 1919, perangkaan menunjukkan yang keluasan tanah padi di Hulu Kelantan telah meningkat kepada 10,739 ekar dan tanaman kelapa menjadi 5,087 ekar<sup>36</sup>.

Satu perkara yang sangat berkait rapat dengan perkembangan ekonomi perdagangan di Kelantan ini ialah bertambah banyak dan majunya pembinaan kemudahan-kemudahan asas seperti pelabuhan, jalan raya dan jalan keretapi yang juga berjaya membesarkan beberapa buah bandar terutama bandar Kuala Krai. Dalam membicarakan perkembangan infra-struktur ini, pendekatan akan dibuat secara satu persatu iaitu perkembangan jalan air dan pelabuhan kemudian diikuti oleh jalan darat.

Sungai memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian rakyat Kelantan sebelum dibina jalan raya dan jalan keretapi. Malah Sungai adalah alat penghubung yang utama bagi antara satu kampung dengan kampung yang lain. Kepentingan sungai sebagai jalan air ini dapat dibuktikan dengan melihat bahawa kawasan kampung dan bandar tradisional adalah terletak dipinggir-pinggir sungai dan di pesisir pantai<sup>37</sup>. Bandar-bandar yang telah wujud disepanjang sungai Kelantan ialah Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Kuala Krai manakala bagi kawasan pantai pula, bandar-bandar yang muncul ialah Tabal, Tumpat, Semerak dan Bachok. Terdapat tiga buah sungai yang penting pada masa itu iaitu Sungai Kelantan, Sungai Golok dan Sungai Semerak. Sehingga awal abad ke-20, beberapa cawangan Sungai Kelantan didapati sangat penting iaitu Sungai Pergau, Sungai Nenggiri, Sungai Lebir dan Sungai Galas yang semuanya mengalir dari Banjaran Gunung Tahan<sup>38</sup>.

Dalam abad ke-18 lagi, jalan air ini sudah kerap digunakan untuk ke kawasan perlombongan yang terletak di Hulu Sungai Kelantan. Seorang pengembara Cina, Hsiah Ching Kao (1782-1795) telah mencatatkan bahawa pada tiap-tiap tahun ramai orang-orang Cina datang ke Kelantan dan tinggal di kawasan pelabuhan dan pergunungan (perlombongan). Kawasan Hulu Kelantan telah terkenal dengan kekayaan galian sejak abad ke-19 lagi. Ini menunjukkan bahawa kepentingan jalan air amatlah nyata kerana ia menjadi nadi kepada pergerakan keluar masuk para pedagang dan pelombong. Berkait rapat dengan ini ialah kemajuan pelabuhan-pelabuhan. Di dapati pelabuhan-pelabuhan yang telah maju sesama dengan itu ialah pelabuhan Tumpat, Semerak dan Bachok, tetapi pelabuhan yang amat kerap digunakan oleh pedagang-pedagang dalam dan luar negeri ialah pelabuhan Tumpat.

Perkembangan jalan air adalah berkait rapat dengan perkembangan ekonomi tradisional yang kian lama kian berubah menjadi ekonomi moden. Ini berlaku

34. BAK 225/1910, Revenue Report for the year 1327.

35. BAK 25/1912, Minit oleh Bishop, 6 Mei 1912.

36. BAK 355/1920, Pegawai Daerah Hulu Kelantan kepada Carter, 3 Mac 1920.

37. H. Clifford, "A Journey Through the Malay States of Trengganu and Kelantan", *The Geographical Journal*, 9(1), 1897, hlm. 35.

38. Graham, *Kelantan*, hlm. 55.



kemasukan pedagang-pedagang dari luar ke Kelantan. Kebanyakan dari mereka bertumpu ke pelabuhan-pelabuhan tertentu. Pelabuhan Tumpat dan pelabuhan Kota Bharu merupakan dua pusat yang penting mengendalikan perdagangan di Kelantan. Bertambahnya kemajuan perdagangan di Kelantan terutamanya pada awal abad ke-20 telah menambahkan lagi jumlah kapal-kapal yang keluar dan masuk. Pada tahun 1911, sebanyak 133,697 tan kapal api yang berdagang di Pelabuhan Tumpat dan Kota Bharu<sup>39</sup>. Bagaimanapun, jumlah ini semakin menurun pada akhir period perbincangan ini (1920) menjadi 98,191 tan sahaja<sup>40</sup>. Oleh kerana kemajuan pelabuhan ini semakin meningkat, pusat-pusat pengawasan telah diluaskan lagi agar kapal-kapal dan perahu-perahu tidak tertumpu kepada sebuah pelabuhan sahaja. Pada tahun 1913, Pejabat Kastam telah didirikan hampir di setiap pusat-pusat perdagangan seperti di Pelabuhan Tumpat, Kota Bharu, Semerak, Bachok, Sungai Pinang dan beberapa tempat di kawasan tebing Sungai Kelantan<sup>41</sup>.

Dalam perkembangan ekonomi perdagangan di Kelantan pada dekad pertama abad ke-20, beberapa buah sungai sangat penting kepada pedagang-pedagang untuk mengeksport barangan dagangan mereka. Sungai Semerak penting bagi pedagang-pedagang untuk mengangkut hasil pertanian terutama kelapa dan beras yang dikeluarkan di sekitar jajahan Pasir Puteh. Hasil-hasil pertanian ini diekspot keluar negeri melalui pelabuhan Semerak yang terdapat di muara sungai tersebut. Sungai Golok juga penting untuk menghubungkan kawasan-kawasan pertanian di Pasir Mas dan Golok dan digunakan untuk mengeksport hasil-hasil di kawasan ini melalui Pelabuhan Tabal (sebelum tahun 1909).

Pada awal abad ke-20, kapal wap dan 'motor bot' yang menggunakan minyak petrol mulai digunakan di Kelantan. Ini menyebabkan perkembangan ekonomi perdagangan di Kelantan lebih besar kerana barang-barang dagangan lebih banyak dan lebih cepat untuk di angkut keluar. Syarikat Duff merupakan di antara yang terawal memperkenalkan alat pengangkutan jenis ini. Sistem pengangkutan air yang lebih moden ini digunakan untuk pengangkutan antara Batu Mengebang di kawasan Hulu Kelantan dengan Kota Bharu.

Sejak daripada tahun 1900, Syarikat Duff telah bergiat di dalam bidang perlombongan dan perhutanan. Oleh kerana sistem pengangkutan secara tradisional yang menggunakan perahu tidak dapat memenuhi kehendaknya, Duff telah memperkenalkan sistem pengangkutan yang lebih moden yang bertujuan untuk memudahkannya mengeksploit hasil bumi negeri Kelantan.

Di atas dapat dilihat bahawa sungai dan pelabuhan adalah sangat penting dalam meningkatkan kemajuan ekonomi perdagangan di Kelantan. Ekonomi perdagangan ini semakin cepat meningkat bila terbina jalan-jalan raya dan jalan keretapi pada masa sebelum dan selepas pentadbiran penasihat Inggeris. Berhubung dengan itu, pada tahun 1904, sudah terdapat jalan raya di kawasan-kawasan ekonomi dan bandar Kota Bharu. Jalan raya yang sudah wujud pada masa ini ialah Kota Bharu dengan Banggol dan antara Kota Bharu dengan Gunong. Jalan raya untuk kepentingan ekonomi yang terawal di bina ialah

39. *ARK.*, 1911, hlm. 6.

40. *ARK.*, 1920, hlm. 7.

41. BAK 36/1912, Report on Tabal.

diantara Pelabuhan Tumpat dengan Kota Bharu<sup>42</sup>.

Oleh kerana perkembangan pesat perusahaan pertanian dan perlombongan ditambah pula dengan berkembangannya pusat pemasaran maka kerajaan telah di desak supaya membina jalan-jalan raya dan jalan keretapi. Ini dapat dilihat bila Duff telah mengesyorkan kepada kerajaan, pada 17 Februari 1903, supaya membina jalan-jalan perhubungan darat iaitu jalan raya dan jalan keretapi untuk menghubungkan pelabuhan Tumpat dengan Kuala Lebir. Penasihat Inggeris bersetuju dengan cadangan Duff ini dan melanjutkan perkara ini kepada pihak Keretapi Tanah Melayu, tetapi tidak dipersetujui oleh pihak KTM, oleh itu usaha-usaha Duff ini gagal. Perlulah difahami bahawa Duff meminta kerajaan membina jalan raya dan jalan keretapi ini adalah untuk kepentingan perniagaannya sendiri.

Perkembangan perusahaan getah di Kelantan bertambah pesat sekitar tahun 1905 hingga 1914 yang mana ini telah menimbulkan masalah untuk mengangkut getah ke pelabuhan. Masalah ini timbul kerana getah tidak lagi ditanam di pinggir-pinggir tebing sungai, ianya mulai di tanam di kawasan-kawasan pendalaman yang jauh dari kemudahan pengangkutan sungai. Keadaan ini menyebabkan kos untuk mengangkut getah kepelabuhan dengan menggunakan perahu adalah sangat tinggi<sup>43</sup> dengan itu menambahkan lagi kos yang terpaksa ditanggung oleh pengusaha-pengusaha ladang getah.

Keperluan kepada pembinaan jalan raya ini bukan sahaja terdapat di kawasan Hulu Kelantan tetapi ianya juga diperlukan di kawasan hilirnya terutama di Pasir Puteh, kerana sejak tahun 1902, beberapa buah ladang kelapa telah didirikan oleh orang-orang Eropah di kawasan ini juga tidak lagi terletak di tebing-tebing sungai.

Perkembangan pembinaan jalan raya ini mula mendatangkan hasil bila terbentuknya Jabatan Kerja Raya pada tahun 1903<sup>44</sup>. Setahun kemudian, Kelantan sudah mempunyai jalan raya yang bertar sepanjang 15 batu. Pada tahun 1907, pembinaan jalan raya ini semakin meningkat maju yang mana pada tahun itu Kota Bharu telah dihubungi oleh Tumpat sejauh 8 batu dan jalan raya menghala ke Banggol dari Kota Bharu sudah pun siap sejauh 4 batu manakala jalan raya antara Kota Bharu dengan Pasir Puteh sudah pun siap dibina sejauh 6 batu. Jalan raya yang menghubungi Kota Bharu dan Pasir Puteh ini kemudiannya dipercepatkan pembinaannya selepas berlaku pemberontakan Tuk Janggut pada tahun 1915. Pihak Inggeris merasakan perlu disiap dengan segera jalan raya ini terutamanya bagi kepentingan strategik masa depan. Melalui jalan raya ini, hubungan telefon akan dapat diadakan antara Kota Bharu dengan Pasir Puteh. Akibat dari pemberontakan Tuk Janggut juga, pihak Inggeris mempercepatkan pembinaan jalan raya antara Kota Bharu dengan Kuala Krai iaitu sejauh 44 batu. Peruntukan bagi menyiapkan jalan raya Kota Bharu - Pasir Puteh yang sejauh 28 batu ialah \$200,000 manakala peruntukan untuk menyiapkan jalan Kota Bharu - Kuala Krai ialah \$152,000<sup>45</sup>. Sehingga ke tahun 1920,

42. Graham, *Kelantan* hlm. 56-77.

43. *ARK.*, 1914, hlm. 5.

44. *ARK.*, 1903-1904, hlm. 2.

45. Lihat C.O. 272/426, Maxwell kepada Young, 2 Jun 1915, ff. 431-435.

jalan raya yang sudah siap dibina ialah antara Kota Bharu dengan Pasir Puteh dan Kota Bharu dengan Tumpat. Jalan raya antara Kota Bharu – Pasir Puteh ini telah memajukan lagi pelabuhan Semerak, oleh itu pada tahun 1920, terdapat dua pelabuhan yang penting iaitu pelabuhan Tumpat dan pelabuhan Semerak.

Satu lagi sistem pengangkutan yang penting ialah keretapi. Pembinaan jalan keretapi ini mulai dijalankan pada bulan April 1910 dan setahun kemudian, pembinaan jalan keretapi ini terdapat dari dua arah iaitu dari Pelabuhan Tumpat menuju ke kawasan pedalaman dan dari Pahang ke Kelantan. Kedua arah yang dituju oleh jalan keretapi ini adalah ke kawasan perlombongan dan ladang-ladang getah yang diusahakan oleh orang-orang Eropah<sup>46</sup>. Jelas dapat dilihat bahawa wujud kerjasama yang rapat antara penasihat Inggeris dengan pemodal-pemodal asing ini yang mana kedua-dua belah pihak mempunyai kepentingan yang sama iaitu berusaha mengeksploit kekayaan hasil bumi negeri Kelantan dengan sepenuhnya.

Pada akhir tahun 1912, jalan keretapi ini sudah siap dibina sehingga ke bandar Pasir Mas<sup>47</sup> dan setahun kemudian jalan keretapi ini boleh digunakan terus dari Tumpat ke Tanah Merah<sup>48</sup>. Sehingga ke tahun 1927, perhubungan antara Tanah Merah dengan Kuala Lebir dilakukan melalui perkhidmatan kapal penumpang. Di antara tempat-tempat persinggahannya ialah Kusial, Kerilla, Pasir Besar, Kuala Nal, Lower Sokor, Kenneth, Kuala Hau, Kuala Krai, Taku dan Kuala Tuli<sup>49</sup> yang mana tempat persinggahan ini adalah merupakan pusat pengeluaran getah yang penting. Oleh itu secara tidak langsung, kawasan ini bertambah maju dan ekonominya bertambah pesat.

Laluan jalan keretapi dan jalan kapal penumpang ini menjadikan sesebuah tempat itu satu perkampungan baru dan jika kawasan itu sudah maju ia akan menjadi sebuah bandar yang penting. Ini dapat dilihat dengan kemunculan bandar Tanah Merah dan Kuala Krai. Malah di dalam period ini, pekan Kuala Lebir menjadi sebuah pekan yang amat mustahak bagi Syarikat Duff kerana ia merupakan pusat bagi kegiatan Duff di Hulu Kelantan.

Pada tahun 1917, satu rancangan telah disediakan untuk menjalankan kerja-kerja menyambung jalan keretapi antara Pasir Mas ke Golok<sup>50</sup>. Bagaimana pun rancangan ini telah mendapat tentangan yang hebat dari golongan pemodal kapitalis di Hulu Kelantan. Mereka lebih inginkan supaya kerajaan membina terlebih dahulu jalan keretapi yang menyambung antara Tanah Merah dengan Kuala Lebir. Berkait rapat dengan tekanan golongan ini, pada 15 April 1916, penasihat Inggeris sendiri, R.J. Farrer meminta pihak keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NMB) supaya menerima permintaan pemodal-pemodal tersebut<sup>51</sup>. Tetapi semua tekanan dan rayuan ini tidak di layan oleh pihak keretapi NMB, sebaliknya kerja-kerja pembinaan terus dijalankan dan siap pada tahun 1920, dan boleh digunakan mulai 1 September 1920<sup>52</sup>. Jalan

46. BAK 18/1911, Railway Route Through Kelantan.

47. ARK., 1913, Appendix C.

48. ARK., 1914, hlm. 10.

49. BAK 390/1914, Opening of Railway between Tumpat and Tanah Merah.

50. BAK 950/1917, Negotiations with D.D.C.L. Road – Kuala Tai Railway Route.

51. BAK 282/1916, Proposed Cession by the FMS Railways.

52. ARK., 1920, hlm. 19.

keretapi ini menghubungkan Tumpat dengan Rantau Panjang. Setahun kemudian, ianya telah menyambungkan Kelantan dengan negeri Siam.

Jelas dapat dilihat bahawa wujud kerjasama yang erat antara penasihat Inggeris dengan pemodal-pemodal asing ini bagi kepentingan perdagangan mereka. Kepentingan mereka lebih diutamakan daripada kepentingan masyarakat tempatan atau penumpang-penumpangnya yang mana kebanyakannya adalah terdiri dari buruh-buruh ladang dan lombong kepunyaan pemodal asing itu sendiri. Pembinaan jalan keretapi ini juga secara tidak langsung menguntungkan pengusaha-pengusaha ladang atau lombong di Hulu Kelantan kerana mudah untuk buruh-buruh keluar dan masuk ke kawasan ini. Satu daya tarikan kepada buruh-buruh kerana dapat berulang alik ke bandar-bandar di Kelantan.

Oleh kerana mereka sangat mementingkan kemajuan ekonomi dan inginkan keuntungan yang banyak pemodal-pemodal asing ini tidak menyedari bahawa Jerman sedang mengancam kedudukan Inggeris di utara Tanah Melayu khususnya di selatan Siam. Itulah sebabnya pihak keretapi NMB lebih mementingkan pembinaan jalan keretapi antara Pasir Mas — Rantau Panjang ini kerana bertujuan untuk dapat menyekat kemaraan Jerman.

Di dalam usaha membina jalan-jalan keretapi ini, pihak kerajaan telah mendapat tentangan dari penduduk-penduduk kampung. Ini menyebabkan pembinaan jalan keretapi antara Tumpat dengan Pasir Mas tergendala buat beberapa ketika. Perasaan tidak puas hati masyarakat tempatan ini adalah berhubung rapat dengan soal pembayaran harga tanah yang mana ianya tidak setimpal dengan harga tanah yang sebenarnya. Perkara ini telah ditimbulkan oleh satu keluarga di Palekbang, mereka mengatakan bukan sahaja tanah mereka diambil dan dijanjikan akan di bayar kemudiannya tetapi setelah sekian lama tidak juga di jelaskan bayaran tersebut<sup>53</sup>.

Protes yang ditunjukkan oleh beberapa orang kampung yang terlibat ini ialah dengan mencabut paku-paku atau pasak-pasak rel keretapi yang sudah siap di pasang dan merosakkan jalan-jalan yang sudah dibina. Ini berlaku di sekitar Tumpat dan Kampung Laut<sup>54</sup>. Akibat dari tindakan penduduk-penduduk kampung ini penasihat Inggeris, J.E. Bishop, telah mengambil langkah-langkah keselamatan dengan mengadakan rondaan polis pada setiap hari antara Tumpat dengan Kota Bharu dan Kota Bharu dengan Pasir Mas<sup>55</sup>.

## Kesimpulan

Dapat dilihat bahawa kerjasama antara penasihat Inggeris dengan pemodal-pemodal asing adalah sangat rapat sekali. Kepentingan pemodal asing ini lebih diutamakan dari kebajikan rakyat tempatan sendiri. Rakyat tempatan sanggup dikorbankan untuk menjaga kepentingan orang-orang Eropah di Kelantan. Ini lebih ketara bila penyiapan jalan raya antara Kota Bharu — Pasir Puteh disegerakan selepas berlaku pemberontakan Tuk Janggut. Tujuan Inggeris adalah untuk memudahkan mereka menghantar tentera dan alat-alat senjata ke sana jika berlaku lagi pemberontakan di masa akan datang. Bagi menjamin

53. BAK 837/1917, Dhasah dan isterinya Mesah kepada Carter, 28 September 1913.

54. BAK 63/1912, Ketua Juru Ukur Kota Bharu kepada Bishop, 20 Januari 1912.

55. Lihat BAK 509/1912. Sinclair kepada Bishop, 17 September 1912 dan Minit oleh Bishop, 16.10.1912.

kedudukannya supaya tidak terancam samada di Kelantan, lebih-lebih lagi di Tanah Melayu, penjajah Inggeris juga telah mengambil langkah-langkah membina jalan keretapi antara Pasir Mas ke Rantau Panjang bagi menyekat pengaruh Jerman. Jadi dapat kita lihat bahawa, Inggeris berjaya menjaga kepentingannya dan orang-orang Eropah serentak.

### Bibliografi

1. Annual Report Kelantan 1903–1904.
2. Annual Report Kelantan 1905–1909.
3. Annual Report Kelantan 1909.
4. Annual Report Kelantan 1911.
5. Annual Report Kelantan 1914.
6. Annual Report Kelantan 1919.
7. Annual Report Kelantan 1920.
8. BAK 18/1911 dan 361/1911.
9. BAK 25/1912, 63/1912, 94/1912, 122/1912, 509/1912 dan 657/1912.
10. BAK 98/1913 dan 124/1913.
11. BAK 392/1914 dan 1162/1914.
12. BAK 201/1916, 282/1916, 323/1916 dan 648/1916.
13. BAK 837/1917 dan 950/1917.
14. BAK 111/1918.
15. BAK 355/1920.
16. Clifford, H.: "*A Journey Through the Malay States of Terengganu and Kelantan*". The Geographical Journal, 9 (1), 1897.
17. ——— : Colonial Office (C.O.) 273/399.
18. ——— : C.O. 272/426.
19. ——— : C.O. 273/459.
20. Graham, W.A.: "*Kelantan – A State of the Malay Peninsula: A Handbook of Information*", J. Maclehorse, Glasgow, 1908.
21. Mohd Kamaruzaman: "*Peranan Inggeris dan Kemajuan Kemasyarakatan di Kelantan (1910–1920)*" dalam Jurnal Sejarah Kelantan, Bil: 4, 1987/1988.
22. ——— : "*Peranan Pejabat Penasihat Inggeris di Kelantan (1910–1920)*", Latihan Ilmiah yang di kemukakan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada tahun 1981.
23. Robert, L.R.: "*The Duff Syndicate in Kelantan: 1900–1902*" dalam JMBRAS vol. 45, pt. 1, 1971.
24. Shaharil Talib and Amarjit Kaur: "*Hulu Kelantan 1900–1940, The Extractive Economy and the Peasantry*" dalam Mohd Amin Hassan dan Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman, "*The Eighth Conference International Association of Historians of Asia: Selected Papers*". History Department, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988.
25. Siti Hindun Ahmad: "*Sejarah Ekonomi Kelantan 1909–1945*". Satu Kajian Awalan Latihan B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1979.
26. Zaharah Haji Mahmud: "*The Period and Nature of Traditional Settlement in the Malayan Peninsula*" dalam JMBRAS, vol. 43, pt. 2, 1970.

## Seni Ukir Perak Kelantan

MUSTAFA B. IBRAHIM

**F**ALSAFAH seni ukir orang-orang Melayu ialah "Tumbuh hendaklah berpunca, punca itu rahsia, tajam tidak menerjah lawan, lilit tidak memeluk lawan tetapi berlegar mesra". Rahsia itulah yang membawa seni ukir orang-orang Melayu dikagumi dan di nilai tinggi oleh setiap orang yang melihatnya. Seni itu menggambarkan kehalusan jiwa orang-orang yang membuatnya.

Bagi orang-orang Melayu Kelantan amat kaya dengan seni ukir seperti ukiran kayu, emas, perak dan tembaga. Apa yang kita panggil sebahagian dari seni tampak, budi dan seni kehalusan jiwa orang-orang Melayu Kelantan telah diterapkan kepada jenis-jenis ukiran oleh tukang-tukang ukir membentuk ukirannya. Bak kata orang, jiwa seni yang haluslah yang boleh melahirkan kesenian.

Salah satu seni ukir yang termashur di Kelantan ialah seni ukir perak. Perak ialah sejenis galian yang telah mendapat perhatian tukang-tukang ukiran. Mereka membentuk berbagai-bagai jenis peralatan barang-barang mewah seperti bekas dian, talang, dan peralatan jenis perhiasan kaum wanita.

Seni ukir perak di negeri Kelantan, bermula dari tukang-tukang seni ukir emas yang diwarisi dari turun menurun lagi. Ini berlaku apabila harga emas telah meningkat dan tumpuan masyarakat berpaling kepada barang-barang perak.

Di Kota Bharu Kelantan orang yang mengembangkan seni ukir perak ialah Tukang Che Mat pada awal tahun 1940-an dan dibawa oleh Encik Alias bin Talib ke Kampung Mo'rak dan oleh Encik Sulaiman bin Awang ke Kampung Kepulau dalam Daerah Tumpat pada awal tahun 1950-an. Dengan itu Kampung Mo'rak dan Kampung Kepulau sekarang ini termashur dengan seni ukir barang-barang perak.

Barang-barang ukiran perak dapat dibahagikan kepada dua jenis. Jenis pertama ialah barang-barang kasar antara lain seperti: bekas dian, talang, senduk dan gerpu, cerek air, bekas bunga, keris, piala dan pingat-pingat kebesaran.

Jenis kedua ialah barang-barang halus antara lain seperti: butang baju, penyempit tai, rantai leher, gelang tangan, cincin dan berbagai-bagai jenis per-



*Gambar Peralatan Pertukangan Perak.*

hiasan kaum wanita yang menggantikan barang-barang daripada emas.

Berikut ini ialah catatan ringkas mengenai bahan-bahan, peralatan kerja, jenis-jenis dan peringkat pemerosesan ukiran perak.


#### **Bahan-bahan seni ukir perak**

- a. Perak tulin
- b. Tembaga kuning
- c. Tembaga merah
- d. Tanduk kerbau untuk membuat hulu atau tapak.

#### **Peralatan Kerja**

- a. Pahat ukiran yang dibuat dari besi waja seperti pahat dada lipas, pahat jari cicak, pahat bunga tanjung, pahat pitar, pahat ritik, pahat betul, pahat pasir dan pahat mata, untuk memahat bentuk ukiran.
- b. Kun yang diperbuat dari tanah liat sebagai bekas untuk menghancurkan perak.
- c. Acuan besi untuk membentuk perak selepas dihancurkan.
- d. Semawar untuk menghancurkan perak.
- e. Phing untuk menarik dawai perak menjadi halus sebagaimana dikehendaki.
- f. Mesin penipis untuk menipiskan logam perak mengikut saiz yang dikehendaki.
- g. Pijar dan sedawa untuk dimasukkan kedalam semasa dibakar untuk menghancurkannya supaya bahan perak tidak merencit keluar semasa dihancurkan dan membersihkan perak dari kekotoran lain.

- h. Pandan yang diperbuat daripada bata atap, damar, lilin, dan minyak kelapa untuk melekatkan kepingan perak semasa diukir.
- i. Selat untuk melekatkan tanduk dengan perak bagi jenis barang yang memakai hulu atau tapak.
- j. Air Tawas untuk merebus kepingan perak yang telah siap diukir supaya hilang kekotoran bahan-bahan lain.
- k. Air Sitok untuk merendam kepingan perak yang telah direbus supaya lebih bersih.
- l. Besi Pengilat daripada besi waja untuk mengilat supaya kepingan yang telah direndam dalam air tadi menimbulkan cahaya kilauan.
- m. Brasso sebagai pengilat penghabisan.
- n. Sarang Komo yang diperbuat daripada kayu untuk membentuk kepingan perak mengikut bentuk yang dikehendaki dengan pengetuk daripada kayu juga yang dinamakan alu koma.
- o. Kertas pasir kasar dan kertas pasir halus untuk melicinkan permukaan logam perak sebelum dipahat ukiran bunga dan juga untuk melicinkan hulu tanduk sebelum dikilat.
- p. Kikir kasar dan kikir halus untuk membentuk kepingan logam dan tanduk.
- q. Alang gergaji dan mata gergaji halus bagi tujuan membuang bahagian-bahagian yang ditebuk mengikut bentuk ukiran.
- r. Lain-lain peralatan kerja seperti gergaji besar, kikir kasar, kikir halus, tukul besar, tukul kecil, ragong, coning, besi handasan vice perlu juga digunakan dalam seni ukiran perak.



*Gambar Alat atau Mesin Penipis.*



### Jenis-jenis nama ukiran

Dalam kerja mengukir barang-barang perak ada berbagai-bagai jenis nama ukiran mengikut kesukaan para pengguna, antara lain ialah.—

- a. Jenis ukiran daun jawa.
- b. Jenis ukiran kepala okar.
- c. Jenis ukiran bunga raya.
- d. Jenis ukiran tapak leman.
- e. Jenis ukiran daun naga.

### Peringkat memperoses ukiran perak


Ketulan perak ditimbang mengikut sukatan yang diperlukan dan bagi setengah-setengah jenis barang kasar seperti senduk di campur tembaga kuning, tetapi pada kebanyakannya terdiri dari 100% perak tulin.

Ketulan perak tadi di letakkan kedalam bekas yang di sebut Kong untuk dihancurkan. Setelah benar-benar hancur, perak tadi akan di tuang kedalam acuan. Setelah sejuk ia akan dinipiskan dengan menggunakan tukul dan mesin penipis dan dibentuk mengikut jenis barang yang hendak dibuat dengan menggunakan sarang komo dan dibuang bahagian yang tidak dikehendaki.

Kepingan perak yang telah dibentuk tadi dibersih dengan menggunakan kertas pasir dan pisau pengokok dan dilukis ukiran dibahagian yang perlu dan dipahat mengikut dan dilukis ukiran dibahagian yang perlu dan dipahat mengikut yang dikehendaki. Selepas itu direbus dengan air tawas dan direndam



*Gambar Alat Timbang Perak dan phing (alat untuk menperghaluskan tali dawai).*



*Gambar Mugah atau alat/mesin untuk memperhaluskan tali dawai.*

dalam air sitok. Kemudian, kalau barang yang mempunyai hulu atau tapak, tanduk dimasukkan sebagai hulu atau tapak dengan menggunakan selet. Setelah siap bahagian hulu atau tapak, kerja-kerja mengilat dibahagian logam perak dan bahagian tanduk. Dengan selesainya kerja-kerja mengilat maka berakhir lah cara memproses kepingan logam perak sebelum dipasarkan.



*Gambar Handasan, Vice (Pengepit) dan Tanduk Kerbau.*

Menyentuh tentang pendapatan tukang-tukang seni ukir perak ini bergantung kepada kemahiran yang ada pada setiap tukang perak. Ada yang benar-benar mahir mendapat upahan sehingga \$40.00 sehari, tetapi yang biasa antara \$10.00 hingga \$20.00 sehari.

Untuk menjamin perusahaan seni ukir perak dapat berkembang dan pasaran yang setabil kerajaan telah menubuhkan Koperasi Industri Kampung dalam seni ukiran perak bertempat di Kampung Mo'arak, Tumpat, Kelantan.

# Manuskrip Melayu di Kelantan

DATO' NIK MOHAMED BIN NIK MOHD SALLEH

## Pendahuluan

MUNSYI Abdullah yang melawat negeri Kelantan pada bulan Mac 1839 Masihi<sup>1</sup> menyebut bahawa semasa berada di Kampung Penambang, Kota Bahru, Kelantan, beliau telah ditunjukkan oleh seorang yang bernama Cek Ha' (جى مع)<sup>2</sup> satu bungkusan yang penuh berisi dengan 'Surat-surat Melayu'. Apa yang disebut 'Surat-surat Melayu' itu ialah manuskrip-manuskrip Melayu mengenai surat-surat darihal agama Islam, doa sembahyang dan juga hikayat-hikayat. Munsyi Abdullah selanjutnya menyebut bahawa diantara isi atau kandungan bungkusan yang dibawa kepadanya oleh Cek Ha' itu beliau mendapati dua buah hikayat Melayu yang bertajuk *Hikayat Asma Dewa Pekerma Raja* (dua bab atau dua jilid) yang 'sangat indah-indah perkataannya mengenai cerita dewa-dewa dan mambang indera dan jin terlalu molek karangannya', dan *Hikayat Khoja Maimun*.

Kedua-dua hikayat itu telah dipinjamkan oleh Cek Ha' kepada Munsyi Abdullah pada bulan Mac 1839 Masihi yang dibawa bersamanya ke Singapura untuk disalin<sup>3</sup>. Tiada diketahui samada kedua hikayat atau manuskrip itu kemudian dipulangkan oleh Munsyi Abdullah kepada Cek Ha'.

Sepanjang pengetahuan penulis *Hikayat Asma Dewa Pekerma Raja* (dua jilid) terdapat hanya di negeri Kelantan. Mengenai *Hikayat Khoja Maimun* pula ia dikenali juga dengan nama-nama atau judul-judul lain seperti *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Khoja Mubarak*, *Hikayat Unggas Bayan* dan *Cerita Khoja Mubarak*<sup>4</sup>. Hikayat-hikayat tersebut ada tersimpan di Perpustakaan Univer-

1 A.H. Edrus, 'Pengajian Kesah Pelayaran Abdullah Munshi', Qalam, Singapura, April 1960, hlm. 111.

2 Cek Ha' (جى مع) ialah salah seorang 'budak raja' (atau 'orang raja') Tuan Senik Penambang yang bergelar Raja Bendahara pada masa itu. Nama Cek Ha' ialah sebutan ringkas mengikut Loghat Melayu Kelantan bagi seseorang yang bernama samada Ishak, Saad, Asaad, atau Abdul Wahab.

3 A.E. Idrus, hlm. 111.

4 Joseph H. Howard, "Malay Manuscripts", University of Malaya Library, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 20.

siti Malaya dan juga diluar negeri seperti: di Bodleian Library Oxford University; India Office Library, London; University of Leyden Library, Netherlands; Library of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland, London; dan Perpustakaan Lembaga Kebudayaan Indonesia, Jakarta.

Didalam 'Pengenalan' kepada buku sejarah Kelantan yang berjudul "*Ringkasan Cetera Kelantan*"<sup>5</sup> yang diterbitkan oleh beliau pada tahun 1934, Haji Nik Mahmud bin Ismail (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) Menteri Besar Kelantan membuat catatan seperti berikut:

"*Ringkasan Cetera Kelantan* ini disalin daripada tulisan peringatan Pak Wan Mahmud Menteri Besar yang ditulis didalam tahun 1197 Hijrah<sup>6</sup> iaitu diambil daripada perkataan Pak Bedolah (Abdullah) taulan kepada Mandul Mis, dukunya di Kampung Kubang Garung ialah daripada pemerintah yang diatas hingga kepada pemerintah Sultan Muhamad (Sultan Mandul) dan kemungkinan daripadanya hingga kepada Sultan Mansur direngkaskan daripada karangan Nik Yusof (Nik Seri Paduka) bin Nik Jid dan lain-lain.

Kami telah bandingkan beberapa naskah dengan cermatnya, tetapi kami tidak dapat jalan yang lebih bersih daripada yang kami aturkan didalam beberapa keping kertas ini"<sup>7</sup>.

Kesimpulan daripada catatan Haji Nik Mahmud itu ialah dizaman silam iaitu kira-kira 50 tahun yang lalu dinegeri Kelantan terdapat banyak buku-buku atau kitab-kitab tulisan tangan atau manuskrip Melayu. Umpamanya, tulisan peringatan Pak Wan Mahmud (Menteri Besar Kelantan dizaman pemerintahan Sultan Muhamad I: 1800-1837 Masihi) telah ditulis oleh beliau pada kira-kira tahun 1780 Masihi (= 1197 Hijrah). Manuskrip Pak Wan Mahmud itu memperkatakan sejarah negeri Kelantan hingga kezaman pemerintahan Sultan Muhamad I (Sultan Mandul) yang meliputi tahun-tahun 1800-1837 Masihi. Kemudian tersebut pula manuskrip karangan Nik Yusof (Nik Seri Paduka) bin Nik Jid dan lain-lain lagi manuskrip yang memperkatakan sejarah negeri Kelantan dari zaman pemerintahan Long Jenal (Yang Dipertuan Kelantan) yang bermula pada tahun 1837 Masihi hingga kepada zaman pemerintahan Sultan Mansur (1891-1900 Masihi).

Tidak dapat dipastikan jumlah manuskrip Melayu yang pernah ada dinegeri Kelantan dizaman lampau. Mungkin jumlahnya banyak juga memandangkan jumlah manuskrip Melayu dari Kelantan yang telah ditemui dan dikumpulkan oleh Muzium Negara, Arkib Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara dan Pusat Islam sejak dari tahun 1957 Masihi. Manuskrip-manuskrip yang telah ditemui dinegeri Kelantan itu bolehlah dianggap saki-baki manuskrip Melayu yang terdapat dinegeri itu kerana mungkin banyak juga jumlahnya yang telah musnah atau pun yang telah diambil oleh pegawai-pegawai Inggeris dari semasa kesemasa sejak dari permulaan abad ini sehingga kepada tahun 1957 Masihi.

Menjelang abad ke-20 Masihi khususnya sejak dari tahun 1909 Masihi apabila negeri Kelantan mula terletak dibawah naungan Britain, maka ramailah

5 "*Ringkasan Cetera Kelantan*" (RCK) oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail (Dato Perdana Menteri Paduka Raja), Kota Bharu, 1934.

6 1197 Hijrah = kira-kira 1780 Masihi.

7 RCK, hlm. 3.

pegawai-pegawai Inggeris, khususnya pegawai-pegawai pentadbir, datang melawat Kelantan atau pun ditempatkan dinegeri itu. Ramai diantara mereka yang meminati sejarah dan budaya Melayu Kelantan. Semasa dinegeri Kelantan mereka menyelidik dan mengumpul manuskrip-manuskrip Melayu yang dijumpai mereka dan ada pula yang menulis rencana-rencana tertentu mengenai aspek-aspek sejarah dan budaya Melayu Kelantan yang kemudian disiarkan didalam majalah-majalah tempatan dan di luar negeri dan ada pula yang menerbitkan buku.

Di antara pegawai-pegawai Inggeris tersebut yang patut disebut disini ialah Sir Frank Swettenham<sup>8</sup>, Sir Hugh Clifford<sup>9</sup>, William Walter Skeat<sup>10</sup>, Dr. J.D. Gimlette<sup>11</sup>, C.C. Brown<sup>12</sup>, Sir Richard O. Winstedt<sup>13</sup>, Dr. W. Lineham<sup>14</sup>, Anker Rentse<sup>15</sup>, A.H. Hill<sup>16</sup> dan E.M.F. Payne<sup>17</sup>.

Sir Frank Swettenham yang pernah menjadi British Resident dinegeri Perak pada tahun 1889 Masihi dan gabenor Negeri-negeri Selat pada tahun 1896-1903 Masihi amat berminat dengan pergolakan dan nasib negeri-negeri Melayu di utara Semenanjung Tanah Melayu iaitu Kelantan, Patani, Setul, Terengganu dan Kedah. Beliau telah beberapa kali melawat Kelantan di antara tahun 1900-1903 Masihi dan telah menulis sejumlah laporan, rencana dan buku mengenai negeri-negeri yang tersebut. Diantara karyanya yang terkenal ialah sebuah laporan yang berjudul: "Some account of the independent native states of the Malay Peninsula especially of the circumstances which led to the more intimate relations recently adopted towards some of them by the British government",<sup>18</sup> dan buku yang berjudul "British Malaya",<sup>19</sup>.

Sir Hugh Clifford merupakan seorang lagi pegawai Inggeris di Tanah Melayu yang amat berminat dengan pergolakan dan nasib negeri-negeri Melayu di utara Semenanjung Tanah Melayu. Beliau pernah berkhidmat sebagai British Resident di negeri Pahang pada tahun 1896-1899 Masihi. Beliau telah beberapa kali melawat negeri Kelantan. Pada tahun 1894 Masihi beliau mengetuai satu pasukan ekspedisi keselamatan dari Pahang masuk ke negeri Kelantan dan Terengganu untuk memburu dan menangkap pemberontak-pemberontak Pahang. Berikutan

- 8 Sir Frank Swettenham pernah menjadi Resident-General Federated Malay States (1896-1900) dan Gabenor (1900-1904).
- 9 Sir Hugh Clifford pernah menjadi British Resident Pahang (1887-1895).
- 10 William Walter Skeat pernah bertugas di negeri Selangor sebagai Penolong Pegawai Daerah Kelang dan Kuala Langat (1891-1897) dan Mejistret Daerah, Larut, Perak (1898).
- 11 Dr. J.D. Gimlette pernah bertugas di negeri Kelantan sebagai Resident Surgeon (1909-1912) dan Pegawai Perubatan Negeri Kelantan (1912-1915).
- 12 C.C. Brown pernah berkhidmat sebagai mejistret di mahkamah di Kota Bharu pada tahun 1924.
- 13 Sir Richard Olof Winstedt pernah menjadi British General Adviser di negeri Johor pada tahun 1932.
- 14 Dr. W. Lineham pernah menjadi British Resident di negeri Pahang sebelum tahun 1941.
- 15 Anker Rentse ialah seorang pegawai Inggeris berbangsa Denmark dan pernah berkhidmat sebagai Pegawai Kemajuan di negeri Kelantan dari tahun 1930 hingga tahun 1941 dan dari tahun 1945 hingga tahun 1948.
- 16 A.H. Hill ialah Pegawai Pelajaran Kelantan pada awal tahun lima puluhan.
- 17 E.M.F. Payne pernah menjadi Ketua Pesuruhjaya Pengakap Tanah Melayu pada tahun 1953.
- 18 Lihat JSBRAS, 6, Dis. 1880, hlm. 161-202.
- 19 "British Malaya" oleh Sir Frank Swettenham, George Allen and Unwin Ltd, London, 1906.

dengan ekspedisi itu, Sir Hugh Clifford telah menulis sebuah laporan yang terkenal berjudul "Expedition to Trengganu and Kelantan - 1895"<sup>20</sup>. Laporan itu adalah sebuah laporan politik tetapi dicatatkan juga laporan mengenai keadaan sosial dan ekonomi dinegeri-negeri Trengganu dan Kelantan diakhir abad ke-19 Masihi. Perhatian yang telah dibuat oleh beliau mengenai sistem politik tradisional di Trengganu dan Kelantan dizaman itu bolehlah dianggap maklumat penting dan amat berguna kepada peminat-peminat sejarah negeri-negeri itu. Dari laporan itu kita dapat mengetahui sedikit sebanyak mengenai pergolakan politik (Istana) yang telah berlaku di Kota Bharu dari tahun 1830<sup>21</sup> hingga tahun 1895 Masihi yang melibatkan empat orang Sultan iaitu: Sultan Mulut Merah (Sultan Muhamad II: 1839-1886 Masihi); Sultan Ahmad (1886-1889 Masihi); Sultan Muhamad III (1889-1890 Masihi) dan Sultan Mansur (1891-1900 Masihi). Sayang sekali catatan Hugh Clifford mengenai pergolakan politik di Kelantan itu amat ringkas. Minat dan pengetahuan Sir Hugh Clifford mengenai negeri-negeri Melayu di pantai Timur Semenanjung begitu mendalam dibuktikan oleh karya-karya beliau yang lain-lain lagi yang pernah disiarkan iaitu: "A Dictionary of the Malay Language: Malay-English" (di usahakan bersama dengan Sir Frank Swettenham) di cetak oleh Government Printing Press Taiping, antara tahun 1894-1902 Masihi; "A Journey through the Malay States of Trengganu and Kelantan" dalam the Geographical Journal, Jld 9, 1897 Masihi; "British and Siamese Malaya", satu kertas yang dikemukakan kepada Royal Colonial Institute, London. Jld 34, 1902-1903 Masihi; "East Coast Etchings"; 1896 Masihi; "In Court and Kampung", 1897 Masihi; "Siames Malaya - Kelantan and Trengganu" dalam "The Morning Post", London, 15 Nov. 1902 Masihi; dan "The New British-Protected Malay States: Kelantan, Trengganu and Kedah" dalam "The Geographical Journal, jld. 33, 1909 Masihi.

William Walter Skeat telah melawat Kelantan pada tahun 1899 Masihi mengepalai sebuah misi yang mengandungi enam orang cendekiawan dari Universiti Cambridge dan Universiti Oxford, England. Ekspedisi itu dikenali sebagai "The Cambridge University Expedition to parts of the Malay Peninsula"<sup>22</sup>. Negeri-negeri yang telah dilawati oleh ekspedisi itu ialah Patalung (Phattalung), Singgora (Songkhla), Patani (Pattani), Besirat, Jambu (Jering), Teluban (Saiburi), Jalor (Yala), Reman (Rhaman), Kelantan, Trengganu, Setul (Satun), Kedah dan Perlis. William Walter Skeat sangat berminat dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu sihir dan jampi orang Asli. Dalam lawatan ke negeri-negeri Melayu tersebut, khususnya Patani dan Kelantan, William Walter Skeat dipercayai telah banyak mengumpul bahan-bahan ber-

20 Lihat "Expedition to Trengganu and Kelantan" report by Hugh Clifford dalam JMBRAS, jld. 34, Bhg. 1, Mei 1961.

21 Catatan Hugh Clifford bahawa Sultan Mulut Merah menjadi Sultan Kelantan pada tahun 1830 tidak betul. Sebenarnya pada tahun 1839 Masihi.

22 Lihat, "The Cambridge University Expedition to parts of the Malay Peninsula 1899-1900" personal accounts by the late W.W. Skeat and Dr. F.F. Laidlaw, dalam Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS) Jld. 26, Bhg. 4, No. 164, Disember, 1953. Enam orang yang menganggotai ekspedisi itu ialah: William Walter Skeat, Thomas Nelson Annandale, Richard Evans, D.T. Gwynne-Vaughan, Frank E. Laidlaw dan Robert Henry Yapp.

kenaan dengan perkara-perkara yang disebutkan itu. Semasa berada di Kelantan William Walter Skeat, Frank F. Laidlaw, Richard Evans dan Robert Henry Yapp selalu menonton atau melihat Main Putri di Kampung Batu Melintang<sup>23</sup> dan juga di Kota Bharu<sup>24</sup>. Mereka juga menyaksikan orang-orang menenun kain dan membuat tikar dan dinding pelupoh (dinding buloh) di Kota Bharu<sup>25</sup>. Semasa di Kota Bharu mereka telah juga sempat menyaksikan perlagaan lembu atas jemputan Raja Muda (Tuan Senik bin Tuan Kundor) dan Tengku Petra (Tuan Abdul Ghafar atau Tengku Abdul Ghafar bin Sultan Muhamad II)<sup>26</sup>, permainan Makyong (atas jemputan Raja Muda)<sup>27</sup>. Berikutan dengan ekspedisi itu William Walter Skeat telah menulis sekurang-kurangnya sebuah rencana berjudul: "Some records of Malay magic by an eye-witness" (dalam JSBRAS, No 31, Jul 1898); dan dua buah buku berjudul: "Malay Magic" (London, 1900)<sup>28</sup> dan "Pagan Races of the Malay Peninsula" bersama dengan Dr. C.O. Blagden (London, 1906)<sup>29</sup>. Frank F. Laidlaw pula telah menulis sebuah rencana mengenai Main Putri pada tahun 1923. Thomas Nelson Annandale juga telah turut menyumbangkan karyanya dengan menulis lima rencana yang berikut: "The Siamese Malay State" (dalam Scottish Geographical Magazine, No. 16, 1900, hlm 505-523); "Human souls and ghosts among the Malays of Patani" (dalam Rep. Brit. Ass., 1902, hlm 753); "On the Wild and Civilised Races of the Malay Peninsula" (Tom. cit, hlm 776. Ditulis bersama dengan H.C. Robinson); "Notes on the Popular Religion of the Patani Malays" (dalam Man, No 3, 1903, hlm 27-28); "The Peoples of the Malay Peninsula" (dalam Scottish Geographical Magazine, No. 20, 1904, hlm 337-348); dan "The Theory of Souls among the Malays of the Malay Peninsula" (dalam Journal, Asiatic Society, Bengal, No. 5, 1909, hlm 59-66).

Dr. John Desmond Gimlette yang pernah berkhidmat di negeri Kelantan sebagai Residency Surgeon dan Pegawai Perubatan Negeri Kelantan dari tahun 1909 hingga tahun 1917 telah menulis tiga rencana dan sebuah buku iaitu: "Some superstitious beliefs occurring in theory and practice of Malay Medicine" (JSBRAS, No. 65, Dis 1913, hlm 29-35); "A curious Kelantan charm" (JSBRAS, No. 82, Sept. 1920, hlm 116-118); "Malay poisons and charm cures" (JMBRAS, jld I, Bhg. 1, April 1923, hlm 264-265); dan "A Dictionary of Malayan Medicine" (1939).

Diantara mereka yang mula-mula sekali memberi perhatian dan meminati loghat atau dialek Kelantan ialah seorang bangsa Inggeris bernama Charles Cuthbert Brown atau C.C. Brown<sup>30</sup>. Beliau pernah berkhidmat di Kota Bharu,

23 JMBRAS, Jld. 26, Bhg. 4, Disember 1953, hlm. 95.

24 *Ibid.*, hlm. 115.

25 *Ibid.*, hlm. 116.

26 *Ibid.*, hlm. 117.

27 *Ibid.*, hlm. 118.

28 "Malay Magic: an introduction to the folklore and popular religion of the Malay Peninsula", London, 1900.

29. "The Pagan Races of the Malay Peninsula" oleh W.W. Skeat dan Dr. C.O. Bladen, 2 jilid, MacMillan, London and New York, 1906.

30 Terdahulu dari ini ada dua orang lagi pegawai Inggeris yang pernah menulis rencana tentang dialek Melayu Kelantan iaitu: A.J. Sturrock, "Some notes on the Kelantan dialect and more comparisons with the dialects of Perak and Central Pahang" (dalam JSBRAS, No. 62, Disember 1912, hlm. 1-7) dan W.E. Pypys, "A Kelantan Glossary" (dalam JABRAS, No. 74, Disember 1916, hlm. 303-321).



Kelantan sebagai majistret di antara tahun 1922 hingga tahun 1925. Pada tahun 1924 beliau mengiringi rombongan Sultan Ismail melawat Pulau Jawa. Selain dari itu beliau juga meminati budaya Melayu Kelantan. Oleh kerana minatnya itu C.C. Brown telah sempat menyumbang dua karya iaitu sebuah buku mengenai dialek Melayu Kelantan berjudul "Kelantan Malay" (Government Printing Office, Singapore, 1927) dan sebuah rencana berjudul "Kelantan bull-fighting" (dalam JMBRAS, jld. 6, Bhg. 1, Mac, 1928m hlm. 74-83).

Sir Richard Olof Winstedt, satu-satunya pegawai Inggeris yang paling banyak mengkaji dan menulis tentang sejarah, bahasa dan budaya Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, telah juga menulis beberapa buah rencana berkaitan dengan Kelantan seperti berikut: "Papers on Malay Subjects: Malay industries, Pt. 1, Arts and Crafts (Kuala Lumpur, FMS Govt. Press, 1925); "Shaman, Saiva and Sufi: a study of the evolution of Malay Magic" (London, Constable, 1925); "Miscellaneous notes: a Kelantan invocation to the earth spirit" (JMBRAS, jld 3, Bhg. 1, April, 1925, hlm 83); "The great flood 1926: Kelantan" (JMBRAS, jld 5, Bhg. 2, Nov. 1927, hlm 306-308); "A history of Malaya: Penang is relations with Perak, Kelantan and Trengganu", (JMBRAS, jld 13, Bhg 1, Okt. 1934, hlm 197-200); "A history of classical Malay literature" (JMBRAS, jld 17, Bhg. 1939); "A panji tale from Kelantan" (JMBRAS, jld 22, Bhg 1, Mac 1949, hlm 53-60); dan "The Malay magician: being Shama, Saiva and Sufi" (London, Routledge and K. Paul, 1951). Didalam rencananya "A history of classical Malay literature" Sir R.O. Winstedt, dalam Bab 10 mengenai "Malay Histories" menyebut nama sebuah manuskrip Melayu Kelantan berjudul "*Salsilah Kerajaan Negeri Kelantan*" iaitu mengenai sejarah Kelantan. Dikatakannya lagi bahawa salsilah itu tidak lengkap moden (imperfect copy: modern). Besar kemungkinan manuskrip itu ada pada Sir R.O. Winstedt. Sayangnya sekali beliau tidak menyebut dengan lebih lanjut mengenai umpamanya nama penulisnya, tarikh ditulis dan tempoh yang dilitupi oleh salsilah tersebut (lihat "A history of classical Malay literature" oleh Sir R.O. Winstedt, JMBRAS, jld. 31, Bhg. 3, Jun 1958, hlm 257).

Seorang lagi pegawai Inggeris yang dikatakan pernah mengumpul beberapa manuskrip Melayu di Kelantan dizaman sebelum tahun 1941 ialah W. Lineham. Beliau pernah menjadi British Resident di negeri Pahang. Dikatakan bahawa W. Lineham pernah menyusun sebuah buku sejarah mengenai negeri Kelantan dan dalam hubungan ini beliau kerap melawat Kota Bharu sebelum tahun 1941. Dalam usaha ini beliau dibantu oleh Anker Rentse dan juga Tengku Khalid bin Tengku Chik Abdullah yang antara lain menolong mencari dan mengumpul sumber-sumber tempatan. Sejumlah manuskrip mengenai sejarah Kelantan telah dapat dikumpulkan oleh W. Lineham. Tiada lama berselang tercetus perang di Timur Jauh apabila tentera Jepun menyerang dan berjaya menduduki tanah jajahan Inggeris, Belanda dan Amerika Syarikat. Tiada diketahui apa telah terjadi kepada buku sejarah Kelantan karangan W. Lineham itu<sup>31</sup>. Sepanjang yang diketahui oleh penulis W. Lineham pernah juga menulis sebuah rencana berjudul "Coins of Kelantan" (dalam JMBRAS, jld. 12, Bhg. 2,

31 Hal ini telah diceritakan kepada penulis oleh Tengku Khalid bin Tengku Chik Abdullah pada tahun 1963. Beliau meninggal dunia pada tahun 1965.



Ogos 1934, hlm. 63-69) dan sebuah laporan setebal 63 halaman berjudul "Relations between Thailand and the Southern States of the Malay Peninsula"<sup>32</sup> yang ditulis merupakan pada mulanya sebuah laporan rahsia (secret report) yang telah disediakan oleh beliau untuk Kerajaan Inggeris. Laporan itu mengandungi lima bab seperti berikut: bab I, mengkisahkan 'Permulaan Pengaruh Thai' (The Beginings of Thai Influence); bab II, mengenai 'Hubungan diantara Kedah, Siam dan British dalam abad-abad 18 dan 19 Masihi' (Relations between Kedah, Siam and the British in the 18th and 19th centuries); bab III, memperkatakan tentang 'Bunga Mas' (The Golden Flowers); bab IV, mengenai 'Rundingan-rundingan yang membawa kepada Tercapainya Perjanjian Penyerahan Negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu dalam tahun 1909 Masihi.' (Negotiations Leading to the Conclusion of the Treath of Cession of Kedah, Perlis, Kelantan and Trengganu in 1909); dan bab V memperkatakan tentang 'Jawapan-Jawapan kepada Kemungkinan adanya Tuntutan-Tuntutan dari Pihak Pemisah-Pemisah Thai' (Replies to Possible Claims of Thai Irredentists).

William Armstrong Graham yang menjadi Pesuruhjaya Siam di negeri Kelantan dari tahun 1903 hingga tahun 1909 Masihi juga telah menulis sebuah buku mengenai Kelantan berjudul: "Kelantan: a State of the Malay Peninsula; a handbook of information"<sup>33</sup> pada tahun 1908 Masihi.

Anker Rentse yang berkhidmat di negeri Kelantan dari tahun 1928 hingga tahun 1941 Masihi dan dari tahun 1945 hingga tahun 1948 Masihi sebagai Pegawai Kemajuan Negeri Kelantan merupakan satu-satunya pegawai Inggeris yang berkhidmat di negeri Kelantan yang sangat berminat dengan sejarah Kelantan. Selama berkhidmat di negeri Kelantan hampir 16 tahun beliau telah banyak membuat penyelidikan tentang sejarah Kelantan dan telah mengumpul sejumlah sumber-sumber tempatan. Dalam hal ini Anker Rentse telah dibantu oleh Haji Nik Mahmud bin Ismail (Dato Perdana Menteri Paduka Raja) yang menjadi Menteri Besar Kelantan dari tahun 1920 hingga tahun 1944 Masihi. Disamping itu beliau telah dibantu juga oleh Tengku Khalid bin Tengku Chik Abdullah. Anker Rentse adalah satu-satunya pegawai Inggeris yang paling banyak sekali menulis mengenai negeri Kelantan. Rencana-rencana tersebut adalah seperti berikut:<sup>34</sup>

- i) Kelantan names for bullocks according to their colour (1931)
- ii) Malay charms, Kelantan (1931)
- iii) Note on Kelantan Rejang (1931)
- iv) Two folktales of Kelantan (1931)
- v) Gantang of Kelantan (1933)
- vi) Notes on Malay beliefs (1933)
- vii) The points of the compass in Kelantan (1933)
- viii) History of Kelantan I (1934)

32 Telah dicetak dengan perintah oleh Government Printing Office, Singapore, 1941.

33 Dicitak oleh J. Maclehoze, Glasgow, Scotland, 1908.

34 Lihat JMBRAS, Jld. 9, Bhg. 1, 1931; Jld. 11, Bhg. 2, Disember 1933; Jld. 12, Bhd. 2, Ogos 1934; Jld. 14, Bhg. 3, Disember 1936; Jld. 17, Bhg. 1, Oktober 1939; dan Jld. 20, Bhg. 1, Jun 1947.

- ix) The Kelantan shadow-play (wayang kulit) (1936)
- x) Majapahit amulets in Kelantan (1936)
- xi) A note on Kelantan gold coins (1936)
- xii) Salsilah raja-raja Kelantan (1936)
- xiii) Gold coins of the north-eastern Malay States (1939)
- xiv) A historical note on the north-eastern Malay States (1947)
- xv) The origin of the wayang theatre (1947)
- xvi) Some further notes on coins from the north-eastern Malay States (1947)

A.H. Hill yang pernah bertugas sebagai Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Kelantan pada awal tahun 1950-an dikatakan berminat juga tentang negeri Kelantan dan masyarakatnya. Beliau telah menulis tiga rencana yang berkaitan dengan Kelantan iaitu: "Kelantan padi planting" (JMBRAS, jld. 24, Bhg. 1, Feb. 1951, hlm. 56-76); "Kelantan Silverwork" (JMBRAS, Jld. 24, Bhg. 1, Feb 1951, hlm. 99-108); dan "some Kelantan games and entertainments" (JMBRAS, jld. 25, Bhg. 1, Ogos, 1951, hlm 20-34). Sebuah manuskrip mengenai sejarah Kelantan dikatakan telah dipinjam oleh A.H. Hill daripada keluarga seorang bomoh di Kampung Peringat pada tahun 1950-an dan sejak itu hilanglah riwayat manuskrip itu<sup>35</sup>.

Mengikut satu sumber kira-kira pada tahun 1948 E.M.F. Payne, Pesuruhjaya Pengakap Tanah Melayu, semasa berada di Kota Bharu, telah meminjam sebuah manuskrip berjudul '*Hikayat Abdullah*' daripada Tengku Ahmad (Tengku Panglima Raja)<sup>36</sup>.

### Manuskrip Melayu di Kelantan

Boleh dikatakan kebanyakan daripada manuskrip yang terdapat di negeri Kelantan dimasa lampau di simpan dan dimiliki oleh kerabat-kerabat diraja dan juga keluarga-keluarga pembesar Kelantan yang tertentu di Kota Bharu.

Berikut ini akan disebut secara ringkas tentang beberapa manuskrip yang telah didapati atau pun dikesan di Kelantan. Manuskrip-manuskrip tersebut samada telah dibeli atau pun dihadiahkan oleh pemilik-pemilikinya kepada pihak Muzium Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara Malaysia dan Universiti Malaya.

*Kitab Tib*, atau *Kitab Ilmu Perubatan* yang mengandungi 491 muka atau halaman dan berukuran 32 x 23 sentimeter telah diperolehi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di Kelantan<sup>37</sup>. Manuskrip itu asal kepunyaan Raja Besar dan telah disalin oleh Muhamad Salleh bin Ahmad Panjang di Kelantan. Mengikut catatannya manuskrip itu telah selesai di salin pada tahun 1288 Hijrah atau bersamaan dengan tahun 1870 Masihi. Ia mengandungi 147 fasal. Pada tahun 1983 Dewan Bahasa dan Pustaka telah mencetaknya (tulisan rumi) dengan membuat ringkas-

35 Hal ini telah diceritakan oleh Haji Wan Mustapha (Tok Ayah Haji Wan Pa) seorang bomoh yang terkenal di Kampung Peringat, kepada penulis pada tahun 1964.

36 Hal ini telah diceritakan kepada penulis oleh Dato' Wan Ismail bin Wan Mohd Salleh bekas Pegawai Tinggi Negeri Kelantan, Hakim Persekutuan dan Pegawai Tinggi PETRONAS pada tahun 1989.

37 'Katalog Manuskrip Di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka', Kuala Lumpur, 1983, hlm. 50. Berikutnya digunakan rujukan KMPDBP, 1983.

an sahaja daripada teks asal dengan judul "*Warisan Perubatan Melayu*". Mengikut sejarah pada tahun 1870 Masihi raja yang memerintah Kelantan ialah Sultan Muhammad II atau Sultan Mulut Merah yang merajai negeri Kelantan dari tahun 1839 hingga tahun 1886 Masihi. Besar kemungkinan gelaran Raja Besar yang disebut dalam *Kitab Tib* itu ialah Sultan Muhammad II yang tersebut.

Manuskrip sejarah yang berjudul "*Shaer Musuh Kelantan*"<sup>38</sup> yang meriwayatkan peristiwa perang saudara di Kelantan diantara pihak Long Jenal bin Long Yunus yang menjadi raja pemerintah Kelantan pada tahun 1937 Masihi berikutan dengan Kemangkatan Sultan Muhammad I (Long Muhammad bin Long Yunus) dengan pihak Tuan Senik Mulut Merah bin Long Tan dan saudara-saudaranya pernah disimpan atau dimiliki oleh Tengku Abdul Rahman bin Tengku Abdul Rahim (bergelar Tengku Seriwa) dan bertarikh 1 Ogos 1942 Masihi. Tengku Abdul Rahman tersebut yang lebih dikenali sebagai Tengku Abdul Rahman Seriwa ialah putera kepada Tuan Tengah (isteri Tengku Abdul Rahim) iaitu puteri kepada Long Sulong (Sultan Ahmad). Manuskrip ini tebalnya ialah 102 halaman dan berukuran 13 x 20 sentimeter. Tengku Abdul Rahim pula ialah putera kepada Tengku Ahmad Zainal Abidin (bergelar Tengku Seri Wangsa Raja) bin Tengku Chik. Bonda Tengku Ahmad Zainal Abidin iaitu Tuan Bongsu ialah puteri kepada Sultan Ahmad.

Manuskrip '*Hikayat Naga Berseru*', tebalnya 320 halaman dan berukuran 21 x 29 sentimeter pernah dimiliki oleh Tengku Muhammad bin Tengku Abdul Rahim saudara kepada Tengku Abdul Rahman Seriwa. Kemudian manuskrip itu di warisi pula oleh puteranya yang bernama Tengku Abdullah yang telah menyerahkannya, melalui jasa Encik Asaad Shukri bin Haji Muda, kepada Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1959. Manuskrip itu dianggarkan berusia kira-kira 150 tahun.

Tengku Kalsom binti Sultan Ahmad<sup>39</sup> pernah menyimpan atau memiliki sejumlah manuskrip Melayu. Baginda meninggal dunia kira-kira pada akhir tahun 1970-an. Tiga manuskrip iaitu '*Shaer Seratus Siti*', '*Shaer Siti Zubaidah*' dan '*Hikayat Usul Majlis Perdana Halim*' telah diserahkan kepada Muzium Negara dan sekarang ada tersimpan di Perpustakaan Negara. '*Shaer Seratus Siti*' tebalnya 258 halaman dan berukuran 17 x 22 sentimeter; '*Shaer Siti Zubaidah*' tebalnya 282 halaman dan berukuran 17 x 22 sentimeter; dan '*Hikayat Usul Majlis Perdana Halim*' pula tebalnya tiada diketahui tetapi mengandungi empat jilid dan berukuran 21.4 x 33.2 sentimeter.

Setahu penulis Tengku Seri Alam bin Tengku Long Abdul Rahman Tengku Seri Kelana<sup>40</sup> Diraja pernah menyimpan beberapa buah manuskrip Melayu berbentuk hikayat. Salah satu daripadanya bernama '*Hikayat Koris Mengindera*' sebanyak sembilan jilid telah dibeli oleh Muzium Negara kira-kira 10 atau 15 tahun yang lalu dan sekarang tersimpan di Perpustakaan Negara.

Pada tahun 1933 Masihi Tengku Chik Abdullah bin Sultan Ahmad<sup>41</sup>

38 Salinan mikrofilem "*Shaer Musuh Kelantan*" dipercayai ada disimpan di Perpustakaan University Malaya.

39 Pernah tinggal di Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, dipersimpangan Jalan Tok Hakim.

40 Tengku Seri Alam pernah tinggal di Kampung Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu.

41 Tengku Chik Abdullah bergelar Tengku Bendahara pernah mempunyai Istana ditepi

(Tengku Bendahara) telah menyerahkan sebuah manuskrip yang berjudul '*Hikayat Cekel Weneng Pati*' (berukuran 20.5 x 28 sentimeter) kepada seorang pegawai Inggeris<sup>42</sup>.

Tengku Kalsom binti Tengku Mansor (dikenali juga sebagai Engku Kalsom binti Engku Mansor) bin Tengku Yusof Tengku Besar Indera Raja<sup>43</sup> pernah memiliki manuskrip berjudul '*Hikayat Agung Gempita*' tebalnya 421 halaman dan berukuran 15 x 26 sentimeter. Ia telah selesai disalin pada 30 Disember 1935. Naskah salinan ini kemudian telah dihadiahkan kepada Dr. Wee Khoo Hock,<sup>44</sup> seorang doktor gigi yang terkenal di Kota Bharu dan juga salah seorang pemimpin M.C.A. (Malayan Chinese Association) di negeri Kelantan. Pada pendapat penulis, '*Hikayat Agung Gempita*' kepunyaan Tengku Kalsom itu telah disalin daripada naskah asal yang di miliki oleh Tengku Ahmad bin Tengku Chik, Jalan Atas Banggol, Kota Bharu.

Diantara ahli-ahli kerabat diraja Kelantan yang menyimpan banyak manuskrip Melayu di zaman lampau sepanjang pengetahuan penulis ialah: Tengku Abdullah bin Tengku Zainal Abidin (atau Tengku Abdullah bin Raja Dewa), Kubang Kerian, Kota Bharu;<sup>45</sup> Tengku Ibrahim bin Tengku Muhamad (Tengku Seri Utama Raja), Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu;<sup>46</sup> dan Tengku Ahmad bin Tengku Chik Penambang, Jalan Atas Banggol, Kota Bharu.<sup>47</sup>

Tengku Abdullah bin Tengku Zainal Abidin dikatakan pernah memiliki atau pun menyimpan sebuah peti besar yang penuh berisi dengan pelbagai surat dan manuskrip Melayu di antaranya sebuah manuskrip mengenai ilmu perubatan Melayu<sup>48</sup>. Besar kemungkinan surat-surat dan manuskrip-manuskrip tersebut telah diwarisi daripada ayahandanya iaitu Tengku Zainal Abidin yang bergelar Raja Muda (1900-1944 Masihi) dan Raja Dewa (1944-1945 Masihi). Tengku Long Zainal Abidin sendiri adalah seorang penulis yang aktif dizaman mudanya dan juga seorang peminat sejarah dan budaya. Baginda merupakan orang pertama di negeri Kelantan yang menyimpan Buku Peringatan Harian (Diary) yang mencatat peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di Kota Bharu dari tahun 1896 hingga tahun 1912 Masihi<sup>49</sup>.

Tengku Ibrahim bin Tengku Muhamad Petra ialah putera saudara kepada Sultan Ibrahim (1944-1961 Masihi) dan ipar kepada Sultan Yahya Petra (1961-1979 Masihi). Baginda di katakan pernah menyimpan banyak surat-

---

sungai Kelantan diantara Jalan Tengku Bendahara dan Jalan Post Office Lama, Kota Bharu.

42 Disebut oleh M.C. Recklefs dan P. Voorhoeve dalam 'Indonesian Manuscripts in Great Britain', Oxford University Press, London, 1977.

43 Tengku Kalsom pernah tinggal di Jalan Post Office Lama, Kota Bharu disebelah hulu Padang Merdeka.

44 Dr. Wee Khoo Hock telah menghadiahkan hikayat itu kepada Muzium Negeri Kelantan pada akhir tahun 1988.

45 Istananya di Kubang Kerian tiada lagi dan tapaknya sekarang jadi kawasan perumahan.

46 Bekas istana Tengku Ibrahim yang terlatak di Kampung Padang Bongor, Jalan Pengkalan Chepa telah dijual kepada kerajaan Thai sekitar tahun 1965 dan dijadikan Pejabat Konsulat Thai di Kota Bharu.

47 Diwarisi oleh putaranya Tengku Abdullah.

48 Dimaklum kepada penulis oleh Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Dir (Pak Nik Man).

49 Buku Peringatan Harian ini mengandungi 9 buah buku semuanya dan sebelum tahun 1964 berada dalam simpanan Haji Nik Mahmud bin Ismail (Dato Perdana Menteri Paduka Raja). Pada tahun itu penulis telah perolehi 9 buah buku tersebut dan kemudian menyerahkannya kepada Arkib Negara.

surat dan manuskrip Melayu yang mungkin diwarisi daripada ayahandanya iaitu Tengku Muhamad Petra bin Tengku Idris. Patut di sebut disini iaitu pada awal tahun 1960-an Tengku Ibrahim telah menghadiah atau menjual manuskrip '*Hikayat Hang Tuah*' kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan hal ini telah diceritakan kepada penulis oleh Nik Abdul Rahman (Pak Nik Man). Setelah Tengku Ibrahim mengkat kira-kira diakhir tahun 1960-an, dikatakan ada diantara surat-surat dan manuskrip-manuskrip kepunyaan almarhum Tengku Ibrahim telah disimpan pula oleh pembantu peribadinya bernama Nik Mat (Nik Muhamad).

Tengku Ahmad bin Tengku Chik Penambang meninggal dunia kira-kira pada tahun 1960 dan surat-surat dan manuskrip-manuskrip simpanan almarhum itu telah diwarisi pula oleh putera tunggalnya iaitu Tengku Abdullah<sup>50</sup> bin Tengku Ahmad. Setakat yang diketahui oleh penulis Tengku Abdullah pernah menyimpan manuskrip-manuskrip yang berikut:

- i) *Kitab Tib* (Kitab Ilmu Perubatan) 2 jilid. Telah dihadiahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka beberapa tahun lalu.
- ii) *Hikayat Agung Gempita*, 2 jilid.
- iii) *Hikayat Hang Tuah* (Yang Amat Setiawan). Mengikut catatan hikayat itu selesai ditulis pada tahun 1282 Hijrah (iaitu bersamaan dengan tahun 1865 Masihi).
- iv) *Hikayat Alfu Lailah* (Hikayat Seribu Satu Malam).
- v) *Hikayat Shah Kobat*.
- vi) *Hikayat Maharaja Indera* (Asalnya turun dari kayangan dua bersaudara).
- vii) *Kitab Ilmu Fihrasat*. Kitab atau manuskrip ini telah disalin daripada sebuah kitab lain berjudul 'Bustan nul Arifin' Mengikut catatan dalam kitab itu dikatakan telah selesai disalin pada 13 Shaaban tahun 1273 Hijrah (atau bersamaan dengan kira-kira tahun 1855 Masihi).
- viii) *Hikayat Nurul Lisan menjawab masalah*. Mengikut catatan dalam hikayat itu ia telah selesai di salin pada 21 Jun tahun 1843 Masihi.

Seperti yang telah disebutkan terdahulu daripada ini bahawa Tuan Zainal Abidin bin Tuan Kundor atau Long Zainal Abidin bin Long Kundor atau Tengku Zainal Abidin bin Sultan Muhamad III adalah seorang peminat sejarah dan budaya serta juga seorang penulis yang gigih yang pernah menghasilkan buku Peringatan Harian atau 'Diary'nya sendiri sebanyak sembilan jilid. Disamping itu beliau juga dikatakan suka membaca dan menyimpan buku-buku atau manuskrip. Setelah beliau meninggal dunia pada tahun 1945 Masihi, manuskripnya itu telah diwarisi oleh anak-anaknya seperti Tengku Abdullah dan Tengku Muhamad Hamzah. Tengku Zainal Abidin bergelar Raja Muda dari tahun 1900 hingga tahun 1944 dan Raja Dewa dari tahun 1944 hingga tahun 1945 Masihi. Salah sebuah manuskrip yang berjudul '*Hikayat Bakhtiar*' pernah disimpan oleh beliau dan kemudian diawal tahun 1950-an telah diserahkan atau pun diperolehi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka<sup>51</sup>. Manuskrip itu mengandungi 470

50 Tengku Abdullah meninggal dunia pada tahun 1978 dan manuskrip-manuskrip itu disimpan pula oleh isterinya Tengku Ridzuan binti Tengku Zainal Abidin Raja Muda/ Raja Dewa, Jalan Atas Banggol, Kota Bharu.

51 KMPDBP, 1983, him. 15.

halaman tetapi tidak lengkap dan berukuran 43 x 30 sentimeter.

Pada awal tahun 1950-an juga Dewan Bahasa dan Pustaka telah memperolehi sebuah lagi manuskrip dari negeri Kelantan. Manuskrip itu berjudul "*Cerita Wayang Kulit*" tebalnya 77 halaman, tidak lengkap dan berukuran 32 x 21 sentimeter<sup>52</sup>. Manuskrip itu asalnya kepunyaan Tengku Embok atau Tengku Embak (juga dikenali sebagai Tengku Long) binti Tengku Yusof bergelar Tengku Besar Indera Raja. Tengku Embak ialah puteri saudara kepada Sultan Muhamad III (1889–1890 Masihi) dan sepupu kepada Sultan Muhamad IV (1900–1920 Masihi).

Diantara keluarga-keluarga pembesar-pembesar dan orang perseorangan yang dipercayai ada menyimpan surat-surat lama dan manuskrip-manuskrip Melayu di Kelantan dizaman lalu (yakni sebelum tahun 1941 Masihi) diantaranya ialah mereka yang disebut berikut ini.

Nik Yusof bin Nik Abdul Majid yang bergelar Dato Seri Paduka tetapi lebih dikenali sebagai Nik Soh Seri Paduka atau Nik Seri Paduka. Beliau pernah menjadi Menteri Besar dari tahun 1894 hingga tahun 1900 Masihi dizaman pemerintahan Sultan Mansur (1891–1900 Masihi). Nik Yusof pernah menyimpan, antara lain, sebuah manuskrip mengenai sejarah Kelantan iaitu sebelum tahun 1905 Masihi. Nama manuskrip itu tiada diketahui. Dikatakan bahawa buku sejarah Kelantan itu telah dibakar atas titah perintah Sultan Kelantan pada masa itu kerana cerita yang terkandung dalam sejarah itu tentang asal usul keturunan kerabat diraja Kelantan dikatakan tidak menyenangkan Sultan Kelantan pada masa itu<sup>53</sup>. Dimasa yang sama ada tersebut cerita yang mengatakan dizaman pemerintahan Sultan Mansur terdapat sebuah manuskrip sejarah Kelantan yang disimpan oleh Nik Muhamad bin Nik Yahya (lebih dikenali dengan panggilan Nik Mat Besar). Manuskrip itu telah dipinjam oleh Nik Mat Besar kepada Tuan Long Yusof (bergelar Tengku Besar Indera Raja). Kemudian manuskrip itu telah diperintah bakar oleh Sultan<sup>54</sup>. Tiada diketahui sama ada manuskrip kepunyaan Nik Mat Besar itu juga manuskrip yang disimpan oleh Nik Yusof Sri Paduka.

Seorang lagi pembesar Kelantan yang dipercayai pernah menyimpan manuskrip-manuskrip ialah Muhamad Ghazali bin Arifin yang pernah menyimpan atau memiliki sebuah manuskrip Melayu mengenai sejarah Kelantan<sup>55</sup>. Nama manuskrip itu tiada diketahui. Beliau berasal dari Singapura datang ke Kelantan pada tahun 1900 Masihi dan bekerja sebagai kerani kepada Raja Kelantan (Tuan Long Senik bin Sultan Muhamad III: 1900–1920 Masihi). Kemudian menjadi guru kepada Tuan Ismail, putera sulung Raja Kelantan. Pada tahun 1911 Masihi Muhamad Ghazali digelar Dato Bentara Luar.

52 KMPDBP, 1983, hlm. 13 dan 14.

53 Diceritakan kepada penulis oleh Haji Nik Bongsu bin Haji Nik Mohd Salleh, Kampung Pulau Kundor, Kota Bharu. (Lihat Nik Mohamed, 'Perkembangan Penulisan Sejarah Kelantan dan Tinjauan Mengenai Sumber-Sumbernya', dalam 'Warisan Kelantan' bil: III, 1984, hlm. 19).

54 Diceritakan kepada penulis oleh Nik Salleh bin Nik Hussin Kampung Pak Nik Ya, Kubang Pasu, Kota Bharu (Lihat Nik Mohamed, Warisan Kelantan, bil III, 1984, hlm. 20).

55 Diceritakan kepada penulis oleh Syed Hassan bin Syed Yusof, Kampung Repek, Pasir Mas. (Lihat Nik Mohamed, "Warisan Kelantan" bil III, 1984, hlm. 21).

Nik Mahmud bin Ismail yang menjadi Menteri Besar Kelantan dari tahun 1921 hingga tahun 1944 Masihi merupakan satu-satunya sejarawan yang terkenal di Kelantan dizaman hayatnya. Pada tahun 1911 Masihi beliau digelar Dato Bentera Setia dan pada tahun 1921 Masihi digelar pula Dato Perdana Menteri Paduka Raja. Beliau dikatakan telah mengumpul banyak manuskrip tempatan diantara tahun 1920 dengan tahun 1941 Masihi. Dua buah buku karangannya yang terkenal dizamannya ialah: '*Kitab Geography Semenanjung Kelantan*' (1925?) dan '*Ringkasan Cetera Kelantan*' (1934). Satu-satunya manuskrip yang penting yang pernah berada dalam simpanan Nik Mahmud ialah '*Hikayat Seri Kelantan*' yang dikarang pada tahun 1914 Masihi.<sup>56</sup>

Seorang lagi sejarawan dan juga nasionalis tempatan yang terkenal ialah Abdul Kadir bin Ahmad yang lebih dikenali dengan panggilan Kadir Adabi. Beliau adalah seorang penulis yang tajam penanya. Dikatakan Kadir Adabi pernah menulis mengenai sejarah Kelantan tetapi tiada diketahui judulnya.<sup>57</sup>

Wan Ali bin Wan Yusof, seorang lagi sejarawan tempatan yang dipercayai pengarang '*Hikayat Seri Kelantan*' besar kemungkinan pernah menyimpan manuskrip-manuskrip Melayu. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Wan Ali Kutan.

Muhamad Daud bin Salim,<sup>58</sup> berasal dari Kampung Tendung, Pasir Mas, pernah berkhidmat di negeri Johor dan pernah pula menjadi Penguasa Pejabat Tanah Kelantan dari tahun 1896 hingga tahun 1904 Masihi merupakan salah seorang dari pengasas Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang ditubuhkan pada tahun 1915 Masihi. Kemudian beliau menjadi Nazir pertama bagi sekolah-Sekolah Majlis Agama Islam dan pada tahun 1916 Masihi telah dikurniakan gelaran Dato Istiadat.

Megat Othman bin Ali, berasal dari negeri Perak datang ke negeri Kelantan pada tahun 1917 Masihi dan bertugas sebagai guru besar bahagian Ingeris di Sekolah Majlis Agama Islam. Kemudian daripada itu beliau digelar Dato Megat Diraja.<sup>59</sup>

Muhamad Adnan bin Arifin yang menjadi pengarang majalah '*Pengasah*' penerbitan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dari tahun 1935 hingga tahun 1941 dan dari tahun 1947 hingga tahun 1953 Masihi, merupakan seorang penulis yang gigih.

Ahmad bin Ismail, pengarang majallah '*Al-Hidayah*' pada tahun 1923 Masihi dan majallah mingguan '*Al-Hikmah*' dari tahun 1934 hingga tahun 1941 Masihi, adalah seorang penulis, pengarang dan penterjemah yang gigih dizaman mudanya. Beliau dilantik sebagai ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1946 Masihi dan kemudian dikurniakan gelaran Dato Lela Negara.

Muhamad Asaad bin Haji Muda<sup>60</sup> atau lebih dikenali sebagai Asaad Shukri

56 Salinan naskah asal '*Hikayat Seri Kelantan*' ada tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya.

57 Nik Mohamed, 'Warisan Kelantan', bil III, 1984, hlm. 21.

58 Muhd Daud bin Salim lebih dikenali sebagai Che' Wok Johor kerana beliau berkhidmat di negeri Johor untuk beberapa tahun.

59 Megat Othman bin Ali diakhir hayatnya kembali ke negeri Perak dan kemudian meninggal dunia disana.

60 Muhamad Asaad bin Haji Muda ialah abang kepada Dato' Muhamad Asri bin Haji Muda, bekas Yang Dipertua Agung PAS.



bin Haji Muda adalah seorang sejarawan dan juga nasionalis tempatan yang ulung. Semasa hayatnya beliau telah mengarang tiga buah sejarah Kelantan iaitu: *Riwayat Kelantan* dalam 15 Siri yang disiarkan dalam majallah 'Kencana' (tahun 1930—1931 Masihi); "*Sejarah Kelantan*" (Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1962 Masihi); dan "*Detik-Detik Sejarah Kelantan*" (Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971 Masihi) Asaad Shukri menyimpan banyak manuskrip Melayu, tetapi tiada sebarang maklumat lanjut mengenainya. Umpamanya beliau menyebut antara lain dua buah buku atau manuskrip dibawah 'Bahannya Kajian' didalam buku "*Sejarah Kelantan*" karangan beliau yang berjudul "*Detik-Detik Sejarah Kelantan*". Dua buku itu ialah: '*Cerita Tarikh Kelantan*' penerbitan Perkitapan Press, Kota Bharu dan '*Kitab Tarikh Kelantan*'. Sayang sekali Asaad Shukri tidak menyebut nama pengarang dan tahun kedua buku itu ditulis atau diterbitkan.

Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Muhamad,<sup>61</sup> yang menjadi Yang Dipertua (Presiden) Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan pada tahun 1945—1948 Masihi, mengikut keterangannya sendiri pernah menyimpan beberapa manuskrip Melayu yang telah diwarisi dari orang tuanya. Diantara manuskrip itu ialah sebuah mengenai sejarah Kelantan dan beliau telah lupa judulnya. Manuskrip sejarah Kelantan itu telah disimpan oleh Haji Wan Ahmad sejak zaman belum perang dunia kedua (yakni sebelum tahun 1941 Masihi) dan telah musnah di makan ulat atau anai-anai dalam zaman perudukan tentera Jepun (1941—1945 Masihi).

Seorang bomoh yang terkenal dizaman hayatnya iaitu Haji Wan Mustapha<sup>62</sup>, Kampung Peringat, Kota Bharu, pernah juga menyimpan beberapa manuskrip Melayu dan diantaranya ialah sebuah yang mengenai sejarah Kelantan. Diawal tahun 1950-an manuskrip itu telah dipinjam oleh salah seorang dari anak saudaranya yang kemudian meminjamkannya atau menyerahkannya kepada Tuan A.H. Hills, pegawai Pelajaran Kelantan pada masa itu. Sejak itu hilanglah riwayat manuskrip atau buku sejarah itu.

Selain daripada mereka-mereka yang telah disebut diatas itu, terdapat ramai lagi orang-orang perseorangan dan keluarga, terutama sekali dikalangan kerabat diraja, bekas pegawai-pegawai kerajaan dan pembesar-pembesar Kelantan yang ada menyimpan manuskrip-manuskrip Melayu. Sayang sekali dan amat mendukacitakan dimasa lampau dan bahkan dimasa kini pun tiada usaha yang bersungguh-sungguh oleh mana-mana pihak di negeri Kelantan untuk mengumpul dan memelihara manuskrip-manuskrip tersebut untuk disimpan dengan baik dan dibuat penyelidikan mengenainya.

### Jenis-jenis Manuskrip yang terdapat di Kelantan

Pada umumnya manuskrip-manuskrip yang terdapat atau yang telah dikesan di negeri Kelantan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis seperti berikut:

#### a) *Sastera*

61 Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Muhamad lebih dikenali sebagai Haji Wan Ahmad Persetiaan Melayu atau Dato Bentara Dalam (gelaran yang diperolehinya).

62 Haji Wan Mustapha, atau lebih dikenali sebagai Tok Ayah Haji Wan Pa meninggal dunia kira-kira pada akhir tahun 1960-an.



- i) *Hikayat Asma Dewa Perkerma Raja*  
 Hikayat ini 'sangat indah-indah perkataannya mengenai cerita dewa-dewa dan mambang indera'<sup>63</sup> dan jin terlalu molek karangannya'. Tiada keterangan lanjut mengenai hikayat ini yang diketahui oleh penulis.
- ii) *Hikayat Khoja Maimun*  
 Hikayat Khoja Maimun dikenali sebagai *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Khoja Mubarak*, *Hikayat Unggas Bayan* dan *Bujangga Arifin*, *Cerita Taifa* dan *Cerita Khoja Mubarak*<sup>64</sup>. Menceritakan mengenai seekor burung nuri (bayan, kakatua) yang berjaya menghalang isteri Khoja Maimun dari melakukan perbuatan yang jahat sepeninggalannya pergi belajar. Tujuh puluh cerita yang menarik diceritakan oleh bayan dengan tiada habis-habisnya sehingga Khoja Maimun selamat pulang, dan terhindarlah dia dari niat jahatnya itu<sup>65</sup>. Hikayat ini merupakan cerita berbingkai yang mempunyai unsur Farsi yang juga merupakan teladan kepada wanita atau isteri supaya jangan berlaku curang sepeninggalan suami.<sup>66</sup>
- Setahu penulis ada dua manuskrip '*Hikayat Bayan Budiman*' di Malaysia. Pertama manuskrip simpanan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka<sup>67</sup> rujukan MS 11 mengandungi 277 halaman dan berukuran 32 x 23 sentimeter. Hikayat ini selesai disalin pada 26 Ramadhan tahun 1246 Hijrah (bersamaan kira-kira tahun 1830 Masihi). Kedua sebuah lagi manuskrip dalam simpanan Perpustakaan Universiti Malaya rujukan UM/MS 3 mengandungi 221 halaman 16 baris pada setiap halaman dan berukuran 24 x 17 sentimeter<sup>68</sup>. Selain daripada tiga naskah yang disebut diatas ada lagi sebanyak 14 naskah manuskrip "*Hikayat Bayan Budiman*" atau "*Hikayat Khoja Maimun*" diluar negeri iaitu: 4 naskah di Perpustakaan Lembaga Kebudayaan Indonesia Jakarta; 4 naskah di University of Leyden Library, Negeri Belanda; 2 naskah di Royal Tropical Institute Library, Amsterdam, Netherlands; 2 naskah di Library, Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland, London; dan 2 naskah di India Office Library, London.<sup>69</sup>
- iii) *Hikayat Naga Berseru*  
 Manuskrip ini mengandungi 320 halaman, 27 baris pada setiap halaman dan berukuran 21 x 29 sentimeter.<sup>70</sup> Keadaan manuskrip kurang memuaskan halamannya telah koyak dan berlubang dimakan serangga. Tulisannya rapat dan berbentuk kecil. Dakwat hitam. Tulisan masih terang dan boleh dibaca. Halaman

63 A.H. Edrus, hlm. 111.

64 Joseph H. Howard, hlm. 20.

65 'Manuskrip Melayu Warisan Budaya Negara', Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 35. Berikutnya digunakan rujukan PNM, 1984.

66 KMPDBP, 1983, hlm. 16.

67 KMPDBP, 1983, hlm. 16.

68 PNM, 1984, hlm. 35.

69 Joseph H. Howard.

70 Disebut oleh PNM, 1984, hlm. 36 dan KMPDBP, 1983, hlm. 36.

awal atau pertama telah hilang atau musnah. Hikayat ini ditulis diatas kulit kambing (vellum) yang telah dikapur, ditegang dan di-kepilkan dirangka kayu (frame) supaya kembang sehingga kulit itu kering. Kulit kambing ini halus, putih dan nipis. Manuskrip ini di-anggarkan berumur lebih kurang 150 tahun. Ia dimiliki oleh almarhum Tengku Muhamad bin Tengku Abdul Rahim yang bergelar Tengku Seriwa Raja (yang pertama) dan telah diperolehi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Encik Asaad Shukri bin Haji Muda iaitu daripada Tengku Abdullah bin Tengku Muhamad<sup>71</sup> pada 23 Februari 1959. Manuskrip ini diberi rujukan DBP/MS 63.

'*Hikayat Naga Berseru*' merupakan cerita panji yang mengisahkan Ratu Kurupan ingin meminang Puteri Daha, Rasen Candra Kirana untuk puteranya, Raden Inu Kartapati. Hikayat Jawa ini adalah berasal dari Jawa Timur iaitu muncul dizaman keagungan kerajaan Majapahit (1294 Masihi).<sup>71</sup>

Setakat yang diketahui oleh penulis ada sebuah lagi naskah "*Hikayat Naga Berseru*" iaitu dibawah Koleksi Raffles di Library of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland.<sup>72</sup>

iv) *Syair Seratus Siti*

Manuskrip ini mengandungi 258 halaman, 19 baris pada setiap halaman dan berukuran 17 x 22 sentimeter.<sup>73</sup>

Keadaan manuskrip masih baik. Ditulis dengan dakwat hitam. Naskah ini pernah dimiliki oleh Tengku Som (Tengku Kalsom) binti Sultan Ahmad, Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu.

Syair ini menceritakan perihal keagungan Sultan Mansur yang menjadi Khalifah di negeri Baghdad dan bagaimana baginda mencari isteri untuk dijadikan permaisuri baginda. Manuskrip ini telah diperolehi oleh Muzium Negara Malaysia yang kemudian menyerahkannya kepada Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1983 dan diberi rujukan PNM/MS 26.

v) *Syair Siti Zubaidah*

Manuskrip ini mengandungi 282 halaman, 19 baris pada setiap halaman dan berukuran 22 x 17 sentimeter.<sup>74</sup>

Keadaan manuskrip tidak memuaskan. Beberapa halaman diawal dan diakhir manuskrip telah tiada, dan banyak halaman telah rosak dimakan serangga dan tidak boleh dibaca. Tetapi tulisannya terang. Manuskrip ini telah dimiliki oleh Tengku Kalsom (Tengku Som) binti Sultan Ahmad, Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, Kelantan.

Syair ini mengkisahkan bagaimana seorang putera raja dari negeri Kembayat Negara bernama Raja Zainal Abidin mencari seorang isteri yang ditemuinya dalam mimpi dan akhirnya baginda bertemu

71 KMPDBP, 1983, hlm. 36.

72 Joseph H. Howard, hlm. 90.

73 PNM, 1984, hlm. 39.

74 PNM, 1984, hlm. 40.

75 Joseph H. Howard, hlm. 94.

dengan puteri itu yang bernama Siti Zubaidah di Pulau Peringgi iaitu anak kepada Pendita Utama yang berasal dari negeri Iraq. Seterusnya syair itu menceritakan tentang kebaikan dan kebijaksanaan Siti Zubaidah menyelamatkan suaminya dari dalam tawan Raja China. Manuskrip itu telah diperolehi oleh Muzium Negara Malaysia dan diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1983 dan didaftarkan sebagai PNM/MS 24.

Setahu penulis ada sebuah lagi manuskrip yang berjudul "*Hikayat Sitti Zubaidah*" yang ada tersimpan di School of Oriental and African Studies Library, London University.<sup>75</sup>

vi) *Hikayat Kuris Mengindra*

Manuskrip ini mengandungi 9 jilid dan diantara 22-24 baris pada setiap halaman.<sup>76</sup> Asalnya dimiliki oleh Tengku Seri Alam bin Tengku Long Abdul Rahman Tengku Seri Kelana Raja, Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu, yang telah menjualnya kepada Muzium Negara yang kemudian telah menghadiahkannya pula kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan diberi rujukan MS 30. Manuskrip ini tidak lengkap, yang ada tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia hanya jilid-jilid 2, 3, 5, 6, 7, 8 dan 9 dalam pelbagai ukuran dan saiz. Jilid 1 dan 4 tiada diketahui samada masih ada atau pun sudah hilang atau musnah.

Di Leyden Universiti Library, Netherlands ada tiga manuskrip namanya hampir sama dengan manuskrip ini iaitu: *Hikayat Kuraish Mengindra Raja*, *Shair Raja Mengindra* dan *Hikayat Dewa Mengindra*.<sup>77</sup>

vii) *Hikayat Raden Pancawala*

Mengandungi 188 halaman, 27 baris pada setiap halaman, berukuran 24.5 x 21.5 sentimeter dan lengkap.<sup>78</sup>

Disalin oleh Tahir bin Ali di Kapar, Selangor pada 25 Ramadan tahun 1331 Hijrah atau bersamaan dengan 28 Ogos tahun 1913 Masihi. Karya asal telah diterjemahkan dari bahasa Jawa oleh dalang Asmara Jaya.

Manuskrip ini telah dimiliki oleh Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Abdul Kadir (Pak Nik Man), Jalan Tok Semian, Kota Bharu, Kelantan yang telah menjualnya kepada Muzium Negara yang kemudian telah menghadiahkannya kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan diberi rujukan MS 33. Terdapat sebuah lagi manuskrip '*Hikayat Raden Pancawala*' di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dibawah rujukan MS 81.<sup>79</sup> Ia mengandungi 178 halaman tidak lengkap dan berukuran 40 x 30 sentimeter.

Berjilid kulit keras, berwarna merah. Tiada mempunyai sambungan halaman 178. Halaman 1 dan 2 dihiasi dengan lukisan awan larat.

76 "Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas", Perpustakaan Negara Malaysia, 1987, hlm. 4. Berikutnya digunakan rujukan PNM, 1987.

77 Joseph H. Howard, hlm. 85 dan 90-90.

78 PNM, 1987, hlm. 4.

79 KMPDBP, 1983, hlm. 38.

کوردیس مهنده

راج بر مک کورس فون نوسیم مک دوه فله بر چوسو مک راج ، عرب طایق مان  
 صنوم دغن سنگلورین ۲ سفین جانوه نام مک کورس مهنده فون مطابق خهلاون  
 دیوا برادر مک کتات بریوه گنده ادهلو کولت بیت بلوم مقنون سیرمول این بوسو راج  
 سنله ای ملحت رونان خهلاون ایت مک د فرامین سراب کتات کند سف فون خهلاون  
 اینله راج کورس راج پهنرا دیوا مهنده ایت مک کتات سف نغه سف کتات سف فون  
 ایت مک کتات کورس مهنده راج نام ایاه لنده مک نوسیم خهلاون دیوا کتات سف  
 گنده کتات خانیک لجهت ای گنده ایت لاون جادی بیت ملاون دی مک کورس  
 مهنده دغن سنگل راج ، سفین مسوک نرتوا مند جرتا خهلاون دیوا ایت سیرمول این بسو  
 تریالی سنگل اوری بر کتات مهنده ای دوه سفینا قی خهلاون دیوا ایت د فرامین  
 لاور کتات فری سیرمول اندرا مانک پارا ۲ لاک ، ایت مک بقسو تریالی فون پانوت  
 لاور دوه دخت سفین فری لالوی ریه بریاری ۲ صرایی برتانی فرالان ۲ صیل  
 برضوت مکین :- سفین بایک نفی بر اووان - دفاک افی پینا - سفینله هرید  
 مودا بجاون - دلفیغ ماربله سفینمان - ایلوق اووان سفین بایک -  
 تالیق لیسوری سفین - اوسول بضاون فینه هرید - سفین مهوره سفین  
 نله سفین فری سفین سفین بقسو تریالی ایت مک ای فون نوسیم دام هاتیر  
 سفین بقسو سفین بقسو ایت صرایی کتات فرالان ۲ سفین اد نایغ سفین  
 دغه تالیق ایت تریان کتاتله کند گنده مک بقسو تریالی فون نوسیم صرایی  
 سفین کتات سفین مک خهلاون دیوا لاور ای وضق فله مکین :- کوات بلین  
 دغن کتات ج - جوه کت بر قوس اوت - سفین فون بر سفین بر کتات مک - پتله  
 بیداری دله دبدام اووان - مک مکین دایغ فونک اوری نرتوا لجهت فری  
 نرتوا سفین ۲ صرایی کتات بکمان خط صرایی ایت لاور بر کتات مانا اندا لاور  
 سام نرتوا سفین ایت خهلاون دیوا لاور ای سفین سفین بقسو تریالی ایت  
 مک ای فون نوسیم دام هاتیر دکل او لجه بقسو تریالی لالوی نوسیم  
 مانک سفین مک کتات کورس مطابق مک اندا بلوم برادر کتات هاری سوده جلاوه  
 مانک مک ساوه خهلاون دیوا ماربله گنده لالو سام بر جین کورس ای باب ایت  
 کتات سوده ل فرادان د صافی اندرا مهنده لالو ریه بر لاور کتات ۲ ایت خهلاون  
 دیوا سفین فون برادر ایت منات یاه لبتا کتات نایه بپس سام اوری مک  
 کتات کورس مطابق ادهلو برادر دغن نوسیم ایت مانک حالت صفا بریالی  
 فون کتات ایت تریان نله خهلاون دیوا سفین سفین بقسو تریالی ایت مک ای فون  
 نوسیم کتات سه عادت بیت فیدور دغه سفین بکالو بیت نظر کتات لاری  
 بکات کتات فایک مان ما فله گنده ا نوسیم سفینا ایت فایک بپس سفین  
 نیاد فایک برینت صلاه کند گنده مان کند سفین بیت گنده سفین نیاد سفین  
 فایک سفین سفین ایت کتات کورس مهنده سفین کتات خهلاون دیوا  
 ایت مک صرایی مسوک نرتوا لجه بقسو تریالی بختا سفین ۲ صرایی ای

### Hikayat Raden Pancawala

فرکتواند از من جهدم و خانه جلا و تنگانه مکملی ذمت دیوان شورون پنجاه مرد  
 مایا ند مجله د ب من تو سرینه د جنگه کسر هم دیده مجله د کارن شود نشانه جلا  
 ای که تر نیوسه خانه هر میله کنه چیرت دکار کن اولی دلغ اسکر جلا جلا پخت  
 هو دریا ند سهله نلکوت و ای ذمت دیواند یفرغ خانه جلا و دت سرخ نولدا  
 هو بنو بهکن دریا ند جلا جلا و د بند بهکن دکن بهلا مایه یوسه سلا  
 مایا ماسوک سلا کنه سود را جلا مایه دت اعوانه چا مفرغ هتر و یلا پ  
 این دت اول نول کارن مکه فو د لغ بند بهکن دغه یک سله یو این کسبه چا پ  
 سنه سود را کن این بلوسه اوله کولد یک جلا و ای مکه اول نول بیسکو  
 اول سله اوله نلکوت چیرا و ای این دت نول ایته هتار ف جوکله بیسک  
 نول فو یک بزکن کارن فمب مثل نول ایته جلا کله بلوسه یک سله ایکن بله لایم  
 اعوانه دت ماحو کله سکوت جلا مفرغ دت اعوانه مایه دت کارن بله سکره  
 جوکله ایته بر لایم بلوسه دت مایه نلکن چیرا اول فو د کنه مکملی ذمت جلا جلا  
 کانه دت تنگانه مکملی دیوان لایم مکملی بر نکر دغه کله دت کارن دت

اولی تو

#### Hikayat Raden Pancawala (halaman pertama)

Tulisan terang dan mudah dibaca. Tanpa tarikh dan tanpa nama pnyalin. Purata 20 baris bagi setiap halaman. Tiada dinyatakan dari mana manuskrip ini diperolehi. Hikayat ini mengisahkan pengembaraan Raden Pancawala. Hikayat ini mengandungi unsur-unsur Hindu misalnya penggunaan kata "Dewata Raya" dan keagungan "dewa-dewi".

viii) *Hikayat Ismu Dewa*

Manuskrip ini mengandungi 184 halaman, 31 baris pada setiap halaman, berukuran 31.8 x 20.6 sentimeter dan tiada lengkap.<sup>80</sup> Manuskrip ini telah dibeli di Kota Bharu, Kelantan oleh Muzium Negara yang kemudian menghadihkannya kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan diberi rujukan MS 38.

80 PNM, 1983, hlm 4.

د ورو ما چه غلام منغ بايچي نيه نه فرنگه ايت د ورو ما نكلا ايت ككلم سر  
 چنه د كور ورت منو نكو نيكه پورا منو كه مسامحه فرسوكه هلاي كشفه  
 ايت منفر كن منغ فرانغ سو د وراش دن صرت ايا منلو ار كن صيه  
 ديوت يي پز كسر با سله ل باي نكلا ككلم سكر هيله و في سله  
 نون منلو ار كن كبلغ چشكه چا يا كسو مه لود ديتنك  
 نه د موكه سو د وراش ايت كه د فتنه سوكه ايت كجالي هيله

وف ديوت يي پز ايت كه اهنه نيكه بنه ايت چه  
 كند سو د وراش دن ايلان ايرنوم نه دن سو اوون  
 ايتكه هيله د با وراش ملكه كدم نور ما او لير مدين  
 اير جرت كه بيا ر كرتا ايت لود فونم ككارتا  
 دن پاتنه كا پرتو اكون ككارتا دن  
 شتاد د ورمه كسو مه فونم ايت  
 استانه كند ايرت نكو ل سله دن  
 فونم چوكه كمنه نه استانه  
 چوكه د موكلا د پامه

ايرتو نه جلايه تاد با  
 ف د موكلا ايت  
 شته كالم نكو  
 مرغ نه بو  
 فن وسطا  
 نه شاهان  
 اسم مبر  
 بو لن م

نام ظاهر به  
 حله ككلم  
 چو او موكلا  
 ككرا ايت

منه ليد كه ايت د وراش ايتكه بنه ايت چه  
 چنه د كور ورت منو نكو نيكه پورا منو كه مسامحه فرسوكه هلاي كشفه  
 ايت منفر كن منغ فرانغ سو د وراش دن صرت ايا منلو ار كن صيه  
 ديوت يي پز كسر با سله ل باي نكلا ككلم سكر هيله و في سله  
 نون منلو ار كن كبلغ چشكه چا يا كسو مه لود ديتنك  
 نه د موكه سو د وراش ايت كه د فتنه سوكه ايت كجالي هيله

دنه ا د فونم د وراش ايتكه بنه ايت چه  
 چنه د كور ورت منو نكو نيكه پورا منو كه مسامحه فرسوكه هلاي كشفه  
 ايت منفر كن منغ فرانغ سو د وراش دن صرت ايا منلو ار كن صيه  
 ديوت يي پز كسر با سله ل باي نكلا ككلم سكر هيله و في سله  
 نون منلو ار كن كبلغ چشكه چا يا كسو مه لود ديتنك  
 نه د موكه سو د وراش ايت كه د فتنه سوكه ايت كجالي هيله



نکره ان ایه لاله بکنند کننگ بوز فی دور عالم ایزه سببله صفی کننگ بوز فی دور عالم  
 مکر بکنند افون سحابه واسه کننگه ان دبالو روح ایه بس سحابه دفن افقنه بکنند  
 صح مقندر نکره دیوا سدهان فیه تشکال ایه کن صح مقندر فکرم دیوا کماله سحابه  
 دبالو روح و صنفه اولیه کلا رابع ۳ وان مناسی بحالده بلخ کلین فون و و صنفه  
 س ایه صنفه فون فی صنفه افقنه بکنند ۱۱ احمد دیوا نکره ۳ رابع و نکره فی بس نکره فون  
 کسان و و نکره نخبه صنفه بکنند انصافی و نخبه افقنه دیوا ایزه کتیک مکر لیه کن کن  
 ایضه بکنند اصح مند افون سحابه و روحی فایب و اشغ لاله سحابه و اشغ  
 نکره ان بس سحابه و نخبه بکنند ایه مکر صح مقندر نکره ۳ دیوا فون نور و روح در  
 نکره سانبان ایزه و و و فون سواند کدر سیر امه ساسای بی صعبه کتیک  
 بکنند مکر کلا رابع ۳ وان مناسی بحالده بلخ کلین فون سوجو و صنفه نخبه  
 و و بی بکنند مکر فون امه سانبان فون صعبه کن اولیه صح مقندر نکره ۳  
 دیوا کنه ایضه بکنند مکر بکنند افون سببله سیر یف مکر صعبه صح مقندر  
 نکره ۳ دیوا در مان و و بی مند انکو بی حکم کما فی این مکر فینه بکنند اصح افقنه  
 افقنه ایضه اواسخ این در یکنند نخبه نکره سدهان ایضه افقنه بر نخبه و نخبه افقنه  
 نکره ۱۱ احمد دیوا نکره ۳ رابع ایه کسان افقنه ۱۱ احمد دیوا  
 ایه صنفه فون فی صنفه افقنه افقنه مکر سدهان کمال دفن امه کنی نکره لاله بای  
 وان با بق کلا رابع ۳ بیج صعبه یف کن افقنه ایه ایضه ککر افقنه  
 کتیک مکر نخبه نکره سانبان ایه کسان کتیک مکر سدهان کمال ایه نکره لاله بای  
 جالین و در خود تانه دیوا ایزه

*Hikayat Ismu Dewa (halaman penghabisan)*

ix) *Hikayat Cekel Weneng Pati*

Manuskrip ini mengandung 329 halaman, berukuran 28 x 20 sentimer.<sup>81</sup> Keterangan lanjut tiada diketahui. Manuskrip ini asalnya kepunyaan Tengku Chik Tuan Abdullah bin Sultan Ahmad Kelantan yang bergelar Tengku Bendahara. Baginda telah menghadiahkan manuskrip itu kepada seorang pegawai Inggeris di Kota Bharu, Kelantan pada kira-kira tahun 1933.

Hikayat ini dikenali juga dengan nama *Hikayat Teraci Kilwaning Pati*.<sup>82</sup>

Perlu disebut disini bahawa ada kira-kira 31 naskah lagi manuskrip '*Hikayat Cekel Weneng Pati*' diluar negeri iaitu: 9 naskah di Leyden University Library, Negeri Belanda; 15 naskah di Perpustakaan Lembaga Kebudayaan Indonesia, Jakarta; 3 naskah di Library of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland, London; 2 naskah

81 M.C. Recklefs dan P. Voorhoeve, 1977.

82 Joseph H. Howard, hlm. 21.



سري برهمنان اير فتارده سمر برکات وهي فتار تان نوا  
 بدات ايهندا امانت مهيا ايهندا انيکده و اديله جبا  
 ايهندا احاتن فانيس ايهندا ايندا بهار و ايه ديم اللود ايه  
 سکلان ابن برهالن سمر هندق فيزي فدول ايندا لالا  
 مک ديم لود و ايه فندا فتنک فندا ايندا سکلاد ساسون دوما  
 اوله نکلدا اوله بکلدا ايو ارات سيمز دقلوق ديمه مولي  
 حيد اکلدا اسبقه ديم کاسيه سايون ميمز ميمز  
 نکلدا فقيه سيمز سکلاد فاسوق سولم فتار سري  
 فقيه لود و اکلدا سکلک سمام انت مک هدا اهن و نندا اکلنت  
 اور غلصو اوق سوسه باهوه مک نکلدا سکلنت و ن سستغله  
 هکل سمي کفد فنتري هلبالم رعيت باره اير سهر  
 مان بلا کاسمف مالم بر بهرو و هنتي دان بکلدا اسکلنت  
 و ن فاسم ۲ ناکل کچکور فرددوان دان تور سين بو خليفه  
 نور عباو انقند ايندا سولم فتار سمام دفتار ايه اهل  
 بدعان بر سمام بر دو اکلکور و تکمل له بکلدا هابنودن  
 فتار عالم بسر تکلم الوع بر سمام دهن

*Hikayat Usul Majlis Perdana Halim (halaman penghabisan)*

di India Office, London; 1 naskah di British Museum, London; 1 naskah di Library of the School of Oriental and African Studies, London; dan 1 naskah di University of Cambridge Library.<sup>83</sup>

x) *Hikayat Usul Majlis Perdana Halim*

Manuskrip ini mengandungi 4 jilid iaitu jilid 1 (halaman 1–167), jilid 2 (halaman 168–467), jilid 3 (halaman 468–695) dan jilid 4 (210 halaman).<sup>84</sup>

Setiap halaman mengandungi 34 baris, berukuran 33.2 x 21.4 sentimeter dan tiada lengkap.

Manuskrip ini telah dimiliki oleh Tengku Kalsom binti Sultan Ahmad, Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, Kelantan. Telah dibeli daripadanya oleh Muzium Negara yang kemudian menghadihkannya pula kepada Perpustakaan Negara dan diberi rujukan MS 134. Ada lagi dua naskah hikayat ini dalam simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka yang diberi rujukan MS 103 dan MS 145.<sup>85</sup>

MS 103 mengandungi 5 jilid dan berukuran 34 x 21 sentimeter. Pada keseluruhannya keadaan hikayat ini kurang memuaskan. Setiap

83 Joseph H. Howard.

84 PNM, 1983, hlm. 9.

85 Disebut oleh PNM, 1983, hlm. 42.

شهدان مکه صوبي سلطان عالم نوکاسی فون برانک ما صرف کلمتان در  
 بکن ادیندا بکذا صور اقتدا مستله فایه لاف واسی ختار ای بی کاسی فون  
 تهنک رقی منیم د عارف اوله ادیندا بکندا کتلا ای دیو مقنند ایت دورق  
 رسی ایضیا بکندا مستله بکذا فرندن کفورا ای فریوری برات نور عالم  
 بکذا فون حیون فریور سبیل بر فیک عاری بیادی نوکاد من اضارا  
 کما یخ قبه ایخ دغه دیما عالم دنیا کارن کولاه سالت باک فاد من دوقا  
 فوری ایون بلوم فرنه صهر صیدوف کو ملت دوقا ماضی بی مقنند فریوری  
 این برات انندا نور عالم بک سکوبه ایق بنار کور فون میاد ای کلبه  
 کر فون در فون فون ایق ماضی ای بکندا بر فیک ای فریوری نندوق دیمت  
 شهدان دیو مقنند فون تر بلوم مقنند کفلا مستویک سبیل برات ادیند  
 21 فریوری جیلا کو عبیه فدور ایمندا کیکه ای کلان بکندا صدق بر الک  
 کلوار بر فون مک فریوری برانک نور عالم فون فون فون دهر نهی دامسو  
 عایق مند برات دیو مقنند ایق مک فریوری کما فون برات فریور  
 و امی نورا نوران بره ایق ایوه فریور جیلا مات بندا شبه فدور ایمندا  
 کیکه ای ایق دایع عوا فون جیلا بلوا مک فریوری برات نور عالم فون  
 سالتله سوبه ساله رسیا صنف فون ای فون جیلا نهی ای دیو مقنند  
 را دورق صنف دین بکندا کیکه ای صنف فون ای میاد جیلا کارن بکندا  
 22 ای کول عالم فریوری بکلیت دایع جیلا بکندا کیکه مک سکور  
 دیمت صوبی سلطان عالم نوکاسی فریور دیموم بکندا کیکه فولوانه  
 اقتدا بکندا سوبی برقیته سوبه فون ایمندا دایع مند استن جیلا کارن  
 ایمندا صنف بر صنف کلوار بر فون جک ایمندا سوات فریور سبیل ایق  
 نورا من ایمندا ایق نورا ایمندا دورق بی بلوم سمنوا عقل بیارات  
 ایق فون سده بیامی ایمندا دیمایق د فریور مقنند سورا جیلا کو  
 یاد کفون قران اقتدا فریور ادیندا دان بندا باواله سوبه جیلا کو فله مارغله  
 ایمندا متاه فله ایق نورا ایمندا سوبه فون سوبه سلطان کولایمندا  
 فون د کلین جوک سها فونایمندا ایمندا نورا ایمندا کفون مان 21  
Manuskrip atau Kitab Petua ini memperkatakan petua atau cara atau kaedah-keadah tentang lembu, kerbau dan biri-biri bagaimana hendak menjaga dan menjadikannya kebal dan menang dalam pelagaan. Diperkatakan juga jenis-jenis tangkal dan azimat serta jampi dan bacaan mentera yang berkaitan dengan permainan belaga lembu, kerbau dan biri-biri.

Disamping itu ada juga dua tiga bab yang memperkatakan tentang ilmu ubat burung tekukur dan ilmu bermain-main burung tekukur. Ada tiga bab pendek mengenai ubat pengasih atau pengikat perempuan, dan dua bab pendek juga mengenai 'ubat lemah zakar' atau ubat bagi mengubati kemaluan lelaki yang lemah.

Jika diteliti isi kandungan kitab petua ini ternyata bahawa ilmu dan petua yang terkandung dalam kitab itu adalah himpunan ilmu atau petua yang telah diriwayatkan dari semasa kesemasa oleh mereka-mereka yang boleh dianggap pakar dibidang masing-masing kepada Raja Muda negeri Kelantan.<sup>120</sup> Pakar-pakar itu adalah seperti berikut dan diperturunkan catatannya mengikut seperti yang tercatat dalam kitab petua itu:

- Ini ilmu pelaga kerbau lembu maka keturunan daripada Wan

118 PNM, 1989, halaman 26 dan PNM, 1990, halaman 58.

119 Manuskrip ini telah diperolehi oleh penulis daripada Encik Abdul Hamid bin Omar, Pegawai Penerangan, Pejabat Penerangan Kota Bharu pada tahun 1975. Mengikut keterangan Encik Hamid, beliau perolehi manuskrip itu dari salah seorang warisnya di Kampung Pasir Hor, Kota Bharu.

120 Raja Muda negeri Kelantan yang dimaksudkan itu mungkin Tuan Bongsu bin Tuan Senik atau Tuan Bongsu bin Sultan Muhamad II yang bergelar Raja Muda Kelantan dari tahun 1839 hingga tahun 18... atau pun Tuan Zainal Abidin bin Sultan Muhamad III yang bergelar Raja Muda Kelantan dari tahun 1900 hingga tahun 1944.

Jabal orang negeri Patani maka ia di sembahkan kepada Raja Muda negeri Kelantan.

- Nik El<sup>121</sup> sembah maklum kebawah kaus hadrat Raja Muda pada menyatakan perhidak(?) pemudah ubat lembu.
- Imam khatib surau Sering<sup>122</sup> sembahkan kepada Raja Muda Kelantan fasal permainan hendak pelaga biri-biri.
- Inilah ilmu Tok Cha Din Kampung Lapu<sup>123</sup> sembahkan kepada Raja Muda fasal hikmat biri-biri mematahkan lawannya.
- Mekong dalam Sering sembahkan kepada Raja Muda ilmu hendak beri lemah kerbau lawan.
- Fasal perkataan daripada Tuan Haji Awang Mat To' ( مة طوع ) fasal ilmu mengenal kerbau.
- Bab fasal bangkitan asal kerbau jantan pelaga keturunan daripada Tuan Haji Abdullah ibni Abdul Rauf, Kuala Bekah, negeri Patani. Maka ia sembah kepada Raja Muda negeri Kelantan.
- Ilmu asalnya keturunan daripada Engku Sangka negeri Telubang.<sup>124</sup> Maka ia kurnia kepada Tok Raja Matsah negeri Reman,<sup>125</sup> daerah Kampung Kekabu. Maka ia sembah kepada Raja Muda Kelantan pula Ilmu pelaga lembu atau kerbau.
- Ilmu peralah kerbau atau lembu keturunan daripada Pak Chik anak Lebai Muhamad, Kampung Tentuang.<sup>126</sup> Maka sembahkan kepada Raja Muda Kelantan.
- Bab ini ilmu bangkitan asal lembu iaitu keturunan kepada Lebai Pa Abdullah,<sup>127</sup> negeri Patani, Kampung Kuala Bekah.
- Bab ini tuntutan ilmu pelaga lembu keturunan daripada bomoh Pa Senik orang negeri Patani, daerah Tereman kampungnya. Maka ia sembahkan kepada Raja Muda negeri Kelantan daerah Kampung Penambang.
- Ilmu keturunan daripada Awang Lah Gemala Lembu Raja Patani. Maka ia sembahkan kepada Raja Muda Kelantan.
- Ubat kerbau iaitu keturunan Haji Awang Ibni Haji Petah.

iii) *Naskah Fihrasat*

Manuskrip ini sebenarnya tanpa judul. Judul 'Naskah Fihrasat' seperti yang disebut diatas adalah judul yang diberi oleh penulis sahaja.

Manuskrip ini mengandungi 18 halaman, berukuran 15 x 9 sentimeter, 18 baris pada setiap halaman, purata 8-10 perkataan pada setiap baris. Tulisannya (Jawi) cantik dan terang.<sup>108</sup> Perkataan tertentu

121 Nik El ialah panggilan ringkasan oleh orang Kelantan bagi nama Nik Ismail.

122 Sering ialah sebuah kampung dan juga nama sebuah mukim dalam Jajahan Kota Bharu.

123 Kampung Lapu (tiada diketahui lokasinya).

124 Negeri Telubang ialah negeri Teluban asalnya sebahagian daripada negeri Patani. Orang Thai (Siam) panggil Saiburi dan sekarang terletak dalam Wilayah (Changwad) Patani.

125 Negeri Reman ialah sebahagian daripada negeri Patani. Orang Thai panggil Raman atau Kotabaru Raman dan sekarang terletak dalam wilayah Yala.

126 Kampung Tentuang tiada diketahui lokasinya.

127 Lebai Pa Abdullah ialah Lebai Mustapha Abdullah.

128 Manuskrip ini adalah manuskrip asal dan tiada diketahui siapa penulis atau penyusunnya dan tarikh ianya selesai ditulis.

ربيع الاخر

ربيع الاول

صفر

محرم

1	○	○	1	○	○	○	○
2	○	○	2	○	○	○	○
3	○	○	3	○	○	○	○
4	○	○	4	○	○	○	○
5	○	○	5	○	○	○	○
6	○	○	6	○	○	○	○
7	○	○	7	○	○	○	○
8	○	○	8	○	○	○	○
9	○	○	9	○	○	○	○
10	○	○	10	○	○	○	○
11	○	○	11	○	○	○	○
12	○	○	12	○	○	○	○
13	○	○	13	○	○	○	○
14	○	○	14	○	○	○	○
15	○	○	15	○	○	○	○
16	○	○	16	○	○	○	○
17	○	○	17	○	○	○	○
18	○	○	18	○	○	○	○
19	○	○	19	○	○	○	○
20	○	○	20	○	○	○	○
21	○	○	21	○	○	○	○
22	○	○	22	○	○	○	○
23	○	○	23	○	○	○	○
24	○	○	24	○	○	○	○
25	○	○	25	○	○	○	○
26	○	○	26	○	○	○	○
27	○	○	27	○	○	○	○
28	○	○	28	○	○	○	○
29	○	○	29	○	○	○	○
30	○	○	30	○	○	○	○

Naskah Fihrasat (halaman 2)

فصل ای قدر هتاکن کینک مشور بجلو کیت بر جان  
 بر غود عن اورغ فونته کونخ اورغ ایت بر نفسا کن  
 فکایتی فونته کونخ اچل قزجوا ورغ نعت مانس جکل  
 مفاد فزاجا ۲ بایک برغ کر چافون بایک جکلو ورت  
 بایک سنگه جکلو ورت جاهته قزبو له جکلو ورت بیا هیلیج  
 اورغ فونته کونخ یغ منجوری دبا و کوه و مومه کینک  
 ایت ایت نید و هیلیج بجلو ورت بیا لاری کسرت یقز کینک  
 دیم و مومه اورغ تفکلا جکلو ورت لاقه دایک و اورغ جکل  
 بر نیکا فونته کونخ فد کیت جکلو مبرغ نیاد بایک جکلو  
 ساکت هتو کا مینسردی لاک ادا فز لایم تر بایر بجلو  
 ملهت علامت فونته دکانن هیتیم د کیری بجلو مپا یغ  
 فونته منغ هیتیم له بجلو یغ کینک بیلج شا جکلو لوکا  
 هتکل فاه کانس لاک و انه اعلم فصل این کینک  
 کار جکلو کیت بر جان بر غود عن اورغ ایت اورغ بر کلاه  
 کیت فون ایت کن مدافه فتنه جکلو د فزجوا اورغ د عن  
 سیر بایم ایت د کج جکلو ورت بایک نیاد لاقه جکلو ورت  
 جاهته سنگه جکلو مفاد فزاج منجوری فد کیت ایت جاهته  
 جکلو ورتا هیلیج اورغ یغ منجوری هیتیم ورتا نانا فاقه

دکلات

ناسی امتت لیهسن نانو امتت کمنه تابوتیگر گره یغی بانوایت بویراکن فد لیسر انو  
 جواتا بوایت بویراکن گیتکن لیهسن ایت مکن منتر اکرده تانم کند اریغای چا  
 لغ ساقو لیسر یغی بر این بانوایت یغی ناس ایت تیگی لیسر ایت بر یگان  
 کاجد دانوایت ماکن یغی تابوایت تیگر گره ایت بر یگان کاجد هونت  
 ماکن تانم سده مکن ماسوگون چالغ انیل منتر اکرده افر چالغ کت  
 تَبُوَسَدَيِ اَنْوَانَ جَالِغِ كَانْ فَاتْ تَنَبَافْ رَتَّ جَالِغِ  
 كَانْ فِي جَالِغِ سَدَيِ **بَاب** ائی چم کمدل امیل لایه بشر  
 یغی مات بر اگم ته کد سهار ی بولون بر ی ماکن کیر لاف نهاری بولون بر ی  
 ماکن دو ایگر ته کد و نه بر لایه بر ی له ماکن تیگر ایگر سچیا جمل کاجد ایت  
**بَاب** ائی حکمه منجینان کاجد سفیا جیف باشت امیل ناسی لیم کند  
 هوجغی تابو لیم گره مکن منتر اکرده فد ناسی ایت دان تابوایت ناسی بر یگان  
 کاجد دانو ماکن کاجد هونت ایت بر ی مار بولورده ماکن ماسوگون چالغ  
 ائی منتران افر نَبْرُ تَرِغْ تَرِي سَدَيِ مَنَدَيِ لُتُونْ  
 تَرِغْ تَرِي **بَاب** ائی حکمه منجینان کاجد سفیا باشت جینه مکن امیل  
 بانغی سهار ی رات توجده فون **بَاب** ائی حکمه منجینان کاجد سفیا باشت جینه مکن امیل



ditulis dengan dakwat warna merah yang lain-lain dakwat warna hitam sepertimana kelaziman pada manuskrip-manuskrip yang lain-lain. Perkataan-perkataan atau rangkai-kata yang ditulis dengan dakwat warna merah seperti: 'Fasal ini pada menyatakan', 'Fasal ini ketika', 'Fasal ini', dan juga setengah-setengah perkataan dalam beberapa rajah. Terdapat lapan rajah dalam naskah ini.

Isi kandungan manuskrip atau naskah ini diantaranya ialah memberi fihrasat baik buruk pada ketika seseorang itu berjalan (melakukan perjalanan), lain-lain ketika yang baik didalam setiap bulan tahun Hijrah untuk seseorang itu hendak membuat atau melakukan sesuatu seperti hendak membuat perjalan, berpindah rumah atau tempat kediaman, menetapkan hari pertunangan, akad nikah dan sebagainya.

Manuskrip ini pernah dimiliki oleh Haji Mohd Yusof bin Cek Keling, Kota Bharu dan kemudian diwarisi pula oleh Haji Nik Mohd Salleh bin Nik Mat, bapa kepada penulis.

f) *Umum*

i) *Naskah Gajah*

Manuskrip ini mengandungi 69 halaman, berukuran 25.1 x 17.3 sentimeter, 15 baris pada setiap halaman.<sup>129</sup> Tiada lengkap kerana halaman-halaman permulaan (1, 2 dan mungkin 3) dan penghabisannya telah hilang atau musnah dimakan serangga. Tulisannya masih terang dan tertulis diatas kertas jenis tebal. Taida diketahui siapa penulisnya dan juga tiada disebut tarikh bila manuskrip itu ditulis atau disalin.

Naskah Gajah ini memberi petua dan peraturan-peraturan untuk menjinakan gajah, buka mulut gajah, hendak naik (tunggang) gajah, mengubat gajah sakit dan gila, menjerat gajah dan petua mengenai gajah bertuah dan gajah celaka.

Satu hal yang agak menarik ialah mentera dan jampi gajah itu walaupun ditulis dalam tulisan jawi, tetapi menggunakan sistem baris seperti bahasa Arab. Apabila dibaca bunyi mentera atau jampi itu seperti sebutan dalam bahasa Thai/Siam. Walau bagaimanapun pada beberapa halaman terdapat juga sejumlah doa dalam bahasa Arab; Manuskrip itu tiada berkulit dan mungkin telah musnah/hilang.

ii) *Kitab Batu Permata*

Manuskrip ini mengandungi 50 halaman, berukuran 12.2 x 20.4 sentimeter dan tebalnya 0.2 sentimeter.<sup>130</sup>

Kitab atau manuskrip ini adalah naskah terjemalahn daripada bahasa Arab. Judul asal manuskrip ini dalam bahasa Arab ialah: "Randh

129 "Manuskrip Melayu Kegemilangan Tamadun Melayu: Katalog Pameran", Siri bibliografi manuskrip No. 6, Perpustakaan Negara Malaysia, 1990, hlm. 56. Naskah ini telah diperolehi oleh penulis daripada Raja Ismail, Kampung Kemuning, Macang, Kelantan pada tahun 1964 dan telah dihidiahkan oleh penulis kepada Perpustakaan Negara Malaysia pada 23.4.88 dan diberi rujukan 790/PNM.

130 "Katalog Bahan Pameran Manuskrip Islam", di Balai Pameran Islam, Pusat Islam Malaysia: 5 September-5 Oktober 1986, hlm. 51.

سالمی نسخہ ای بورج ای امیل  
درفد نسخہ توان سید عبد الرحمن بی المرجوم  
سید سہمی یمد ووق دکھوئے فقہ ربی  
کائنات

بی فہمات فصل فہمات نسخہ بورج  
کیتا بر یقار توہا ایت فرماتہ و اولد و ک  
اد بورج ایت فاروہی فونہ کاکئی  
فون ہارہ سواران کرسی نزلو بر توہا بورج ایت  
جکل ار بورج ایت فاروہی فونہ مکا ابر تقی بسر  
دان کاکئی ہارہ بولو سہمی بر مق نیک بلید  
سواران بسر اکی کرسی بورج ایت بر توہا اکی  
فونہ جکل ار بورج ایت فاروہی فونہ مکا ابر تقی  
ہا کرسی کاکئی ہارہ ہواہ واد بر مق بولو  
سواران ہا کرسی ہارت بورج ایت ہا ہا ہا  
دروہہ حرکت ہا ہا کرسی جکل ار بورج ایت ہا ہا  
فونہ در فہمات کاکئی ہارہ فوجت ہا ہا ہا ہا  
فونہ جکل اراد فونہ سواران فونہ لاکئی فارو  
کند فہمات بورج ایت ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا  
ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا  
ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا  
ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا  
ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا  
ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا ہا



دانلاکي دفاير سکاواقا بار عسان مایه کنده کما کلمه اوله  
راج اتو سنتر و او اوره بستر کاین فون کلیمه ندان لسان  
سفر اوره میناروه اینتی یینبارک تیار وافت دعو کاین  
د ماینده بر فون اوره اینه و لاله اعلم یه

فصل فیما بین کاین کلمه بوجه کتب و بجملا  
ار فون اینم جلا کاینه جائی تی رفلیه اوله هفت فون مینار  
فاروقی و ماسله جلا کاین فر تمان جلا و اوره اینه فاروقی  
ر مکی نر لاله جلا کاینه و اوره اینه جلا کاینه فون  
جلا رجور کینل جلا اوره اینه کاین بر باوان اینسون  
جلا رجور کاینست جلا اوره اینه کاین فعیتم اینسون  
جلا رجور کاینست جلا اوره اینه فاروقی کینه مسله باوق  
نه اینسون جلا رجور کاینست جلا اوره اینه بالیق فون  
اینسون جلا رجور بوجه کاینست جلا اوره اینه  
میرود فون اوره اینه جلا رجور کاینست اداست

لدو اینه جلا اوره اینه بوجه اینه بوجه اینسون  
جلا رجور کاینست جلا اوره اینه بوجه اینه بوجه کور  
کونست اینسون جلا رجور کاینست جلا اوره اینه  
اینه کونست کور بوجه اینه بوجه جلا کاینست جلا اوره اینه  
اینه کونست کور بوجه اینه بوجه جلا کاینست جلا اوره اینه  
تیار بولون اینسون جلا رجور بوجه کاینست جلا اوره اینه  
جلا اوره اینه فاروقی کینه مسله اینسون  
جلا رجور بوجه اینه و لاله اعلم

بسم الله الرحمن الرحیم

Naskah Burung Ketitir (halaman penghabisan)

ماكن التوميم التويدس دان مكره ماكن التوميم التوجام قول التويدس  
 اورغش جنوب ايتدهود درغدهمبده دكرت دان و فليل و ضووت دان مكره  
 اش سوامهت منيدك كلفد خرج لسق من تشكال جماع التولايين دان منيدك كلفد  
 باطن مزج تركبه كرس مكره هت دان و صليين ايت موارين بو تاشايغ منيدك  
 التويدس التوقا تو بو تاشاهانين دان مكره بركات ۲ هت منيدك جماع دان  
 حرام صغيركن برغم كلاكون بئح حاصل اننار كدولوك بسترين لان دسكيدلاك  
 جماع وند مالم فرملا لا بولرد دان مالم كسد هلا بولرد دان مالم فرملا هلا  
 بولرد كارن اسكايي ايت اسطهان حاضراي فد كليل مالم ايت كره اورغش جماع  
 مكره جماع اي سرتان دله و منيدك كان امام الغزالي رحمه الله تعالى عنه فد كتاب  
 ايهاء العلوم الدير دان اسكياي حال جنب تشا و حبه منيدك اي كمد بن درفد  
 جماع تباد غشا دان خبركن درغه امام اشافع رضي الله عنه مهورس مالم  
 بئح بركبه بايكه جماع ددالمن ايت مالم جمعة دان مالم المنبي دان مالم  
 حيدر بن ابني صلى الله عليه وسلم ادي جماع فد مالم يعقز من ايت تشا و منفه  
 تباد فرملا دان تباد كسود هلا تباد فرملا هلا دان مكره  
 جماع فد شيخ هاري منيدك دو هاري جو تباد مكره ددالمن بايت ها  
 رجمعت ددالمن ايتي خلس دان هارس جماع دغني فرمولا بئح بتغ دغني  
 تباد مكره هلك لور انقده مكره ايت مكره كارن كان تشقه علماء مكره  
 جماع دغني فرمولا بئح بو تاشا فيل ادبو تشقه ايت توجه بولرد والله  
 اعلم شهدات ترسبه ددالمن كتاب كنز الاختصار مبلو كلاكون جماع ايت  
 ايت بايو تشقه صغيري مضرة دان تشقه صغيري منقفة دان جماع ه  
 بئح صغيري مضرة ايت جماع برديري ساعه جاهت كارن موارين فباكتيه  
 ففلك دان كسوتن دان مله منيدك لونت دان جماع بر بارغ فد شيخ ه  
 ايت ساعه جاهت كارن موارين فباكتيه ففلك دان فباكتيه كندغ دان  
 دان تركو بئح مني مكره منيدك كود بوس فدالمن ذكره دان اش كلاكون لان  
 دباوه دان فرمولا درغني بر تشا و فد دان اياه فرمولا كلاكون لان بايت

Al-Zawahir Fi Bayani Kha-Was Al-Jawahir". Telah diterjemahkan kedalam bahasa Melayu (Jawi) oleh Ibnu Abdul Rahman Al-Fatani yang telah disalin pula dari Zikir Daud Al-Intakiyah.

Manuskrip ini telah dimiliki oleh Raja Bendahara Ibnu Raja Kelantan.<sup>131</sup> Telah diperolehi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan diberi rujukan MS 4. Dikatakan manuskrip ini berusia 200 tahun dan dengan itu bolehlah diandaikan bahawa terjemahan kitab atau manuskrip ini telah dibuat oleh penulis yang berkenaan disekitar tahun 1780 Masihi.

Manuskrip ini memperkatakan khusus mengenai batu-batu permata dan rahsia hikmatnya.

iii) *Naskah Burung Ketitir*

Manuskrip ini mengandungi hanya tiga (3) halaman berukuran 13 x 20 sentimeter dan 7 hingga 9 perkataan pada setiap baris.<sup>132</sup>

Mengikut catatan pada halaman pertamanya dikatakan bahawa "Salinan naskah ini burung ini diambil daripada naskah Tuan Syed Abdul Rahman bin almarhum Syed Hussein yang duduk di Kampung Pancur, Panji," Kota Bharu, Kelantan.

Naskah ini memperkatakan jenis burung ketitir yang bertuah dan yang celaka.

iv) *Kitab Bustan as-salatin-(Bab 1)*

Manuskrip ini mengandungi 58 halaman, berukuran 21.2 x 16.5 sentimeter dan 18 baris pada setiap baris.<sup>133</sup> Dalam bahasa Arabnya manuskrip ini berjudul "Aminu Khalaq as-samaawaati wal ard" dan karya Syaikh Nuruddin ar-Raniri diatas perintah Sultan Iskandar Thani yang diterima pada 17 syawal tahun 1047 Hijrah atau bersamaan dengan 4 Mac tahun 1683 Masihi. Bustan as-salatin ditulis didalam 7 bab dan manuskrip ini merupakan Bab 1.

Manuskrip ini ialah salinan yang telah dibuat oleh Abdul Rahman pada 9 Rabiul-awal (tahun 1840-an Masihi) di Kelantan.

Manuskrip ini ada tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia dengan rujukan MS 781(1) PNM.

v) *Kitab Jima'*

Manuskrip ini mengandungi 10 halaman, berukuran 24.1 x 14.2 sentimeter dan 25 baris pada setiap halaman.<sup>134</sup> Tiada lengkap. Disalin oleh Encik Abdullah, orang Kelantan pada hari Rabu, bulan Syawal, tetapi tahun berapa tiada pula dicatat. Tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia dibawah rujukan MS 590/PNM.

131 Raja Bendahara Ibnu Raja Kelantan mungkin rujukan kepada Tuan Kundor bin Sultan Ahmad. Pada tahun 1886 Masihi Tuan Kundor digelar Raja Bendahara dan pada tahun 1890 Masihi baginda menaiki takhta Kelantan sebagai Sultan Muhamad III (1890-1891 Masihi).

132 Manuskrip ini telah diperolehi daripada Nik Abdul Rahman bin Haji Abdul Kadir, Kota Bharu pada tahun 1964.

133 "Katalog Pameran Manuskrip Melayu" Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 36.

134 PNM, 1990, hlm. 10.

Catatan yang telah dibuat diatas dengan jelas menunjukkan di negeri Kelantan ada banyak juga manuskrip Melayu, 41 diantaranya telah dapat ditemui dan dikenalpasti sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Disamping itu, ada lagi beberapa naskah manuskrip yang telah ditemui di Kelantan seperti: *Hikayat Alfu Lailah* (atau Hikayat Seribu Satu Malam); dan *Hikayat Nurul Lisan Menjawab Masaalah* setebal 79 halaman, berukuran 15 x 20 sentimeter yang telah selesai dibuat salinannya pada 21 Jun 1943 Masihi. Kedua-dua manuskrip tersebut tiada dibincangkan didalam essei ini kerana penulis ketiadaan maklumat yang lebih 'detail' mengenainya. Dan lagi besar pula kemungkinan ada lagi manuskrip-manuskrip Melayu yang lain-lain lagi yang telah ditemui di Kelantan oleh orang-orang perseorangan atau yang masih lagi disimpan oleh orang-orang perseorangan atau keluarga-keluarga tertentu. Saya harap lambat laun, sebelum terlambat, manuskrip-manuskrip tersebut akan dapat diperolehi dan disimpan oleh instituti-institusi pendidikan seperti Perpustakaan Negara Malaysia dan Pusat Islam Malaysia. Satu perkara yang perlu diambil ingatan ialah tidak semua manuskrip Melayu yang telah ditemui di Kelantan itu merupakan karya asli penulis Kelantan sendiri, bahkan ada diantaranya merupakan naskah salinan daripada naskah yang asal yang telah sampai di Kelantan di zaman yang lalu.

Akhirnya penulis mengharapkan essei atau tulisan ini akan menambah serta memperkayakan lagi pengetahuan para pembaca mengenai manuskrip Melayu yang merupakan satu-satunya warisan tamadun bangsa Melayu.

### Bibliografi

A.H. Edrus, "Pengajian Kesah Pelayaran Abdullah Munshi"

Qalam, Singapura, 1960.

Howard, Joseph H., "Malay Manuscripts" University of Malaya Library, Kuala Lumpur, 1966.

\_\_\_\_\_, "Katalog Bahan Pameran Manuskrip Islam" Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1986.

\_\_\_\_\_, "Katalog Manuskrip Melayu Di Belanda" (Catalogue of Malay Manuscripts in the Netherlands), Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1985.

\_\_\_\_\_, "Katalog Manuskrip Koleksi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka" Kuala Lumpur, 1983.

\_\_\_\_\_, "Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Satu Katalog Ringkas" Perpustakaan Negara Malaysia, (Siri bibliografi Manuskrip No: 2) Kuala Lumpur, 1987.

\_\_\_\_\_, "Katalog Ringkas Manuskrip Melayu Di Perpustakaan Negara Malaysia" (Manuskrip Melayu Warisan Budaya Negara) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.

\_\_\_\_\_, "Manuskrip Melayu Warisan Budaya Negara" Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.

\_\_\_\_\_, "Katalog Manuskrip Melayu Mikroform Perpustakaan Negara

- Malaysia" (Siri bibliografi manuskrip No. 4) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1989.
- Nik Mahmud bin Ismail, "Ringkasan Chetra Kelantan" Al-Matbaah Al-Asasih Company Kelantan, Kota Bharu, 1934.
- Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, "Perkembangan Penulisan Sejarah Kelantan dan Tinjauan mengenai sumber-sumbernya" dalam 'WARISAN KELANTAN' bil. 3, 1984, hlm. 1-37.
- 
- \_\_\_\_\_, "Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia" (Siri bibliografi manuskrip No. 5), Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1989.
- 
- \_\_\_\_\_, "Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia" (Siri bibliografi manuskrip No. 6) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1990.
- 
- \_\_\_\_\_, "Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas, Tambahan Pertama", Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Mslaysia, 1990. (Siri bibliografi manuskrip No. 7).

Catatan yang telah dibuat diatas dengan jelas menunjukkan di negeri Kelantan ada banyak juga manuskrip Melayu, 41 diantaranya telah dapat ditemui dan dikenalpasti sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Disamping itu, ada lagi beberapa naskah manuskrip yang telah ditemui di Kelantan seperti: *Hikayat Alfuz Lailah* (atau Hikayat Seribu Satu Malam); dan *Hikayat Nurul Lisan Menjawab Masalah* setebal 79 halaman, berukuran 15 x 20 sentimeter yang telah selesai dibuat salinannya pada 21 Jun 1943 Masihi. Kedua-dua manuskrip tersebut tiada dibincangkan didalam essei ini kerana penulis ketiadaan maklumat yang lebih 'detail' mengenainya. Dan lagi besar pula kemungkinan ada lagi manuskrip-manuskrip Melayu yang lain-lain lagi yang telah ditemui di Kelantan oleh orang-orang perseorangan atau yang masih lagi disimpan oleh orang-orang perseorangan atau keluarga-keluarga tertentu. Saya harap lambat laun, sebelum terlambat, manuskrip-manuskrip tersebut akan dapat diperolehi dan disimpan oleh instituti-institusi pendidikan seperti Perpustakaan Negara Malaysia dan Pusat Islam Malaysia. Satu perkara yang perlu diambil ingatan ialah tidak semua manuskrip Melayu yang telah ditemui di Kelantan itu merupakan karya asli penulis Kelantan sendiri, bahkan ada diantaranya merupakan naskah salinan daripada naskah yang asal yang telah sampai di Kelantan di zaman yang lalu.

Akhirnya penulis mengharapkan essei atau tulisan ini akan menambah serta memperkayakan lagi pengetahuan para pembaca mengenai manuskrip Melayu yang merupakan satu-satunya warisan tamadun bangsa Melayu.

### Bibliografi

A.H. Edrus, "Pengajian Kesah Pelayaran Abdullah Munshi"

Qalam, Singapura, 1960.

Howard, Joseph H., "Malay Manuscripts" University of Malaya Library, Kuala Lumpur, 1966.

\_\_\_\_\_, "Katalog Bahan Pameran Manuskrip Islam" Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1986.

\_\_\_\_\_, "Katalog Manuskrip Melayu Di Belanda" (Catalogue of Malay Manuscripts in the Netherlands), Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1985.

\_\_\_\_\_, "Katalog Manuskrip Koleksi Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka" Kuala Lumpur, 1983.

\_\_\_\_\_, "Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Satu Katalog Ringkas" Perpustakaan Negara Malaysia, (Siri bibliografi Manuskrip No: 2) Kuala Lumpur, 1987.

\_\_\_\_\_, "Katalog Ringkas Manuskrip Melayu Di Perpustakaan Negara Malaysia" (Manuskrip Melayu Warisan Budaya Negara) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.

\_\_\_\_\_, "Manuskrip Melayu Warisan Budaya Negara" Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.

\_\_\_\_\_, "Katalog Manuskrip Melayu Mikroform Perpustakaan Negara

- Malaysia" (Siri bibliografi manuskrip No. 4) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1989.
- Nik Mahmud bin Ismail, "Ringkasan Chetra Kelantan" Al-Matbaah Al-Asasih Company Kelantan, Kota Bharu, 1934.
- Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, "Perkembangan Penulisan Sejarah Kelantan dan Tinjauan mengenai sumber-sumbernya" dalam 'WARISANKELANTAN' bil. 3, 1984, hlm. 1-37.
- \_\_\_\_\_, "Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia" (Siri bibliografi manuskrip No. 5), Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1989.
- \_\_\_\_\_, "Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia" (Siri bibliografi manuskrip No. 6) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1990.
- \_\_\_\_\_, "Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas, Tambahan Pertama", Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, 1990. (Siri bibliografi manuskrip No. 7).

## **Gambar-gambar Warisan Lama**








*Tengku Ismail bin Sultan Muhamad IV (Raja Kelantan – bakal pertama) dengan seorang puteri diraja Kelantan (tiada diketahui namanya). Gambar ini telah diambil disekitar tahun 1915.*




*Tengku Muhamad Petra bin Tengku Idris (Tengku Sri Utama Raja) dengan isterinya Tengku Kembang binti Sultan Muhamad IV (Tengku Maharani Puteri). Gambar diambil disekitar tahun 1925.*




*Haji Wan Ishak bin Haji Abdullah Imam. (Pernah menjadi Mufti Kelantan pada tahun 1908).*



*Perarakan Burung Petala Wati di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1933 sempena upacara berkhawatir Tengku Long Yunus, putera kepada Tengku Zainal Abidin bin Sultan Muhammad III (Raja Muda). Gambar menunjukkan perarakan sedang melalui Jalan Post Office Lama, Kota Bharu. Disebelah kiri ialah kawasan Istana Tengku Bendahara (Tengku Cik Abdallah bin Sultan Ahmad) dan disebelah kanan pula ialah pagar dan kawasan bangunan bank (Bank Kerapu). Orang yang berbaju hitam dan berkopiah putih keras yang duduk dibucu tukok diatas burung itu ialah Haji Ahmad Imam Besar Masjid Muhammadiyah di Kota Bharu.*



*Usungan Burung Petala Wari sedang diletakan dihadapan Batu Peringatan di Padang Bank, Kota Bharu. Di belakang Batu Peringatan itu kelihatan Pintu Gerbang yang didirikan di hadapan Istana Balai Besar.*



*Perarakan Burung Petala Wati sedang melalui Jalan Post Office Lama, Kota Bharu menuju ke Kota Raja Muda (Tengku Zainal Abidin bin Sultan Muhammad III). Disebelah kiri ialah Padang Bank. Di belakang mengikuti usungan Burung itu ialah pasukan rebana dan gamelan. Gambar ini telah diambil daripada bangunan bank (Bank Kerapu).*

## **Biodata Penulis**





**DRS. ABDUL RAHMAN AL-AHMADI (ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMED)** — Dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1931. Belajar di Sekolah Melayu, Pasir Mas, Madrasah Jame' Merbau, Kota Bharu (1942-46); Sekolah Menengah Pertama, Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia (1947); Sekolah Menengah Atas, Jakarta, Jawa, Indonesia (1950); Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, Jawa Tengah, Indonesia dan mendapat ijazah Doktorandus (Sarjana) dalam jurusan Hubungan Antarabangsa (1961); Universiti Malaya, Lembah Pantai, Kuala Lumpur untuk ijazah Sarjana dalam jurusan Sejarah (1978); dan mengikuti kuliah Ph.D. di l'Ecole des Hautes Etudes en Science Socials, Paris, Peranchis (1980-81).

Dari tahun 1964-69 menjadi Pengarang majalah 'Dian', Pustaka Dian Press, Kota Bharu, mengajar di Institute Pendidikan Kota Bharu, memberi kuliah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kota Bharu, menjadi Pengetua Maktab Adabi Kota Bharu (1971-72), kemudian menjadi Pengetua Maktab Adabi Pasir Mas (1973-75); dan pensyarah sambilan di Institut Bahasa Kesusasteraan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Lembah Pantai, Kuala Lumpur (1976-78). Sejak dari Jun 1975 berkhidmat sebagai Ketua Unit Ensiklopedia Budaya, Cawangan Penyelidikan, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (sejak dari tahun 1988 dipanggil Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan).

Telah menerbitkan beberapa buah buku berjudul: 'Pengantar Sastera' (1966), 'Pengantar Ilmu Politik' (1966), 'Detik-Detik Sejarah Kelantan' (1971), 'Pengantar Budaya dan Masyarakat', 'Sejarah Kebudayaan Prasejarah di Malaysia', 'Kalung Bunga', 'Tokoh dan Pokok Pemikiran Tuk Kenali', dan 'Sejarah Kedatangan Islam Ke Asia Tenggara' (1981).

Di samping itu telah menulis banyak rencana berkaitan dengan aspek-aspek sejarah, agama, sastera, falsafah, kebudayaan dan politik yang disiarkan dalam beberapa majalah tempatan seperti 'Dian', akhbar 'Mingguan Kota Bharu' dan majalah-majalah terbitan di Kuala Lumpur, Jakarta dan Yogyakarta, Indonesia serta Journal Archipel Paris. Juga membentang kertas-kertas kerja di seminar-seminar Peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa. Ada 40 kertas kerja yang pernah dibentangkan di seminar-seminar sejak tahun 1975-1988 di antaranya ialah:

- i. Simposium Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Tradisi November 1982 di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan
- ii. Pertemuan Dunia Melayu di Melaka, Disember 1982.
- iii. Kuliah Budaya di Kedutaan Besar Republik Indonesia di The Hague, Netherland, Mei 1985
- iv. Seminar Kebudayaan Minangkabau di Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia, Ogos 1985.
- v. Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Malaysia-Indonesia di Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, Indonesia, November 1986.
- vi. Temu Budaya Sulawesi Selatan di Taman Ismail Marzuki, Jakarta, Indonesia, Disember 1986.

- vii. Seminar Campa – Actes Du Seminaire Sur le Campa di Universiti Copenhagen – Denmark, Mei 1987.
- viii. Seminar Sehari Tamadun Melayu Campa di Kuala Lumpur, September 1988.
- ix. Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Kedua di Kuala Lumpur, Ogos 1989.

**ABDULLAH BIN MUHAMED (Nakula)** – Dilahirkan di Kampung Kubang Pasu, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1931. Belajar di Madrasah Muhammadiyah anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan; Sekolah Menengah Arab Madrasah Jame' Merbau, Kota Bharu; Sekolah Menengah Arab Madrasatul-Islah, Kota Bharu; dan Sekolah Menengah Muahad Al-Muhammadi, Kota Bharu. Pada awal tahun 1956 berkhidmat sebagai guru agama di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu dan dari tahun 1962 berkhidmat sebagai guru agama di sekolah rendah di Kelantan. Beliau bersara pada tahun 1988 yang lalu.

Sejak dari kecil lagi sangat gemar membaca dan kemudian menyelidik, mengkaji dan menulis. Beliau meminati pelbagai bidang ilmu seperti agama Islam, sejarah, politik, astronomi, falsafah, ilmu jiwa dan budaya. Di samping menulis beliau juga giat dalam bidang penterjemahan dengan menterjemah ke bahasa Melayu sejumlah buku Arab yang berkaitan dengan politik, falsafah, sejarah, ilmu jiwa dan astronomi.

Telah banyak menulis rencana-rencana dan esei-esei mengenai aspek-aspek agama Islam, politik, falsafah, sejarah, astronomi dan kebudayaan yang disiarkan di dalam majalah-majalah tempatan seperti "Pengasuh", "Majalah Kelantan" "Mastika" "Pelajar" (majalah G.P.M.S.), dan "Kehidupan" (Singapura), akhbar-akhbar seperti "Warta Negara" "Utusan Melayu" dan "Utusan Zaman"; dan jurnal-jurnal seperti "Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan", "Warisan Kelantan" dan lain-lain lagi. Dari tahun 1944 hingga sekarang telah menerbitkan sebanyak 7 buah buku bacaan umum mengenai aspek-aspek ekonomi, astronomi, agama dan falsafah. Buku-buku itu telah dicetak oleh The United Press P. Pinang, Pustaka Dian Press, Kota Bharu, Kelantan, dan Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan. Beliau juga telah menyusun sebanyak 14 buah buku teks sekolah mengenai pengajian agama Islam dan sejarah Islam dan telah dicetak oleh Pustaka Dian Press, Pustaka Aman Press dan Penerbitan Bintang Emas, Kota Bharu, Kelantan. Di samping itu beliau telah menyediakan atau menulis kira-kira 40 buah lagi buku mengenai sejarah, agama Islam, sejarah Islam dan falsafah yang hampir semuanya masih belum dicetak. Abdullah bin Muhamed (Nakula) adalah seorang penulis yang amat gigih dan produktif kerana di samping 14 buku teks dan 40 buku umum beliau sempat pula menyediakan sejumlah rencana/esei dan kertas kerja untuk ceramah-ceramah dan seminar-seminar.

Abdullah bin Muhamed (Nakula) merupakan salah seorang daripada pengasas Persatuan Sejarah Kelantan yang telah ditubuhkan pada tahun 1964. Beliau menjadi ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan itu dan juga Pengarang Kehormatannya.

Dalam tahun 1976 apabila Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ditubuhkan, beliau adalah salah seorang ahli Jawatankuasa yang pertama dan telah banyak memberi sumbangan buah fikiran terhadap penubuhan dan perkembangan Muzium Negeri Kelantan. Pada tahun 1980 beliau menjadi ahli Jawatankuasa

Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan. Kemudian menjadi Timbalan Pengarah II Majlis tersebut dan pada tahun 1985 dilantik pula menjadi Ketua Bahagian 'Nilai dan Norma'.

Beliau juga mengambil bahagian aktif dalam seminar-seminar dan sesi-sesi ceramah yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu seperti: Seminar anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang diadakan di Alor Star, Kedah pada tahun 1977; Seminar Wayang Kulit di Port Dickson pada tahun 1979; Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu Kelantan tahun 1980 anjuran KKBS; International Conference on Islam and Technology di Kuala Lumpur, pada tahun 1983 anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Regional Seminar on the Search for Identity in Architecture di Kuala Lumpur pada tahun 1983 anjuran UTM; dan Seminar Sehari Sejarah dan Tamadun Melayu Campa di Kuala Lumpur pada tahun 1988 anjuran bersama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia dan Ecole Francaise D'Extreme-Orient (Sekolah Pengajian Timur-Jauh Perancis).

**MUSTAFA BIN IBRAHIM** – Dilahirkan di Kampung Kepulau, daerah Mo'rat dalam jajahan Tumpat, Kelantan pada 16 Januari 1948. Belajar di Sekolah Melayu Mo'rat. Kemudian menyambung pelajarannya di Maahad Muhammadi (Bahagian Arab) di Merbau, Kota Bharu sehingga darjah tujuh pada tahun 1968. Sejak di bangku sekolah lagi, beliau amat meminati seni, budaya dan adat istiadat Melayu dan banyak membaca mengenainya serta juga luas bergaul dengan mereka-mereka yang pakar dalam adat istiadat dan seni budaya Melayu di kampungnya.

Dari tahun 1969 hingga tahun 1972, Encik Mustafa bin Ibrahim bekerja sebagai jurugambar sambilan dengan akhbar Utusan Melayu di Kota Bharu. Pada tahun 1975, beliau berkhidmat dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Penyelia Projek Belia Peladang Negeri sehingga tahun 1978. Setelah itu beliau berkhidmat pula dengan KOBENA (Koperasi Belia Nasional Berhad) sebagai Penyelia KOBENA Negeri Kelantan sehingga sekarang.

Pernah menulis secara sambilan rencana-rencana mengenai dengan perkembangan Pantai Cinta Berahi dan projek pertanian di Negeri Kelantan.

**MOHD. KAMARUZAMAN A. RAHMAN** – Dilahirkan di Lemal, Pasir Mas, Kelantan 4 Mei 1953. Belajar di Sekolah Kebangsaan Pasir Mas; Sekolah Kebangsaan Padang Garong, Kota Bharu, Sekolah Kebangsaan Serting Hilir, Bahau; Sekolah Menengah Tunku Durah, Seremban (1966-1970); Maktab Perguruan Mohd Khalid, Johor Bharu (1973-1974); Universiti Kebangsaan Malaysia dengan mendapat ijazah B.A. (Hons) dalam bidang sejarah; Case Western Reserve University, Cleveland, Ohio, dan berjaya mendapat M.A. dalam bidang Antropologi/Arkeologi (1984). Sekarang sedang membuat Ph.D dalam bidang arkeologi di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sejak dari tahun 1975 berkhidmat sebagai guru di sekolah rendah dan menengah Jengka, Pahang. Mulai bulan Disember 1981 hingga sekarang berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pernah menjadi Pemangku Ketua, Jabatan Sejarah Universiti tersebut pada tahun 1986.

Bidang pengkhususan beliau ialah pra-sejarah Asia Tenggara dengan tumpuan kepada Malaysia. Mempunyai pengalaman galicari arkeologi di Amerika Syarikat, Singapura dan juga di Malaysia.

Beliau pernah membentangkan kertas-kertas kerja di seminar-seminar yang diadakan di Malaysia dan juga diluar negeri seperti di Amerika Syarikat, Thailand, Indonesia dan Filipina. Beliau juga ikut serta dalam projek penyelidikan arkeologi anjuran "SEOMEO Project in Archaeology and Fine Arts (SPAFA)" di Singapura dan Filipina.

Encik Mohd. Kamaruzaman A. Rahman adalah seorang yang aktif dalam persatuan. Beliau ialah Setiausaha, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (IAAM) sejak tahun 1986, fellow Borneo Research Council dan menjadi ahli Indo Pacific Prehistory Association (IPPA), ahli Malaysian Branch, Royal Asiatic Society (MBRAS) dan ahli Persatuan Sejarah Malaysia.

Tulisan beliau telah terbit dalam beberapa buah prosiding, jurnal dan buku. Antaranya ialah 'The Chandis of Bujang Valley - An Insight into its Chronology', *Proceedings The 2nd Intra-ASEAN Archaeological Excavation and Conservation, Bujang Valley, Kedah, 1985*, 'Chief-cha and Its Monumental Remains' (bersama dengan Prof. Madya Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman), *Proceedings The Early Southeast Asia Research Conference*, Bangkok and Nakhon Pathom, 1985, 'Penasihat Inggeris dan Kemajuan Kemasyarakatan di Kelantan (1910-1020)', *Jurnal Sejarah Kelantan*, Bil. 4, 1987/88; Laporan Bersama, 'The Fourth Intra-ASEAN Archaeological Excavation and Conservation Workshop Report', Singapore, 1988, 'Penyelidikan Awal di Timur Sabah (bersama Ibrahim Kalali)', *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Bil. 1, 1988, 'Perkembangan Penyelidikan Arkeologi di Sabah', dalam Nik Hassan Shuhaimi drk (eds.), *Sumbangsih: Kumpulan Esei Sejarah*, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988, 'Penelitian Awal Tentang Manik di Malaysia', *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Bil. 2, 1989, 'Galicari Gua Bukit Taat, Hulu Terengganu, Terengganu. Satu Kajian Awal (bersama dengan Prof. Madya Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman)', *Prosiding Pertemuan Ilmiah Arkeologi V*, Jakarta, 1989; 'Tapak Pra-sejarah Gua Bukit Taat Hulu Terengganu (8920 + 120 B.P. - 2630 + 80 B.P.)' (bersama dengan Prof. Madya Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman dan Mohd. Yusof Abdullah), *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Bil. 3, 1990; 'Arkeologi di Selatan Thailand', *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Bil. 3, 1990, dan 'Penyelidikan Arkeologi di Negeri Kelantan', *JEBAT*, Bil. 18, 1990.

**NIK MOHAMED BIN NIK MOHD SALLEH** - Dilahirkan di Jalan Tuk Semian, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1935. Belajar di Sekolah Melayu Padang Garong; Sekolah Arab Islam; Ismail English School; Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu; Maktab Melayu. Kuala Kangsar dan Universiti Malaya di Singapura dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan sejarah (B.A. Hons. in History) pada awal tahun 1960. Kemudian mendapat Diploma dalam Hubungan Antarabangsa daripada Institute of Social Studies di The Hague, negeri Belanda pada tahun 1970.

Pada tahun 1960 memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia dan pernah berkhidmat di Perak, Kelantan dan Kuala Lumpur. Dari awal tahun 1966 hingga tahun 1974 berkhidmat di Kementerian Luar Negeri, dari tahun

1974 hingga tahun 1981 di Jabatan Perdana Menteri, dari Mac 1981 hingga Oktober 1987 memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri, dan dari 1 November 1987 sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya. Beliau bersara daripada perkhidmatan kerajaan pada 12 Mei 1990. Beliau adalah salah seorang pengasas Persatuan Sejarah Kelantan (PSK) dalam tahun 1964, menjadi Setiausaha Kehormat PSK dari tahun 1964 hingga 1965. Sejak dari tahun 1981 menjadi ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur dan dari tahun 1979 menjadi ahli Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan pada tahun 1983 dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Pada tahun 1986 menjadi ahli Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (Association of Malaysian Archaeologists).

Telah menulis beberapa rencana mengenai sejarah Kelantan dalam beberapa majalah, jurnal dan juga akhbar tempatan. Di antara rencana-rencananya yang terpenting ialah: "Catatan Ringkas Tentang Sumber-sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan" dalam jurnal Persatuan Sejarah Kelantan, bil. 1 Tahun 1964/65; "Sengketa Atas Takhta Kelantan Dalam Abad Ke-19 Masihi" dalam jurnal Sejarah Universiti Malaya, Tahun 1971-72, "Kelantan in Transition: 1900-1910" dalam buku berjudul "Kelantan: Religion, Society, and Politics in a Malay State" editan William R. Roff, Oxford University Press, 1974; "Mengkaji Salsilah Long Yunus Kelantan" dalam jurnal Persatuan Sejarah Kelantan, Tahun 1974/75"; "Salsilah Raja-raja Kelantan" (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu pada 12-15 April, 1980); "Maktab Sultan Ismail dalam Kenangan" (dalam majalah khas Jubli Emas Maktab Sultan Ismail, 1936-1986); "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan" (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Arkeologi Malaysia dengan Tumpuan Khusus kepada negeri Kelantan, di Kota Bharu, pada 22-24 Ogos 1986); "Pemerintahan BerRaja Di Kelantan" (dalam buku Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-141 di Kota Bharu, Kelantan, (Julai 1987); "Peperangan Di Kelantan/The War in Kelantan, 7-8 Disember 1941" (buku, Februari 1988); "Negara Melayu Campa. Satu Tinjauan" dan "Campa Negeri Melayu Tertua Di Dunia" (Kertas Kerja dan artikel yang dibentangkan dan disediakan bagi Seminar Sehari Sejarah dan Tamadun Melayu Campa, di Kuala Lumpur, pada 13 September 1988), dan "Campa dan Dunia Melayu" (Kertas yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Kedua, di Kuala Lumpur, pada 15-20 Ogos 1989).